

**LAPORAN INI BELUM DIKEMASKINI**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 21 Mac 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah langkah-langkah kawalan yang telah serta akan diambil untuk memastikan barangan pengguna terutamanya di luar bandar tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan dasar ekonomi di mana secara umumnya penetapan harga barang-barang ditentukan oleh faktor-faktor pasaran kecuali bagi beras tempatan yang kawalan harganya dibuat melalui kuat kuasa undang-undang. Kawalan harga bagi barang-barang lain adalah berbentuk pentadbiran dan hanya terhad kepada 11 jenis barangan keperluan utama sahaja seperti tepung gandum, gula, minyak masak, susu pekat manis dan lain-lain.

Walaupun demikian, dengan aspirasi serta tanggungjawab kerajaan untuk tidak membebankan rakyat, kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan kestabilan harga. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) secara tegas dan konsisten menjalankan pemeriksaan bagi memastikan peniaga-peniaga tidak melakukan perbuatan mencatut atau apa-apa aktiviti lain yang boleh menjejaskan kedudukan bekalan dan harga barang-barang. Dalam aspek ini penekanan diberi kepada pemeriksaan di kawasan-

kawasan luar bandar di mana kekerapan pemeriksaan dipertingkatkan. Pada masa yang sama, pihak kementerian juga menggerakkan pemeriksaan price auditing bagi kawasan-kawasan luar bandar yang mana perbandingan harga barang-barang dibuat bagi sesuatu tempat dengan tempat lain yang sama persekitarannya. Jika terdapat perbezaan harga yang ketara, tindakan diambil dengan mendapat kerjasama peniaga untuk menurunkan harga barang-barang yang terlibat;

- (ii) pemeriksaan-pemeriksaan yang dijalankan di kawasan-kawasan luar bandar juga dibuat dengan menyeluruh bagi menentukan peniaga-peniaga tidak melakukan penyelewengan terutamanya berhubung dengan tanda harga dan pelabelan ke atas barang-barang tersedua bungkus. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan dikenakan kompaun serta-merta; dan
- (iii) memantau perkembangan harga bagi 233 jenis barangan keperluan harian setiap minggu serta menjalankan penyiasatan sekiranya harga barang-barang naik tanpa justifikasi yang munasabah. Perancangan juga sedang dibuat bagi menghebahkan kedudukan harga barang-barang keperluan melalui televisyen iaitu RTM1 untuk memudahkan pengguna mengetahui kedudukan aliran harga barang-barang berkenaan.

Kementerian juga sedang dalam proses mewujudkan skim penstabilan harga yang akan merangkumi sistem amaran awal serta mekanisme tindakan bagi membolehkan tindakan segera diambil ke atas bekalan barangan tertentu khususnya makanan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang apakah langkah-

langkah yang lebih berkesan untuk menstabilkan barang-barang keperluan harian di negara kita ini selain daripada usaha untuk membuat pemeriksaan-pemeriksaan seperti yang dilakukan semasa menjelang perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa. Usaha yang dijalankan itu adakah kerap dijalankan supaya harga barang-barang harian ini yang sangat penting untuk kepentingan pengguna dapat distabilkan demi kepentingan kita semua. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah, saudara sejawatan saya. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa mengambil langkah-langkah perlu sepanjang tahun bagi membendung berlakunya kenaikan harga barang pengguna. Langkah-langkah yang diambil ini adalah merupakan tindakan berterusan dan meliputi aktiviti-aktiviti berikut:

- Mengawal selia aktiviti pengeluaran, pengimport, pengedaran, pensetoran dan penjualan barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Dengan kawal selia yang dijalankan ini, bekalan barang-barang tersebut mudah diperolehi dan dengan itu harganya akan berada di paras yang berpatutan. Kawal selia ini mengisytiharkan 21 jenis barang-barang keperluan sebagai barang kawalan sepanjang masa.
- Mengisytiharkan 25 jenis lagi barang-barang keperluan sebagai barang keperluan musim perayaan. Daripada 21 jenis barangan yang diisytiharkan sebagai barang kawalan sepanjang ini, 12 daripadanya adalah tertakluk kepada pelesenan di bawah undang-undang subsidiari di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Di samping itu, anggota-anggota penguatkuasa kementerian menjalankan pemeriksaan fizikal di setiap peringkat urusniaga bagi menentukan tidak ada pihak-pihak yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan harga barangan seperti penyorokan, enggan

menjual, mengenakan syarat jualan yang tidak sah dan sebagainya.

- Mewajibkan penjual runcit meletakkan tanda harga ke atas barang-barang yang dipamerkan untuk membolehkan pengguna mengetahui harga barang-barang berkenaan dan seterusnya membuat perbandingan harga serta mengesan sebarang perubahan harga yang berlaku. Melalui tindakan ini pengguna akan membeli barangan dengan harga yang berpatutan dan membeli daripada kedai yang menawarkan harga yang terendah. Peraturan yang mewajibkan penandaan tanda harga runcit ini dibuat melalui perundangan subsidiari diwujudkan di bawah Akta Kawalan Harga 1946.
- Menjalankan kutipan harga ke atas 26 jenis barang keperluan pada setiap hari dan maklumat harga tersebut disiarkan di laman web kementerian.
- Mewujudkan skim penstabilan harga barang-barang petroleum.
- Menggalakkan pengguna membeli barang buatan Malaysia, dan
- Mengawal harga runcit beras tempatan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian. Cuma soalan tambahan. Kita tahu langkah-langkah pihak kementerian berhubung dengan masalah kawalan tanda harga yang dibuat ke atas pekedai, peruncit. Cuma saya ingin bertanya, sebelum pegawai-pegawai berkenaan datang, pekedai ini sudah lebih tahu terlebih dahulu. Jadi, bila sampai pegawai-pegawai berkenaan semua sudah selesai. Ini masalahnya. Ini berlaku terutama di kawasan luar bandar termasuk di kawasan saya sendiri. Kinabatangan juga saya ingat, dengan izin. Apa tindakan? Terima kasih.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Kementerian saya amat sedar bahawa kalau ada kenaikan harga-harga ini lebih terasa di tempat luar bandar. Di sini kementerian kita untuk tahun sudah, telah menjalankan pemeriksaan fizikal ke lebih daripada 600,000 dan untuk tahun ini akan menambahkan kekerapan pemeriksaan fizikal 50% dan dalam 50% ini akan menambah untuk luar bandar 50%. Ini bermakna kalau berbanding dengan tahun yang sudah, pemeriksaan yang dijalankan di luar bandar baru capai 25%. Kalau pada keseluruhannya menambahkan atau meningkatkan pemeriksaan fizikal, lebih daripada 1 juta. Ini bermakna pada tahun ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan menjalankan lebih daripada 500,000 di luar bandar untuk memastikan harga barang-barang tidak akan dinaikkan sewenang-wenangnya khususnya di luar bandar. Sekian, terima kasih.

2. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:-

- (a) jumlah terkumpul tabung tanaman semula yang ada di tangan FELDA dan adakah wang-wang ini akan dikembalikan kepada peneroka selepas tanaman semula dijalankan; dan
- (b) apakah tindakan FELDA bagi menangani masalah sosial yang semakin meruncing di kalangan generasi muda dalam rancangan tanah FELDA.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**

**[Dr. Robia binti Dato' Kosai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) semua peneroka FELDA yang mendapat kebun sawit mencarum kepada Tabung Tanam Semula Sawit dengan kadar RM4.00 seekar sebulan. Pencaruman ini berjalan sepanjang tempoh kebun mengeluarkan hasil. Kedudukan baki wang tabung pada 31 Disember 1999 ialah RM484,891,226. Wang caruman ini digunakan untuk

membiyai kos perbelanjaan tanam semula kebun-kebun sawit peneroka. Bantuan akan dikeluarkan semasa kerja-kerja tanaman semula dijalankan dan kadar bantuan yang diberikan ialah RM1,700 seekar. Kadar ini adalah lebih banyak berbanding caruman terkumpul yang berjumlah kira-kira RM960 seekar sahaja. Jadi, untuk seorang peneroka itu kita beri RM17,000 kalau dibandingkan dengan RM9600 kalau dicarumkan. Jadi, wang daripada tabung ini tidak diberikan secara tunai kepada peneroka. Bagi mereka yang membuat tanam semula sendiri, bayaran dibuat secara berperingkat dalam empat kali bayaran selepas kerja-kerja disiapkan.

- (b) FELDA telah mengambil beberapa tindakan bagi menangani masalah sosial di kalangan generasi muda dalam rancangan tanah FELDA. Di antaranya program pembangunan masyarakat dilaksanakan sejak peneroka mula memasuki tanah rancangan FELDA. Selain peneroka dan isteri, program ini turut diadakan untuk anak-anak peneroka. Tumpuan program pembangunan anak-anak peneroka ialah kepada aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan bagi mereka yang masih di bangku sekolah.

Yang kedua, latihan kemahiran vokasional pula diadakan bagi mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Yang ketiga, tindakan dilaksanakan melalui JKKR dan Persatuan Belia yang ditubuhkan di tiap-tiap rancangan. Badan-badan ini yang dianggotai oleh ketua-ketua peneroka dan pemimpin belia dari masa ke semasa, merancang program-program yang dapat memenuhi masa lapang

belia-belie dengan aktiviti-aktiviti berfaedah. Program-program ini dijalankan dengan kerjasama jabatan-jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, MARA dan PEMADAM.

**Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan soalan (b) adakah rancangan bagi FELDA untuk melantik anak-anak peneroka yang telah berjaya untuk menjadi ahli lembaga FELDA atau anak-anak syarikatnya oleh kerana mereka ini lebih arif dalam mengenal pasti punca utama masalah gejala sosial yang melanda generasi muda di dalam rancangan tanah FELDA disebabkan mereka juga dibesarkan dalam keadaan yang serupa. Terima kasih.

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapati banyak profesional yang dibesarkan di rancangan-rancangan FELDA, tetapi jika mereka berminat dan kita tidak ada halangan untuk menjadi ahli lembaga dalam anak-anak syarikat FELDA. Kita pun akan mengadakan berbagai-bagai kursus motivasi memanggil mereka balik untuk contribute, dengan izin, terhadap pembangunan terutama dari segi sosial dalam rancangan-rancangan FELDA ini.

**Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah FELDA mempunyai apa-apa tabung bantuan untuk aktiviti pembangunan masyarakat, dirancang?

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi jawapan soalan Yang Berhormat bagi Batu Pahat, memang FELDA mengadakan tabung sosio-ekonomi peneroka. Tabung ini ditubuhkan pada tahun 1983 dan diwujudkan tabung ini untuk pelbagai aktiviti pembangunan masyarakat di 'Rancangan'. Sehingga 31 Disember 1999 kedudukan baki Tabung Sosio-ekonomi ini adalah RM85.87 juta. Bagi tahun kewangan 1999 sahaja, sejumlah RM10.85 juta telah dibelanjakan. Daripada jumlah ini RM10.19 juta adalah untuk bantuan melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan sosial di rancangan termasuk pembayaran elaun ketua peneroka dan bantuan kemudahan sosial seperti perbelanjaan membaiki bangunan awam serta membiayai empat buah asrama

Semai Bakti. Manakala bakinya diberikan dalam bentuk pinjaman untuk projek ekonomi dan pelajaran tinggi anak-anak peneroka. Dan kegunaan tabung ini khususnya untuk membiayai pinjaman, bantuan dan aktiviti seperti berikut:

Menyediakan kemudahan pinjaman bagi aktiviti-aktiviti ekonomi peneroka melalui pinjaman ekonomi kecil, pinjaman perniagaan dan pinjaman koperasi. Pinjaman pelajaran tinggi untuk anak-anak peneroka melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi dan pinjaman membaik pulih kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah agama, tadika, balai raya dan masjid. Dan tabung ini juga membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan sosial termasuklah membiayai perbelanjaan Asrama Semai Bakti dan kegiatan lain anjuran JKPPGPW dan belia. Sekian, terima kasih.

3. **Dato Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Kewangan menyatakan, memandangkan tuntutan gantirugi insurans kecelakaan jalan raya selalu mengambil masa yang panjang dalam perbicaraan mahkamah dan ini telah menjadi satu beban kepada mangsa-mangsa yang terlibat, adakah kerajaan mengkaji tindakan yang sesuai untuk mempercepatkan proses tuntutan gantirugi kecelakaan jalan raya ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan adalah prihatin mengenai kelewatan dalam tuntutan gantirugi insurans kecelakaan jalan raya dan berusaha untuk mempercepatkan proses ini. Di bawah Jabatan Pengawalan Insurans, Bank Negara Malaysia (BNM), satu unit telah ditubuhkan dan bertindak sebagai pusat rujukan bagi semua aduan dan pertanyaan terutamanya mengenai tuntutan insurans. BNM selalunya menggunakan moral suasion di samping mendapatkan kerjasama daripada Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dalam menyelesaikan pertikaian-pertikaian di antara orang ramai dengan penanggung insurans.

BNM juga telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan beban ke atas mangsa-mangsa kecelakaan jalan raya akibat daripada kelewatan dalam mendapatkan proses gantirugi oleh mahkamah. Langkah-langkah tersebut ialah:

- i. memperkenalkan garis panduan penyelesaian tuntutan insurans dalam tahun 1995 untuk mengatasi kelewatan

penanggung insurans dalam mengendalikan tuntutan yang menyatakan tempoh yang sepatutnya diambil oleh penanggung insurans dalam pelbagai peringkat dalam satu kitaran tuntutan dan memastikan penanggung insurans menangani tuntutan secara profesional serta mengurangkan pertikaian-pertikaian berkaitan tuntutan insurans dibawa ke mahkamah;

- ii. penanggung insurans dikehendaki melayan tuntutan kerosakan harta benda pihak ketiga dalam kes-kes di mana pemunya polisi tidak melaporkan kecelakaan tersebut;
- iii. mengarahkan industri insurans menetapkan cara pengendalian tuntutan yang melibatkan kemalangan berangkai tanpa mengambil kira liability kenderaan-kenderaan yang terlibat; dan
- iv. menyemak prosedur '*knock for knock*' di kalangan penanggung insurans bagi mempercepatkan proses pengendalian tuntutan insurans.

Bagi aduan ataupun pertikaian ke atas tuntutan yang melibatkan kerosakan sendiri, Biro Pengantaraan Insurans telah ditubuhkan dalam tahun 1991 oleh PIAM untuk menerima masalah-masalah berhubung aduan-aduan, pertikaian dan tuntutan yang dibuat berkaitan dengan polisi insurans termasuk insurans motor. Keputusan Biro adalah termeterai ke atas penanggung insurans tetapi tidak ke atas pemunya polisi. Mana-mana pemunya polisi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Biro boleh membawa kes mereka ke mahkamah. Dengan penubuhan Biro, adalah diharapkan kes-kes berkaitan dengan tuntutan insuran yang dibawa ke mahkamah dapat dikurangkan. Sejak ditubuhkan sehingga akhir tahun 1998, Biro tersebut telah berjaya menyelesaikan tuntutan sebanyak 961 kes ataupun 94% dari jumlah kes yang diterima yang berada di bawah terma rujukannya.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil ini telah dapat mengurangkan beban dan kesulitan yang dihadapi oleh mangsa kecelakaan jalan

raya yang terlibat dan mempercepatkan proses gantirugi yang dikatakan mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikannya. Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Setiausaha Parlimen yang baru dari negeri Johor. Saya ingin tanya, di samping usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu kes-kes kecelakaan jalan raya tetapi masih ramai pelanggan syarikat-syarikat insurans ini yang merasa bimbang dan selalu tanya, apakah bentuk perlindungan yang diberikan kepada pemegang-pemegang polisi insurans am dan insurans nyawa daripada syarikat-syarikat insurans yang menghadapi masalah kewangan ataupun yang telah diisytiharkan bankrap ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang dan terima kasih juga di atas penghargaan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kluang, pihak Bank Negara sentiasa prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pemegang polisi insurans yang berhadapan dengan masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Oleh kerana itu di bawah Seksyen 173(1) Akta Insurans, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan dan menyelenggarakan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans (KWSJI), bagi perniagaan insurans am dan insurans hayat atau insurans nyawa.

Dan, KWSJI ini digunakan untuk memenuhi sebahagian daripada liability, menanggung atau syarikat insurans yang tidak solvent, juga yang telah diisytiharkan bankrap seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kumpulan wang ini, untuk makluman Yang Berhormat dibiayai terutamanya daripada levi yang dikenakan ke atas syarikat insurans berlesen iaitu sebanyak 1% daripada pendapatan premium langsung, juga daripada pelaburan dana, serta 50% daripada jumlah denda yang dikutip daripada kampaun kesalahan di bawah akta insurans ini. Dan untuk makluman Yang Berhormat, pada akhir Februari 2000, KWSJI bagi perniagaan insurans am berjumlah RM230 juta. Manakala KWSJI bagi insurans hayat ataupun insurans nyawa, pada akhir Februari 2000 berjumlah RM0.39 juta.

Misalnya sepanjang tahun 1999, KWSJI telah membereskan 3,622 tuntutan terhadap McCentail Insurans Sdn. Bhd. (MISD) dan melibatkan sejumlah wang sebanyak RM32.064 juta ertinya syarikat-syarikat yang berhadapan dengan masalah kewangan tetapi policy holders tetap diberikan perlindungan melalui tabung KWSJI ini dan mereka masih dapat pampasan atau gantirugi sesuai dengan tuntutan mereka. Dengan cara ini, berhadapan dengan penanggung insurans yang bermasalah, orang ramai iaitu pemegang-pemegang polisi insurans dapat diselesaikan sebahagian daripada kerugian mereka melalui tabung KWSJI ini. Sekian, terima kasih.

**Dato Goh Siow Huat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah kerajaan dapat menentukan sesuatu kes perbicaraan kecelakaan jalan raya yang tidak boleh ditunda melebihi dua kali berturut-turut khususnya kepada syarikat insurans. Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya kes-kes yang dibawa ke mahkamah mengambil masa yang agak panjang dan proses penyiasatan, pengumpulan bukti untuk menentukan kesahihan dan ketulenan sesuatu kes adalah rumit dan mengambil masa yang lama dan bukti yang tidak lengkap atau tidak mencukupi akan menyulitkan pihak mahkamah membuat sesuatu keputusan. Dan kes yang Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu kes yang bertunda ya? ..... maksudnya .....

**Dato Goh Siow Huat:** Kes itu berturut-turut tidak boleh melebihi dua kali.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Kes yang sama?

**Dato Goh Siow Huat:** Kes yang sama.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Dan saya rasa perkara ini diberikan perhatian oleh pihak kerajaan supaya kes yang bertunda atau berturut-turut seperti itu dapat kita atasi masalahnya dan sebenarnya perkembangan yang mutakhir ini memberikan kita sedikit harapan yang cerah kerana kalau kita baca laporan akhbar tentang kenyataan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat bagi Jelevu yang disiarkan pada 25 Februari 2000 yang menegaskan,

dengan izin, “*there should be a specific time frame, by which court cases must be settle. All parties must abide by it, rain or shine*”.

Ertinya, ini memberikan kita satu harapan yang cerah bahawa kes-kes di mahkamah yang selalunya berlarutan akan diberikan satu *specific time frame* supaya kes-kes yang bertunda seperti itu dapat kita atasi masalahnya dan kes-kes yang berlarutan kadang-kadang mengambil masa yang cukup panjang untuk diselesaikan dapat kita selesaikan dalam tempoh yang spesifik, dalam tempoh yang lebih memberikan keyakinan kepada kita. Dengan sebab itu saya rasa dengan adanya harapan ini, saya harap kes-kes mahkamah yang selalunya berlarutan itu akan dapat dipendekkan untuk faedah *policy holders* kita. Terima kasih.

4. **Datuk Wira Abu Seman bin Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan banyak rungutan dari ibu bapa di atas Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional lambat meluluskan permohonan dan juga mengeluarkan pembiayaan pinjaman tabung berkenaan, sejauhmana dakwaan ini benar dan apakah kriteria untuk mendapatkan kelulusan pembiayaan pinjaman tabung tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** [*Microphone tidak berfungsi dengan baik*] Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ‘*speaker*’ pun, ‘*mic*’ pun hendak sabotaj saya ini sebab ramai daripada pihak pembangkang mungkin pergi ke Sanggang ni. [*Ketawa*] Ada juga bising ye, ramai yang pergi ke Sanggang nampaknya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan berlakunya kelewatan dalam proses memberi kelulusan serta pengeluaran wang pinjaman kepada pelajar oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Sekiranya berlaku kes kelewatan, ia disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya ialah Perbadanan tidak memperolehi maklumat lengkap dari pelajar seperti yang dikehendaki. Selain itu terdapat juga sebilangan kecil pelajar yang lambat memulangkan dokumen seperti surat setuju terima dan borang perjanjian, sedangkan dokumen tersebut diperlukan bagi membolehkan wang pinjaman dikeluarkan.

Perbadanan sentiasa mematuhi keperluan peraturan kewangan yang menghendaki pengeluaran wang pinjaman tidak boleh dilakukan tanpa dokumen lengkap. Bagi kriteria mendapatkan pinjaman, sukacita dimaklumkan bahawa ukuran utama yang digunakan ialah tahap pendapatan ibubapa pelajar tanpa mengira kaum. Sebagai tambahan makluman, sukacita dinyatakan bahawa baru-baru ini pihak Menteri Pendidikan telah mengeluarkan arahan supaya proses pendahuluan pinjaman dikemaskinikan bagi membolehkan pinjaman tersebut kepada pelajar-pelajar baru dibuat dalam masa dua minggu.

**Datuk Wira Abu Seman bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Sukacita kalau kementerian dapat memberitahu berapakah jumlah tabung pada ketika ini dan buat masa ini apa yang kita tahu bahawa pelajar-pelajar dari IPTA dan beberapa pelajar daripada kolej swasta seperti UNITEN, UNITEL, Universiti Petronas, Universiti Tun Razak dan 'Universiti' Medical International, hanya diberi pembiayaan ini. Adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk memperluaskan kepada kolej-kolej swasta yang mana pelajar-pelajarnya mengikut kursus-kursus yang ada hubung kait dengan kehendak negara. Oleh kerana kalau yuran yang dibayar kepada kolej-kolej swasta ini adalah tinggi dan mungkin dengan pembiayaan daripada tabung ini mungkin dapat mengurangkan bebanan ibu bapa pelajar-pelajar ini. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soalan bahagian pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak dapat memberi angka-angka itu secara terperinci kerana sekiranya diberi terperinci mungkin kadang-kala berlakunya kesilapan. Oleh yang demikian, saya harap akan diberi segala detailnya kepada Yang Berhormat berkenaan secara notis.

Mengenai dengan memperluaskan kepada kolej-kolej swasta yang lain, kita di sini menurut peraturan yang sedia ada, IPTS yang boleh dipertimbangkan untuk pinjaman daripada tabung ini ialah Universiti Multimedia-Telekom, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Perubatan Antarabangsa, itu kita pertimbangkan. Bagi universiti-universiti ataupun kolej-kolej swasta yang lain, sekiranya ini dibangkitkan oleh

Yang Berhormat, kita sedia mempertimbangkannya tetapi saya tidak boleh memberi jawapan yang tepat, kita tetap akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Mengenai dengan yuran yang hendak dibayar terlalu tinggi itu, kita juga sedang memantau bagi kolej-kolej swasta tersebut supaya bayarannya juga agak begitu rendah tetapi oleh kerana mereka ini bukan mendapat pembiayaan dari mana-mana badan kerajaan oleh demikian kita masih memantau keadaan supaya yuran-yuran tersebut tidak melambung begitu tinggi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berharap ibu bapa dan juga pelajar-pelajar apabila lepas dari universiti kelak dapat membayar dengan tepat, dengan mengikut jadual yang diadakan kerana ada juga daripada segi pengalaman termasuk di Institut Teknologi MARA tidak membayar balik. Ini masalah, masalah. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab soalan saya seperti yang ditanyakanlah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ..... kerana kadang kala, Tuan Yang di-Pertua, 'lain bidok lain di galang' ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, sabar sedikit [*Disampuk*] Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengkaji semula keberkesanan, kecekapan kakitangan di dalam Tabung Pendidikan Tinggi Nasional kerana tabung ini memang diperlukan untuk menampung perbelanjaan pendidikan.

Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat itu kaji semula keberkesanannya kerana nampak ada setengah-setengah tidak begitu berkesan. Mungkin kerana kita baru bermula dengan tabung seumpama ini dan tidak cukup pengalaman dan mungkin kita perlu ada latihan dan menambah bilangan kakitangan untuk menguruskan tabung seperti ini dan juga selain daripada memperluaskan skop seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi

Alor Gajah tadi, saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat itu akan mempertimbangkan lagi misalnya penuntut-penuntut di luar negara yang mengambil kursus yang diperlukan oleh negara ini yang kerana krisis ekonomi menghadapi kesusahan. *[Disampuk]* Memang kerana negara ini tidak cukup tempat untuk melatih semua profesional yang diperlukan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat,  
.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....mereka ada di luar negara. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat,  
.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dan ini .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cukup kerana bising.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup. Yang Berhormat yang beri peluang untuk mereka bising.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak bagi kerana Pengerusi tidak dapat mengawal keadaan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat sila duduk.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi *[Disampuk]* .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ...bagi Kepong, kadangkala pemikirannya agak terkepung juga *[Ketawa]* sebab itu gelagatnya seperti itu tadi bila dia menyoal saya sahaja macam-macam perkaralah. Saya faham bahawa Yang Berhormat tadi masih menaruh harapan kepada saya dan saya ucap ribuan terima kasih dan apatah lagi hari ini soalnya nampak macam ada soalan tetapi tidak ada soalan *[Ketawa]* Oleh kerana mungkin soalan itu bagi pihak teman-teman yang lain, yang tidak ada di sini. Mungkin ke Sanggang agaknya di blok itu. *[Ketawa]* Rasa sayalah, pergi ke Sanggang.

Jadi, saya rasa mengapa pula Yang Berhormat bagi Kepong tidak ke Sanggang, ya untuk pergi bersama-sama serta dengan PAS. *[Ketawa]*

Mengenai dengan bayaran balik ikut jadual, kita memang mengambil begitu perhatian secara serius sebab kes-kes ini telah dibangkitkan kerana pada tahun yang lalu banyak kerenah telah berlaku. Jadi, dengan harapan bahawa tahun ni kita akan betulkan keadaan supaya bayaran itu dapat dibayar semula mengikut jadual seperti yang dikehendaki oleh universiti-universiti tersebut.

Begitu juga dengan perkara yang telah dibangkitkan mengenai MARA tidak bayar balik ini, ramai tidak bayar balik, itu bukanlah di bidang kita. Saya rasa perkara ini boleh dibangkitkan dengan pihak MARA sendiri, tidak boleh dibangkitkan dengan pihak kita. Mengenai dengan .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Pembesar suara tidak dihidupkan]* Sebagai contoh sahaja, kita tidak mahu berlakunya masalah yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat, saya belum habis lagi Yang Berhormat sudah hendak tanya soalan. *[Ketawa]* Boleh Yang Berhormat tunggu dahulu jawapan saya? *[Yang Berhormat bagi Kepong memberikan isyarat]* Oh, saya faham, saya faham, saya faham.

Mengenai dengan cadangan supaya meneliti semula tentang kakitangan yang bekerja dengan tabung tersebut sama ada berkesan atau tidak berkesan, saya beri jaminan di sini bahawa kakitangan sekiranya tidak mencukupi kita akan tambah beberapa orang lagi sekiranya itu yang dikehendaki. Begitu juga dengan keberkesanan mengenai dengan pembahagian tabung dan juga kerja mereka dan tanggungjawab mereka terhadap tabung ini, saya dapati mereka ini begitu prihatin sebab baru-baru ini dalam pertemuan saya dengan mereka apabila memberi segala macam taklimat, mereka begitu prihatin mengenai dengan mahu mempercepatkan proses pemberian tabung tadi.

Begitu juga seperti mana yang telah saya beri jawapan awal pada mulanya, saya telah menyebut di sini mereka juga perlukan segala macam dokumen

dan sebagainya bagi membolehkan proses pinjaman itu dipercepatkan tetapi malangnya, pada masa yang lampau apa yang berlaku ialah dokumen-dokumen tersebut tidak sampai kepada mereka, maka tidak boleh mereka proses dokumen tadi. Dengan itu, mungkin kerana itu berlakunya kelewatan dan maka timbullah beberapa masalah dan kadangkala dipolitikkan oleh pihak pembangkang.

Mengenai dengan penuntut-penuntut di luar negara sama ada mereka akan diberikan pinjaman ataupun tidak, bagi saya, saya telah menjawab soalan ini sudah dua kali saya sudah jawab. Mungkin Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan yang mulia ini, mungkin. Terima kasih.

*[Soalan No.5 - Y.B. Datuk Song Swee Guan [Bandar Kuching] tidak hadir]*

6. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kerajaan bercadang meminda Akta Pemaju Perumahan untuk mengamalkan sistem "bina dan jual" untuk mengganti sistem "jual dan bina" dalam urus niaga jual-beli perumahan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pemaju Perumahan tidak perlu dipinda untuk membolehkan Sistem Bina Kemudian Jual diamalkan. Buat masa inipun sudah ada pemaju yang mengamalkannya walaupun bilangan pemaju ini adalah kecil sahaja. Di bawah Sistem Bina Kemudian Jual pemaju hanya akan menjual rumah tersebut setelah siap dibina dan telah dikeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki atau CFO.

Ini bermakna pemaju perumahan tersebut tidak perlu memohon lesen dan tidak tertakluk kepada peraturan-peraturan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 dan ini juga merupakan suatu insentif bagi menggalakkan mereka mengamalkan Sistem Bina Kemudian Jual. Sekian.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah insentif-insentif yang akan diberikan oleh kementerian supaya menggalakkan lebih ramai pemaju untuk mengamalkan Sistem Bina dan Jual sama ada kementerian ada dari segi kos rumah-

rumah di bawah sistem baru ini, berapa banyak peratusan lebih tinggi daripada old system yang diamalkan supaya menggalakkan lebih ramai pemaju mengamalkan Sistem Bina dan Jual?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih. Dari segi insentifnya buat masa sekarang sebab kementerian ini tidak mengamalkan sistem atau tidak terus memberi galakan kepada pihak pemaju untuk mengamalkan sistem ini, maka buat masa sekarang kita tidak ada insentif khusus bagi pemaju-pemaju yang ingin menggunakan sistem ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengatakan di sini pihak badan-badan berkanun perumahan di peringkat negeri seumpamanya di Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak dan juga Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar di Sabah telah mengamalkan sistem ini apabila mereka mengadakan Program Perumahan Awam Kos Rendah di negeri masing-masing dan nampaknya sistem yang digunakan oleh mereka memerlukan modal yang agak besar kerana pihak pemaju ini perlu menyiapkan semua rumah tersebut sebelum ia dijual.

Ini bermaknanya *holding cost*, dengan izin, adalah tinggi dan ini sebahagian besar daripada kos yang kalau sistem ini digunakan oleh pihak pemaju, ianya akan melibatkan kos yang lebih tinggi. Berapa peratusnya kita sekarang masih sedang kaji kerana apabila kita ada sistem data yang mencukupi, maka kita bolehlah memberi satu gambaran yang lebih jelas dan terperinci kepada pemaju-pemaju yang ingin menggunakan sistem ini dan masa itu barulah kementerian saya dapat membuat satu penilaian sama ada sistem ini boleh diamalkan di negara kita.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon penjelasan berhubung dengan pemaju-pemaju yang ikut sistem 'Jual dan Bina' ialah masalah berhubung dengan pembayaran 10% yang dikenakan oleh pemaju kepada pembeli-pembeli yang mana kadangkala rumah itu tidak dapat disiapkan ikut jadual dan kadangkala projek itu tergendala dan ini menyebabkan pembeli-pembeli akan kerugian. Maka, ada tempat juga tanah kosong belum dibina tetapi pemaju telah minta dahulu wang 10%. Kalau berlaku

sedemikian, adakah kerajaan bersetuju supaya pembeli-pembeli itu diberi ganti rugi, yang sudah bayar 10%. Hendak minta balik wang 10% pemaju tidak hendak pulangkan. Ini ada berlaku di kawasan saya.

Jadi, kalau boleh saya mohon cadangkanlah supaya pemaju juga dikenakan denda sedikitlah, kalau dia terlambat, kemudian tergendala rumah, tiga empat tahun tidak siap, wang 10% sudah ambil. Adakah satu hukuman atau denda dikenakan juga kepada pemaju yang telah begitu lama untuk menyiapkan rumah dan ada juga yang menjual kepada kompeni yang lain. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak jelaskan di sini juga bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, akta ini sedang dikaji semula dan inipun diumumkan oleh Menteri saya dalam penggulangan perbahasan peringkat dasar dalam sesi ini dan kita haraplah apabila kajian semula itu telah siap dan seksyen-seksyennya yang berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita akan ambil perhatian dan tentulah kita akan mengadakan satu sistem, satu akta yang lebih berkesan dan lebih jujur kepada semua pihak, pihak pembeli dan juga pihak pemaju.

Saya juga hendak sebut di sini memang sistem yang kita gunakan sekarang iaitu sistem Jual dan Kemudian Bina ada aspek-aspek negatif terhadapnya dan kita tahu sebab itu kita sekarang sedang mengkaji semula Akta Perumahan dan ini akan terus kita cuba menyelesaikan masalah atau perkara-perkara negatif terhadap sistem yang ada sekarang dan akhirnya kita terus berharaplah pemaju-pemaju akan memberi perhatian tentang aspek-aspek *demand and supply*, dengan izin, dari pasarannya supaya kita ada cukup rumah-rumah dijual di pasaran. Kalau tidak cukup pun, itu akan mengakibatkan masalah kos rumah itu akan naik sebab kita tahu kalau demand itu lebih daripada supply, maka pihak pemaju akan menaikkan harga rumah tersebut.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap] tidak hadir]*

8. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pertanian menyatakan ke arah manakah penyelidikan sedang dijalankan supaya Malaysia tidak bergantung ke

atas beberapa komoditi pertanian sahaja dan apakah penyelidikan yang telah dibuat terhadap penanaman, penggunaan dan pengeksportan buah Engkabang di Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, arah haluan penyelidikan pertanian masa kini adalah untuk menjana teknologi yang dapat mempelbagaikan aktiviti dan memesatkan lagi pembangunan sektor pertanian.

Di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga, penumpuan penyelidikan adalah untuk memajukan industri sedia ada seperti kelapa sawit, getah, buah-buahan, ternakan dan perikanan serta pembangunan teknologi dan produk baru bagi meningkatkan prospek perindustrian. Produk-produk ini termasuk produk bioteknologi, produk semula jadi istimewa, bunga-bunga, ikan hiasan, tumbuhan air, ekuin, haiwan eksotik, sagu dan agropelancongan.

Jabatan Pertanian Negeri Sarawak telah menjalankan penyelidikan ke atas tanaman engkabang mulai tahun 1970. Penyelidikan tersebut ditumpukan kepada aspek penanaman engkabang khususnya dari segi pemilihan varieti-varieti yang sesuai untuk ditanam oleh pekebun-pekebun kecil. Terima kasih.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita kerap kali membaca dalam surat khabar bahawa penyelidik-penyelidik terkenal di negara Barat telah berjaya dalam usaha mereka memperkenalkan jenis-jenis baru ataupun *new breed* dan juga klon-klon yang baru dalam bidang tumbuhan pertanian ataupun dalam bidang ternakan *new livestock breed* dari usaha kloning dan lain-lain yang juga memberi mutu produktiviti yang baik dan tinggi.

Saya ingin tahu sejauh manakah penyelidikan tempatan telah berjaya dalam kegunaan kaedah-kaedah yang canggih seperti ini, seperti biotechnology, genetic engineering, plant breeding, dengan izin, bagi mempertingkatkan lagi mutu pengeluaran dan produktiviti buah engkabang di negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, buah engkabang ini berasal dari sejenis spesies dan keluarga deprocapasia yang biasanya terdapat dalam hutan Borneo. Pokok engkabang ini akan berbuah apabila ia berumur antara 12 tahun sehinggalah 20 tahun. Buat masa sekarang ini kita sedang meneliti, membuat kajian sama ada boleh pendekkan usianya untuk mendatangkan hasil.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sekalian, engkabang ini kita di Sarawak, kita keringkan isirongnya dan dieksport ke negeri Jepun dan Eropah kerana minyaknya dikeluarkan untuk diproses jadi gula-gula, coklat, sabun kosmetik dan farmaseutikal. Yang lainnya dari segi penggunaan biotech memanglah kita sedang pertingkatkan. Buat masa sekarang ini kita sedang mengusahakan misalnya dari segi padi, walaupun pernah dibangkitkan di Parlimen ini, maka dengan padi Bario di Sarawak dan kita telah memberi penekanan kepada padi Bario ini satu buah yang begitu popular di Sarawak dan juga di Malaysia kerana mutunya tinggi. Kita sedang mencari jalan untuk memendekkan umurnya untuk ditanam dan juga untuk mendatangkan hasil yang tinggi dan dari segi ketahanan kepada penyakit-penyakit seperti blast dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada kementerian ada membuat pengauditan ataupun penyelidikan terhadap kayu-kayu di hutan kita di Malaysia, oleh kerana selama ini orang yang membuat penyelidikan adalah orang dari Barat dan apa jua hasil untuk ubat-ubatan adalah dimiliki oleh mereka dan kita tertinggal. Jadi, apakah usaha-usaha supaya saintis kita juga dan juga syarikat-syarikat kita juga mendapat keuntungan kalau kita dapat menemui sesuatu yang berharga dan berguna untuk manusia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah pihak Barat mereka advanced dalam penyelidikan dan dari segi kajian penyelidikan hutan-hutan ini, pihak Forest Research Institute Malaysia (FRIM) sentiasa menjalankan pelbagai penyelidikan. Yang melibatkan Kementerian Pertanian ialah penyelidikan dari segi herba yang kita sedang usahakan sekarang ini di negeri Johor, di Perak dan di Melaka. Berkenaan dengan herba ini misalnya pegaga dan juga pokok

kesum, tongkat ali dan sebagainya, kita sedangkan menjalankan penyelidikan ke atas herba ini dan memang ada produk yang telah dipasarkan di Malaysia.

Jadi, kita harap dengan adanya bantuan dan juga sumbangan terutamanya dari pihak universiti dan juga pihak tertentu dapat membuat penyelidikan untuk memberi manfaat kepada semua. Terima kasih.

*[Soalan No. 9 – Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] tidak hadir]*

*[Soalan No.10– Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar] tidak hadir]*

**11. Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, memandangkan kegagalan penswastaaan perkhidmatan pembetungan (“sewage services”), sama ada kerajaan akan mengambil balik perkhidmatan tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya berpendapat penswastaaan perkhidmatan pembetungan tidaklah gagal memandangkan terhadap perkhidmatan yang diberikan boleh menepati perjanjian konsesi dipersetujui. Walau bagaimanapun, syarikat konsesi tidak dapat melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya memandangkan masalah kurang kerjasama daripada sebahagian orang ramai. Ini termasuk kegagalan orang ramai menjelaskan caj pembetungan. Oleh itu, kajian semula bagi sektor pembetungan sedang dilaksanakan oleh syarikat juruperunding bertauliah yang dilantik oleh kerajaan.

Kajian tersebut dijangka akan selesai pada pertengahan tahun ini dan segala syor daripada kajian itu akan diberi pertimbangan oleh kerajaan kelak.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa oleh kerana orang ramai tidak memberikan kerjasama kepada pihak IWK, ini adalah salah satu sebab yang mana pihak IWK mengalami masalah tetapi orang ramai tidak bekerjasama bukan dengan sengaja kerana caj sangat tinggi dan mereka tidak boleh menerima hal ini dan oleh yang demikian, minta pihak yang berkenaan

supaya mengurangkan caj yang berpatutan. Oleh yang demikian, saya tidak bersetuju bahawa orang ramai tidak bekerjasama.

Saya ingin juga mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah ini satu penswastaaan yang mana pihak kerajaan perlu mengkaji semula fungsi-fungsi utama oleh pihak berkuasa tempatan dalam bidang kerja pemetungan dan lain-lain tidak patut diambil alih oleh pihak Persekutuan kerana ini adalah fungsi utama pihak berkuasa tempatan yang bertujuan untuk menubuhkan pihak berkuasa tempatan adalah untuk menjalankan kerjanya, mengapa pihak Kerajaan Persekutuan tidak membuat kajian yang lebih mendalam sebelum mengadakan kerja penswastaaan pemetungan ini secara menyeluruh di seluruh negara. Saya ingin mendapat pandangan dan penjelasan Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Salah satu masalah yang dihadapi oleh IWK ialah caj yang dianggap tinggi oleh pelanggannya dan selain dari itu, masalah yang dihadapi oleh pihak IWK apabila menjalankan tugasnya ialah penghuni premis enggan membenarkan perkhidmatan pengosongan tangki septik itu yang dijadualkan oleh pihak IWK. Dan selain dari itu, IWK juga menghadapi masalah untuk mendapatkan tanah dari kawasan bandar untuk membina atau untuk pelupusan enapcemar yang dikeluarkan daripada tangki septik tersebut.

Semua ini akan menyulitkan pihak IWK untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan licin dan oleh sebab itu, maka pihak kerajaanlah telah memulakan perkara ini diberi satu kajian yang lebih mendalam termasuk juga caj yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan juga lain-lain perkara yang akan terus menjadi tumpuan dari orang ramai terhadap apa sebabnya pihak IWK nampaknya tidak berkesan, semua ini kita akan kaji semula oleh pihak perunding. Dan kita harapkan, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar sedikit, apabila kajian ini diselesaikan, kita akan memberi satu pengumuman kepada Dewan ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah cukup masanya.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 7, 9, 10 dan 12 hingga 22 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. *[Hari Kedua]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.1 hingga B.13 [Jadual] –  
Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan 2000] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dijemput menyambung jawapan.

**11.07 pagi**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin Haji Mulia]:** Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi, kelmarin petang sewaktu saya sedang berhujah untuk menggulung perbahasan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena telah melemparkan kata-kata yang memperkecil-kecilkan kehadiran saya dalam Dewan yang mulia ini, kononnya saya masuk pintu belakang dan yang teruk sekali Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sewaktu beliau sedang keluar, beliau mengatakan ataupun mengeluarkan perkataan unparliamentary iaitu ‘bodoh’.

Ahli Yang Berhormat bagi Larut telah merakamkan bantahan beliau dan kalau ada Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah pada hari ini dalam persidangan ini, saya sendiri akan minta supaya beliau menarik balik perkataan itu dan kita minta kepada Tuan Pengerusi, supaya apabila Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah kembali di Dewan ini bila-bila masa pun, perkataan 'bodoh' itu harus ditarik balik kerana kalau tidak, kita pun di sebelah Barisan Nasional akan menggunakan perkataan-perkataan yang lebih kesat lagi daripada itu. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena berulang kali mengatakan saya masuk pintu belakang sewaktu saya berhujah, sewaktu beliau duduk. Jadi, tafsiran saya kepada perkataan-perkataan tersebut ialah saya ini tidak patut untuk menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh pembangkang kerana saya bukan dipilih oleh rakyat, saya dilantik sebagai Senator. Bagi saya itu adalah memperkecil-kecilkan kedudukan saya. Kalaulah itu maksud Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena, beliau juga sewaktu memperkecil-kecilkan saya seolah-olah memperkecil-kecilkan Perlembagaan kerana kehadiran saya dalam Dewan Parlimen ini, Dewan yang mulia ini, adalah atas Perlembagaan dan saya menambah lagi kalaulah itu maksud Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena, memperkecil-kecilkan kedudukan saya, saya cabar supaya beliau itu membuat satu cadangan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Negeri Kelantan yang diperintah oleh PAS kerana menurut Perlembagaan kedua-dua negeri ini mempunyai hak untuk menghantar dua wakil Senator dari negeri masing-masing.

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena tidak mengiktiraf perlantikan Senator, maka saya cabar kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena untuk mencadangkan kepada kedua-dua buah negeri tersebut supaya tidak menghantar wakil Senate sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Pengerusi, kalau maksud Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena iaitu menggunakan perkataan 'masuk pintu belakang' kerana saya tidak bertanding, dengan rendah diri saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena, walaupun saya bertanding dalam pilihan raya Parlimen yang lalu, insya-Allah, saya akan menang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena pun tidak ada pada pagi ini.

**Datuk Pandikar Amin Haji Mulia:** Saya terpaksa menjawab persoalan yang telah dikemukakan, Tuan Pengerusi, oleh kerana segala yang disebut juga masuk dalam *Hansard* dan segala jawapan saya akan juga masuk dalam *Hansard*.

Tuan Pengerusi, saya berasal dari kawasan pilihan raya 148 Kota Belud. Dalam pilihan raya Parlimen 1995, saya telah memegang jawatan sebagai Pengarah, Pergerakan Pilihan Raya calon BN bagi kawasan tersebut dan alhamdulillah, BN menang dengan majoriti 7,000 lebih. Dalam pilihan raya 1999 sekali lagi saya dipertanggungjawabkan sebagai Pengarah Pergerakan Pilihan Raya calon BN, calon yang sama iaitu mantan Ketua Menteri Negeri Sabah yang duduk di sebelah sana, juga BN menang dan kali ini kita mencatat majoriti 9,000 lebih.

Tuan Pengerusi, persoalannya, sama ada saya menang dalam pilihan raya atau duduk di Dewan yang mulia ini, sebagai Senator, cara saya menjawab persoalan-persoalan daripada pihak pembangkang adalah sama, tidak ada beza. Kalau ada Ahli Yang Berhormat yang tidak suka cara saya menjawab, seperti kelmarin, tidak payah dengar, mereka boleh keluar setiap kali saya menjawab. Tetapi bagi saya, apa pun hujah Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang sama ada hujah mereka remeh, menyakitkan hati, tidak ada asas dan sebagainya, saya tidak akan keluar, saya tidak marah dan saya akan dengar dengan sabar kerana saya tahu setiap hujah Ahli Yang Berhormat boleh saya jawab dan saya tahu bahawa tuduhan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang semuanya tidak ada asas.

Tuan Pengerusi, dalam perbahasan Ahli Yang Berhormat bagi Tambun ada membangkitkan beberapa isu yang menggamitkan perhatian saya. Saya kagum dengan pendapat bernas daripada Tambun. Ahli Yang Berhormat bagi Tambun antara lain ada mencadangkan supaya kerajaan melalui agensinya iaitu JAKIM menjalankan penyelidikan di mana perlu ke arah memantapkan akidah dan mengukuhkan perpaduan di kalangan umat Islam.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun juga menyarankan sudi apa kiranya apabila kerajaan melalui agensinya, menyebarkan informasi terhadap Islam adalah

perlu untuk memberikan penekanan tentang ajaran dan tuntutan Islam yang sebenar. Ahli Yang Berhormat bagi Tambun juga menggesa kerajaan supaya Baitulmal memainkan peranan dengan lebih agresif lagi untuk memajukan ekonomi umat Islam.

Tuan Pengerusi, cadangan, saranan dan gesaan Ahli Yang Berhormat bagi Tambun ini adalah baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tambun, pihak kerajaan sedang menggiatkan usaha dan pendekatan untuk memberikan kesedaran kepada rakyat negara ini bahawa Islam itu 'addin' ataupun cara hidup. Semua usaha yang dijalankan oleh kerajaan sebelum dan sekarang ini seperti pembangunan pendidikan, pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, pembangunan sains dan teknologi dan sebagainya adalah tuntutan Islam.

Pihak kerajaan melalui JAKIM amat menyedari tentang betapa mustahak dan perlunya penyelidikan ke arah memantapkan akidah dan perpaduan umat Islam. Kajian-kajian bentuk ini akan dipertingkatkan lagi. Sebagai contoh, pihak JAKIM sedang berusaha untuk memberi kesedaran kepada rakyat bahawa di samping aspek ibadat, aspek-aspek lain seperti pembangunan muamalah dan ekonomi amat dituntut oleh Islam

Usaha untuk meningkatkan peranan dan keberkesanan Baitulmal adalah merupakan salah satu keutamaan kerajaan sekarang ini. Pihak kerajaan sedang menyediakan satu model pengurusan Majlis Agama dan Baitulmal yang terbaik untuk dikemuka bagi diterima pakai oleh Majlis Agama negeri-negeri.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Tambun supaya kerajaan negeri memberi tanah bergeran kepada Baitulmal atau Majlis Agama sangatlah dialu-alukan kerana ia mudah untuk dibangunkan dan dimajukan.

Mengenai cadangan untuk Kerajaan Persekutuan menyuntik modal kewangan kepada Baitulmal, perkara itu akan diberi pertimbangan sewajarnya. Di samping itu yang lebih penting, ialah penyusunan dan pemantapan organisasi dan pengurusan Baitulmal. Kerajaan akan meningkatkan usaha penyelarasan pengurusan dan pembangunan Baitulmal bagi memastikan harta Baitulmal bukan

sahaja diurus, menepati tuntutan dalam ajaran Islam tetapi mematuhi peraturan pengurusan kewangan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar membangkitkan isu penyelarasan Enakmen atau Rang Undang-undang Keluarga Islam. Beliau bertanya bilakah hendak dilaksanakan. Menurut beliau, sekarang ini timbul banyak masalah kepada keluarga Islam apabila melibatkan pergerakan dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain. Di samping itu, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga membangkitkan isu kekurangan kakitangan atas sebab itu menurut beliau sukar untuk mendapatkan perkhidmatan apabila tempat jauh memerlukan perkhidmatan.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar menyarankan agar kerajaan memberi elaun bagi pegawai-pegawai JAKIM yang bekerja lebih daripada waktu kerja. Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga memaklumkan bahawa masalah murtad telah dilaporkan kepada pihak JAKIM di Sarawak. Menurut beliau perkara seperti ini tidak dapat diselesaikan kerana JAKIM kekurangan tenaga pekerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batang Lupar, Rang Undang-undang Keluarga Islam telah pun siap. Rang undang-undang ini akan diangkat dan dibentangkan di persidangan Majlis Raja-Raja Melayu dalam sedikit masa lagi. Kerajaan Persekutuan menaruh harapan sepenuhnya agar semua negeri-negeri akan menerima pakai Enakmen ini nanti memandangkan ianya adalah keputusan Majlis Raja-Raja sendiri.

Mengenai dengan isu bilangan kakitangan JAKIM yang terhad, kerajaan sedang dalam proses untuk mengkaji semula struktur dan perjawatan Jabatan-jabatan Agama Islam termasuk perjawatan di peringkat daerah. Bagi isu masalah murtad di Sarawak, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, JAKIM akan membantu Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak untuk memohon kepada agensi Pusat untuk mendapatkan perjawatan yang secukupnya.

Berhubung dengan isu elaun, mengikut peraturan yang sedia ada, seseorang anggota Kumpulan Sokongan memang dibenarkan menuntut elaun lebih masa jika diarah bekerja di luar waktu pejabat. Bagi anggota Kumpulan Pengurusan dan Profesional pula, tidak dibenarkan menuntut elaun lebih masa tetapi boleh diberi cuti gantian.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datoh menyarankan supaya kerajaan mencari tokoh-tokoh yang berwibawa tetapi yang tidak kontroversi supaya program-program mengenai Islam yang dijalankan seperti Forum Perdana terus dapat sambutan masyarakat.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datoh juga berpendapat bahawa organisasi Baitulmal masih lemah, pengurusan kutipan zakat masih longgar, wang Baitulmal yang dikutip dimanfaatkan dengan teratur dan sepenuhnya seperti Bangunan Baitulmal digunakan untuk aktiviti yang bercanggah atau tidak sesuai dengan syariat Islam. Terdapat tanah wakaf selain dari tanah wakaf perkuburan atau sekolah tidak dibangunkan atau dimajukan.

Tuan Pengerusi, saranan mencari tokoh berwibawa memang diberi perhatian oleh kerajaan, JAKIM mempunyai senarai tokoh-tokoh yang terkemuka. Di samping menyediakan tokoh-tokoh, kerajaan terus mengadakan kursus-kursus yang sesuai di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).

Mengenai dengan isu kelemahan organisasi Baitulmal dan kutipan zakat, kerajaan sedang mengkaji semula struktur dan pengurusan Baitulmal. Sebuah model pengurusan Majlis Baitulmal sedang dibentuk untuk diterima pakai oleh Majlis Agama Islam Negeri termasuk dari aspek kutipan zakat. Kerajaan juga telah bersetuju melantik Jabatan Hasil Dalam Negeri sebagai amil untuk memungut zakat.

Mengenai dengan isu wang Baitulmal yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya, JAKIM mempunyai Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Baitulmal dan Zakat dengan negeri-negeri. Melalui jawatankuasa ini JAKIM akan memberi panduan, bimbingan dan teguran kepada majlis ataupun jabatan agama negeri supaya menggunakan wang zakat dengan teratur dan berkesan. Sebagai contoh, JAKIM

menggalakkan supaya keutamaan diberikan bagi wang zakat digunakan bagi tujuan pendidikan.

Mengenai dengan isu tanah wakaf yang tidak dibangun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datoh, kebanyakan majlis agama Islam negeri telah pun menubuhkan anak-anak syarikat atau perbadanan ekonomi Islam untuk memajukan tanah-tanah wakaf yang berpotensi dan viable, dengan izin, untuk dimajukan. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk memajukan tanah wakaf ini termasuk melalui kaedah built, operate and transfer (BOT), dengan izin. Majlis agama juga telah ramai melantik ahli jawatankuasa pembangunan majlis yang terdiri daripada pakar-pakar yang berkaitan termasuk daripada pihak swasta.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Mambong ingin tahu jumlah jabatan yang sudah mendapat pengiktirafan ISO 9000 dan sejauh manakah auditan dibuat selepas diberi persijilan ISO 9000. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hujung tahun 1999 sejumlah 80 agensi kerajaan telah diberikan pengiktirafan ISO 9000 dan agensi-agensi yang menerima pengiktirafan MS 9000 Perkhidmatan Awam akan diaudit setiap tahun oleh MAMPU untuk mengekalkan pengiktirafan persijilan yang telah diberi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah membangkitkan isu jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen yang tidak bermesyuarat kecuali Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Jawatankuasa Pemilih. Beliau mencadangkan supaya diwujudkan tiga jawatankuasa iaitu jawatankuasa Parlimen dan hal ehwal luar, jawatankuasa Parlimen hal alam sekitar dan jawatankuasa hak asasi manusia. Tuan Pengerusi, memang benar tiga jawatankuasa Parlimen iaitu Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Dewan dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan jarang bermesyuarat. Tarikh akhir Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat bermesyuarat pada 30 Julai 1998, Jawatankuasa Dewan pada 22 Jun 1995. Insyallah di masa akan datang jawatankuasa ini akan bermesyuarat bergantung kepada keperluannya. Berhubung dengan cadangan untuk menubuhkan tiga jawatankuasa Parlimen, perkara ini adalah inisiatif Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri dan mendapat restu Jawatankuasa Pemilih Dewan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah juga membangkitkan isu-isu iaitu isu Ahli-ahli Parlimen perlu dua pembantu – satu di KL dan satu di kawasan, pembangkang juga patut dibawa dalam rombongan kerajaan apabila melawat luar negara, pembangkang harus dibawa pada sidang IPU dan CPA dan Kerajaan Malaysia harus campur tangan untuk menangani masalah Aceh di negara Indonesia.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa dalam delegasi ke Persidangan Tahunan Pertubuhan Parlimen seperti Commonwealth Parliamentary Association dan Asean Inter-Parliamentary Organisation, kita memang membawa bersama wakil-wakil daripada pembangkang. Bagaimana pun kita tidak berupaya untuk membawa ramai wakil ke semua persidangan yang diadakan.

Mengenai isu campur tangan dengan masalah negara orang lain, adalah menjadi dasar luar Kerajaan Malaysia untuk tidak campur tangan dengan permasalahan orang lain kecuali dikehendaki dan diperlukan. Pada masa yang sama negara ini juga tidak mahu negara asing campur dengan apa pun urusan negara ini kecuali apabila kita memerlukan dan mengkehendakinya. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak beragak-agak, gerun atau takut untuk memberikan pandangan mengenai dengan isu-isu sejagat atau global terutama sekali berhubung dengan hal penindasan orang-orang Islam di negara-negara tertentu.

Berhubung dengan perkara membawa pembangkang bersama rombongan Perdana Menteri apabila melawat ke luar negara, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, biasanya yang turut serta dalam rombongan seperti ini, selain daripada menteri-menteri yang ada kaitan dengan misi lawatan tersebut dengan kakitangan-kakitangan kerajaan yang berwajib, yang dibiayai oleh kerajaan sepenuhnya, pihak swasta juga boleh memohon untuk turut serta atas biaya masing-masing. Kalau Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah kepingin untuk turut serta dalam rombongan Perdana Menteri ke luar negeri, silalah buat permohonan sama ada dibenarkan atau tidak, itu adalah hak dan budi bicara Perdana Menteri. Kalau juga Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah betul-betul

ingin menyertai rombongan Perdana Menteri ke luar negara, masuk Barisan Nasional dulu, peluang untuk dibawa tetap cerah. *[Tepuk]*

Mengenai soal untuk mendapatkan dua orang pembantu, kerajaan belum ada cadangan untuk mewujudkan jawatan tersebut. Ini adalah kerana pihak Backbencher juga sama kedudukannya dengan wakil rakyat pembangkang iaitu tidak ada pembantu di kawasan mahupun di KL. Kalau Ahli Yang Berhormat sungguh-sungguh berkhidmat untuk rakyat dan perlukan bantuan dua pegawai, kerajaan tidak melarang Ahli Yang Berhormat untuk melantik pegawai-pegawai tersebut dengan memberi mereka gaji daripada elaun Yang Berhormat sebagai wakil rakyat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Senai telah membangkitkan isu bayaran Sijil Halal yang tinggi berbanding dengan kadar sebelum ianya diswastakan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan telah pun mengkaji semula kadar bayaran yang dikenakan untuk bayaran Sijil Halal. Kadar bayaran baru ini jauh lebih rendah dan berpatutan berbanding dengan kadar bayaran yang telah dikenakan semasa perkhidmatan itu mula dilaksanakan dahulu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar telah membangkitkan isu-isu Biro Tata Negara (BTN) perlu dimansuhkan kerana kewujudannya adalah mysterious. Kononnya kerajaan takut memberikan maklumat penting kepada pembangkang. Beliau menyeru kerajaan untuk menginstitusikan layanan yang setimpal kepada pembangkang dan beliau menyarankan supaya Biro Pengaduan Awam perlu ada inisiatif untuk mencari aduan orang awam dan tidak menunggu orang awam untuk membuat aduan dan kononnya INTAN telah mengadakan banyak kursus melibatkan 26,000 peserta tetapi INTAN tidak menjalankan training evaluation analysis.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar, kerajaan tidak ada rancangan untuk membubarkan BTN kerana kewujudannya memanfaatkan rakyat negara ini. Mengenai dengan Biro Aduan Awam yang perlu mencari pelanggan dan bukan pelanggan yang cari Biro Aduan Awam, Ahli Yang Berhormat harus menerima hakikat bahawa pewujudan biro ini adalah untuk

menerima aduan orang awam. Kalau tidak ada aduan daripada orang ramai ini bermakna tidak ada perkara penting yang hendak diadakan.

Tuan Pengerusi, kerajaan tidak takut untuk berkongsi maklumat dengan pembangkang. Sebenarnya pembangkang yang tidak atau enggan menggunakan maklumat-maklumat kerajaan. Kalau pembangkang menggunakan maklumat kerajaan dan tidak memutar-belitkan maklumat kerajaan, pembangkang tidak akan menang walau satu kerusi pun di Dewan ini.

Jawapan-jawapan pihak kerajaan kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat pembangkang dalam Dewan yang mulia ini adalah merupakan maklumat tetapi apabila kita berikan maklumat mereka tidak mahu menerima, mereka ramai-ramai keluar seperti petang kelmarin. Kenapa pula kita dituduh lokek untuk berkongsi maklumat.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan soal menginstitusikan layanan yang setimpal kepada pembangkang, sebelum Kerajaan Persekutuan memikirkan soal ini, saya cadangkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar untuk mengemukakan cadangan ini terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri PAS di Kelantan dan Kerajaan Negeri PAS di Terengganu atau membuat usul di muktamar ataupun di kongres PAS bahawa apabila Barisan Alternatif menang, Kerajaan Barisan Alternatif menginstitusikan layanan yang setimpal kepada pembangkang. Setelah itu dibuat, Kerajaan Persekutuan akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat itu.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan tidak? Yang Berhormat berapa lama lagi?

**Datuk Pandikar Amin Haji Mulia:** Sekejap, sekejap lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap lagi ya.

**Datuk Pandikar Amin Haji Mulia:** Tak payahlah. Ini menteri satu ini sudah menunggu dia punya turn.

**Tuan Moktar bin Radin:** Mahu tanya sikit saja.

**Datuk Pandikar Amin Haji Mulia:** Sedikit pun tidak payahlah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payahlah ya. Kita kena habiskan masalah jawatankuasa ini sehingga 5 April. Pada hari ini kita jadualkan tiga kementerian, jadi, benda ini hendaklah kita berjimat masa sedikit ya. Sila teruskan.

**Datuk Pandikar Amin Haji Mulia:** Terima kasih. Mengenai isu INTAN tidak jalankan training evaluation analysis, buat masa ini INTAN menjalankan kursus training need analysis. Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menjalankan training evaluation bersama dengan pihak-pihak luar, cadangan ini perlu dibuat penelitian secara dalam sebelum kerajaan mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan mencadangkan supaya pendaftaran sebagai pemilih secara automatik dibuat apabila mencapai umur 21 tahun. Cadangan ini perlu dikaji secara mendalam kerana ianya melibatkan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftar Pemilih) 1971. Jika cadangan ini dilaksana, peraturan yang sedia ada perlu diubah atau dipinda.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh bertanya kenapa HAWA yang dianggap oleh kerajaan begitu penting sehingga wujudnya dasar wanita telah tidak diberikan peruntukan. Untuk makluman Yang Berhormat, HAWA sebelum diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada bulan Disember 1999, HAWA terletak di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan peruntukan HAWA adalah di bawah kementerian tersebut. Walau bagaimanapun, mulai bulan Mac tahun 2000, peruntukan HAWA di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh juga membangkitkan isu iaitu perpustakaan tidak cukup kelengkapan, tidak cukup komputer. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan tahunan bagi perpustakaan Parlimen adalah kecil iaitu cuma RM45,000, untuk pembelian buku-buku rujukan dan tidak mencukupi untuk saling melengkapkan keperluan daripada Ahli Yang Berhormat. Kita mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan cuba memenuhi hasrat seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Seputeh juga membangkitkan soal IT atau e-mail tidak dibekalkan, homepage tidak user friendly, soalan lewat malam, *Hansard* tidak disiarkan. Untuk makluman Yang Berhormat, akaun e-mail kepada Ahli-ahli Parlimen tidak termasuk sebagai kemudahan yang diberi dalam statut bagi Ahli-ahli Parlimen. Walau bagaimanapun, akaun e-mail akan diberi mengikut kepentingan dan atas permintaan daripada Yang Berhormat. Penggunaan ini bolehlah dimajukan kepada pihak pengurusan Parlimen dan terima kasih di atas maklum balas daripada Yang Berhormat. Tindakan untuk menyediakan homepage ini lebih user friendly akan diusahakan dan untuk makluman Yang Berhormat *Hansard* persidangan hari ini boleh diakses serentak dengan naskhah *Hansard* yang diedarkan dalam Dewan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong membangkitkan isu kononnya wang untuk pilihan raya telah digunakan untuk kempen parti-parti politik kerajaan dan di samping itu beliau telah membangkitkan isu siasatan aduan Dato' Seri Anwar Ibrahim terhadap Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar, Tan Sri Rahim Tamby Chik dan Ahli Yang Berhormat bagi Merbok.

Tuan Pengerusi, adalah tidak benar bahawa wang perbelanjaan untuk pilihan raya telah digunakan untuk Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri bagi tujuan kempen-kempen dan sebagainya. Sebenarnya SPR telah menggunakan wang untuk pembelian peralatan pilihan raya, bayaran sewa seperti sewa helikopter dan lain-lain, bayaran elaun petugas-petugas pilihan raya, bayaran latihan-latihan kepada petugas pilihan raya dan lain-lain lagi.

Mengenai dengan isu-isu siasatan aduan Dato' Seri Anwar Ibrahim, BPR telah ambil maklum dan menyiasat aduan yang telah dibuat oleh Dato' Seri Anwar itu. Namun begitu, sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Seksyen 21(4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 melarang sebarang pendedahan terhadap aduan yang dibuat kecuali kepada pegawai-pegawai badan dan pendakwaraya. Kes Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar tidak patut ditimbulkan lagi sebab ianya telah selesai seperti yang saya terangkan sewaktu penggulungan pada peringkat dasar perbahasan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang antara lain membangkitkan isu jawatan Datuk Bandar supaya dipilih oleh rakyat dan bukannya dilantik oleh kerajaan untuk melicinkan lagi pentadbiran DBKL. Di samping itu, beliau juga membangkitkan isu pembinaan rel kereta api di Pulau Indah yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan awal BPR terhadap pembinaan rel kereta api di Pulau Indah yang dikatakan tidak mengikut spesifikasi itu menunjukkan bahawa tidak ada unsur-unsur rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa berlaku. Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat, kes menggantikan 'slippers' yang dikatakan tidak mengikut spesifikasi telah ditanggung sepenuhnya oleh pihak kontraktor.

Mengenai dengan isu jawatan Datuk Bandar diundi, kerajaan tidak ada cadangan untuk berbuat demikian. Ini adalah kerana pentadbiran DBKL di bawah sistem sekarang ini didapati berkesan dan efisien. Lagipun tidak ada jaminan yang boleh mengatakan bahawa apabila jawatan tersebut diundi, maka pentadbiran DBKL akan lebih teratur dan efisien dari keadaannya sekarang ini. Kalaupun diundi, saya yakin calon Barisan Nasional juga yang akan menang. Kalau itu terjadi, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga akan tidak puas hati, tengoklah sekarang ini, BN menang lebih dua pertiga dalam pilihan raya yang lalu tetapi keputusan pilihan raya masih juga dipertikaikan oleh pihak pembangkang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan telah membangkitkan isu-isu yang banyak. Antaranya kononnya kenyataan akhbar Perdana Menteri adalah subjudice, kononnya Perdana Menteri terbang sana-sini menggunakan kemudahan kerajaan, beliau bertanya kenapa tuduhan terhadap kes bekas IGP diubah, beliau mendakwa pentadbiran kerajaan dipindah di Putrajaya menyusahkan orang ramai yang berurusan dengan kerajaan dan walaupun diberi penerangan terperinci berhubung dengan persoalan SPR dalam Dewan yang mulia ini, masih terus juga membangkitkan isu itu. Beliau bertanya, bolehkah bumiputera memiliki rumah kos rendah, beliau membangkitkan isu selepas enam bulan tong peti undi dibuka di khalayak yang ramai, beliau bertanya kenapa New Zealand

boleh mendaftarkan pemilih baru begitu cepat tetapi di negara ini memakan enam hingga lapan bulan. Beliau bertanya lagi kenapa SPR dalam soal mendaftar pemilih baru tidak on-line dengan JPN supaya tidak ambil masa panjang.

Tuan Pengerusi, soal pembakaran kertas undi selepas enam bulan berlalunya pilihan raya telah saya jawab kelmarin. Begitu juga dengan soal pemindahan pemilih dari satu kawasan ke kawasan lain telah saya jawab kelmarin. Soal kelambatan mendaftarkan pemilih baru telah juga dijawab kelmarin dan di sesi yang lalu, soal pentadbiran kerajaan dipindah ke Putrajaya yang kononnya menyusahkan rakyat telah juga dijawab sebelum ini, maka itu Tuan Pengerusi, soal-soal ini tidak perlu saya jawab pada hari ini.

Mengenai dengan isu on-line dengan JPN, untuk maklumat Yang Berhormat urusan pendaftaran pemilih perlu mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan seperti yang terkandung di dalam peruntukan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftar Pemilih) 1971. Selain dari urusan pendaftaran, rang daftar pemilih perlu dipamerkan dan jika ada tuntutan dan bantahan, ianya perlu diadakan siasatan awam. Oleh yang demikian, pendaftaran secara on-line dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah tidak mematuhi kehendak-kehendak peraturan pemilih.

Tuan Pengerusi, mengenai soal kenyataan Perdana Menteri yang didakwa subjudice, saya setuju dengan hujah Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar bahawa bukan semua kenyataan yang ada kaitan dengan sesuatu perkara yang sedang dibicarakan di mahkamah itu subjudice. Kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri berhubung dengan perkara-perkara yang mengenai perbicaraan Karpal Singh dan Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak boleh disifatkan sebagai subjudice kerana kenyataan-kenyataan Perdana Menteri dibuat ekoran dari pertanyaan pemberita atau wartawan yang menghendaki komen Perdana Menteri terhadap sesuatu isu yang telah dibangkitkan di mahkamah sewaktu perbicaraan dijalankan. Sebagai contoh, sewaktu perbincaraan kes penyalahgunaan kuasa Dato' Seri Anwar Ibrahim, peguambela tertuduh di waktu itu, Karpal Singh telah membangkitkan isu kononnya yang tertuduh telah diracun oleh pihak tertentu,

dalam soal itu kerajaan terpaksa membuat kenyataan sebagai respon kepada tuduhan tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan isu Perdana Menteri menggunakan kemudahan kerajaan apabila ke sana ke mari, sebagai Perdana Menteri Ketua Pentadbir Negara, beliau berhak untuk menggunakan kemudahan kerajaan apabila menjalankan tugas rasmi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila ke sana ke mari menemui rakyat atau menghadiri majlis-majlis tertentu, Perdana Menteri sedang menjalankan tugas rasmi.

Mengenai dengan soal kenapakah tuduhan asal terhadap mantan Ketua Polis Negara diubah atau dipinda, untuk makluman Yang Berhormat, pihak pendakwa meminda pertuduhan setelah mengambil kira peruntukan undang-undang dan fakta kes serta representasi yang dibuat oleh peguambela Tan Sri Rahim Noor. Untuk maklumat lanjut Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pindaan kepada pertuduhan tidak membuatkan kesalahan yang dilakukan oleh Tan Sri less serious, dengan izin, di sisi undang-undang dan pihak pendakwa telah membuat strong submission, dengan izin, di hadapan hakim dan memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat terhadap Tan Sri Rahim. Pihak pendakwa juga telah memfailkan notis rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen terhadap Tan Sri Rahim Noor.

Tuan Pengerusi mengenai isu bolehkah bukan bumiputera memiliki rumah kos rendah sama ada menyewa atau membeli, jawapannya kalau memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, boleh.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan isu-isu kerosakan alat-alat kemudahan di Parlimen, kes mahkamah yang tertunggak yang banyak, kuota haji, monopoli Tabung Haji terhadap soal naik haji dan peruntukan Y2K.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, kerosakan alat-alat di Parlimen, jika ada, kita perbaiki. Kes mahkamah yang tertunggak begitu banyak sedang diatasi oleh pihak berwajib dan perlu juga dinyatakan di sini bahawa kes-kes yang tertunggak ini adalah disebabkan, antara lain oleh tindakan peguam-

peguam yang terlibat dalam kes-kes yang mereka wakili, minta kes ditangguhkan kerana mereka ada kes yang lain pula di mahkamah lain.

Mengenai dengan soal monopoli Tabung Haji dikaji, kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian. Ini adalah kerana seperti yang saya terangkan dalam penggulangan saya pada peringkat dasar, pentadbiran Tabung Haji adalah efisien dan diyakini jemaah haji.

Mengenai dengan isu kenapa perlu peruntukan sebanyak RM130 juta bagi tahun 2000 bagi menghadapi masalah Y2K sedangkan ianya telah berlalu, jawapannya ialah peruntukan ini adalah untuk menjelaskan perbelanjaan yang telah komited dalam tahun 1999 serta peruntukan untuk meneruskan usaha-usaha untuk membaik-pulih agensi-agensi awam yang masih mengalami masalah Y2K.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sekali lagi tidak puas hati dan membangkitkan isu-isu berhubung Putrajaya. Pada Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, wang yang digunakan untuk membangunkan Putrajaya adalah pembaziran wang rakyat dan pembangunan Putrajaya tidak diperlukan oleh rakyat untuk masa kini. Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berpendapat bahawa pembangunan secara seimbang perlu dibuat oleh kerajaan, ini adalah kerana menurut beliau, ada lagi beribu-ribu rakyat yang susah yang memerlukan wang.

Tuan Pengerusi, kerajaan telah pun memberikan penerangan secara terperinci tentang kebaikan pembangunan Putrajaya dalam Dewan yang mulia ini pada sesi ini dan sesi-sesi yang telah lalu. Maka itu saya tidak bercadang untuk mengulangi semula. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini pada hari ini sebagai tambahan kepada maklumat sebelum ini iaitu sumbangan Putrajaya kepada pembangunan negara. Tuan Pengerusi, ada empat perkara mustahak sebagai sumbangan pembangunan Putrajaya kepada pembangunan negara iaitu:

- (i) Penggembleran kepakaran tempatan.

Bertepatan dengan konsep persyarikatan Malaysia (Malaysia Incorporated), dengan izin, kerajaan telah berganding bahu dengan pihak swasta untuk menyediakan pelan induk

pembangunan Putrajaya. Pelan-pelan pembangunan Putrajaya disediakan oleh kepakaran tempatan.

(ii) Malaysia boleh.

Usaha ini menunjukkan Malaysia mampu melahirkan tenaga profesional bertaraf dunia dan pelan pembangunan yang telah diluluskan oleh Kabinet pada tahun 1995 di mana hasilnya dapat dilihat dengan siap dan beroperasinya Fasa 1 Pembangunan Putrajaya adalah bukti kejayaan tersebut.

(iii) Mengasahkan kemahiran jentera pelaksanaan tempatan.

Jentera pelaksanaan pembangunan Putrajaya dengan Putrajaya Holding Sdn. Bhd. sebagai pemaju utama, KLCCB sebagai pengurus projek dan Perbadanan Putrajaya sebagai pihak berkuasa dan nadi penggerak pembangunan turut membuktikan bahawa rakyat tempatan berkemampuan mengendalikan pembangunan sebuah bandar bertaraf dunia dengan dana tempatan.

(iv) Mengatasi kegawatan ekonomi.

Pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya secara keseluruhannya telah membantu mengatasi kesan buruk kegawatan ekonomi khususnya kadar pemulihan industri pembinaan negara ini.

Tuan Pengerusi, walau apa pun justifikasi yang kerajaan berikan berhubung dengan isu Putrajaya ini, pihak pembangkang masih juga mengatakan bahawa ini semua adalah pembaziran. Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kubang secara terperinci, sewa sebanyak RM140.6 juta setahun bagi pejabat-pejabat kerajaan di Putrajaya adalah meliputi bangunan pejabat di Parcel A, Parcel B dan 'Precinct' 10 iaitu bangunan Seri Perdana Putrajaya. Pecahannya ialah RM8 juta untuk sistem penghawa dingin, RM96.650 juta untuk sewa, RM3.250 juta untuk penyelenggaraan dan RM1.5 juta untuk kawalan-kawalan keselamatan.

Bangunan-bangunan tersebut perlu disewa oleh kerajaan selama 25 tahun dan bukannya 35 tahun seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Ianya disewa kerana peruntukan untuk membangunkan bangunan-bangunan ini adalah wang Putrajaya Holding sendiri dan bukan wang kerajaan. Kadar sewa ialah RM2.50 pada setiap kaki persegi untuk tempoh tiga tahun. Untuk tahun keempat, kelima dan keenam, kadar ini dinaikkan sebanyak 3%. Kenaikan kadar ini disesuaikan atau di *adjust* kan, dengan izin, setiap tiga tahun sehingga ke tahun 25. Walau bagaimanapun, maksimum kadar telah ditetapkan pada RM4.60 setiap kaki persegi.

Tuan Pengerusi, kalau kadar ini dianggap murah, maka yang untung adalah kerajaan dan kalau kadar ini dianggap mahal, maka yang untung adalah rakyat. Ini adalah kerana Putrajaya Holding adalah dimiliki oleh Petronas, Khazanah Nasional dan Kumpulan Wang Amanah Negara. Badan-badan ini adalah agensi-agensi kerajaan. Maka itulah, Tuan Pengerusi, sewaktu menggulung perbahasan pada peringkat dasar, saya telah katakan bahawa mengambil duit dari poket kiri adalah tidak salah kalau duit itu disimpan juga di poket sebelah kanan badan yang sama. Kerajaan itu adalah rakyat dan rakyat itu adalah kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, setelah tempoh menyewa selama 20 tahun selesai, maka bangunan-bangunan ini akan dimiliki oleh kerajaan sepenuhnya. Ini merupakan keuntungan kepada rakyat sekali lagi. Tuan Pengerusi, perlu juga saya nyatakan di sini keuntungan yang diperolehi oleh rakyat terutama sekali mereka yang memiliki tanah di sekitar Putrajaya ekoran daripada pembangunan Putrajaya. Harga tanah sekeliling Putrajaya sebelum pembangunan Putrajaya dibuat cuma bernilai 45 sen sehingga 70 sen sekaki persegi. Kini harga tanah yang sama setelah ada pembangunan Putrajaya melonjak kepada RM35 sehingga RM100 se kaki persegi.

Harga tanah di Perang Besar dahulu yang kini dipanggil sebagai Putrajaya cuma RM300,000 sehektar tetapi menjelang tahun 2025 dijangka harga tanah sehektar di sekeliling Putrajaya menjangkau paras RM400 juta sehektar.

Tuan Pengerusi, untuk memuaskan hati Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang tidak ada, di sini saya ada butiran terperinci nama-nama syarikat yang mendapat kerja-kerja subcontract di pembangunan Putrajaya seperti berikut. Syarikat-syarikat yang telah diberikan konsesi penyelenggaraan dan operasi di Putrajaya adalah seperti berikut:

- (i) penyelenggaraan, pengurusan dan operasi bangunan Perdana Putra Parcel A – Syarikat KLCC Urus Harta Sdn. Bhd. Kos penyelenggaraan secara harga keseluruhan RM4,129,560. Pecahan penyelenggaraan bangunan RM4,000,029.560. Landskap RM100,000. Jumlah RM4,000,129. Sebulan RM344,000.
- (ii) Kompleks Bay - pengurusan dan operasi, syarikat yang mengendalikan ini ialah Perangsang Jati Sdn. Bhd. dan tiap-tiap sebulan yang perlu dibayar ialah RM299,805.
- (iii) rumah rasmi Perdana Menteri, Public and Private House semasa tempoh kecacatan yang perlu untuk dibayar ialah RM78,397 setiap bulan

Dan nama-nama kontraktor yang mendapat kerja di Putrajaya ialah seperti berikut:

- (i) Magna Prema Construction Sdn. Bhd. mendapat kontrak *botanical garden advanced work*.
- (ii) Risda Semaian dan Landskap Sdn. Bhd. mendapat kerja *the relocation and maintenance, serve trees in the construction and completion of temporary fencing in botanical garden*, dengan izin, Risda Semaian dan Landskap Sdn. Bhd. mendapat kontrak *the construction and completion of fencing, replanting fiber clone and maintenance of existing estate in Taman Warisan Pertanian*.

List nya panjang lagi, Tuan Pengerusi. Maka, saya cadangkan untuk menyerahkan salinan nama-nama syarikat ini kepada Ahli Yang Berhormat bagi

Kubang Kerian dan kalau Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mendapati bahawa syarikat-syarikat ini mendapat kontrak melalui cara yang tidak mengikut dasar-dasar kewangan, maka saya sarankan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian supaya melapor cepat kepada Badan Pencegah Rasuah. Dan saya harap setelah saya memberi penerangan yang begitu terperinci, pemikiran Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang terutama sekali Kubang Kerian mengenai dengan Putrajaya, akan terbuka. Kalau tidak, betullah mereka ini semuanya buta hati dan tidak menerima kenyataan.

Tuan Pengerusi, sekian sahajalah ucapan penggulungan saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri. Sekiranya ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu turut berbahas yang tidak sempat saya jawab secara lisan pada ketika ini, saya mohon maaf dan jangan bimbang oleh kerana segala pendapat-pendapat, hujah Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun dicatat oleh pihak kerajaan dan akan diambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

*[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM38,999,400 untuk Maksud B.1, RM1,138,900 untuk Maksud B.2, RM41,807,300 untuk Maksud B.3, RM19,734,700 untuk Maksud B.4, RM15,885,500 untuk Maksud B.5, RM6,814,100 untuk Maksud B.6, RM1,195,731,100 untuk Maksud B.7, RM474,495,600 untuk Maksud B.8, RM52,489,400 untuk Maksud B.9, RM29,548,700 untuk Maksud B.10, RM41,754,600 untuk Maksud B.11, RM1,331,400 untuk Maksud B.12 dan RM957,500 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM38,999,400 untuk Maksud B.1, RM1,138,900 untuk Maksud B.2, RM41,807,300 untuk Maksud B.3, RM19,734,700 untuk Maksud B.4, RM15,885,500 untuk Maksud B.5, RM6,814,100 untuk Maksud B.6, RM1,195,731,100 untuk Maksud B.7, RM474,495,600 untuk Maksud B.8, RM52,489,400 untuk Maksud B.9, RM29,548,700 untuk Maksud B.10,

RM41,754,600 untuk Maksud B.11, RM1,331,400 untuk Maksud B.12 dan RM957,500 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,908,845,620 untuk Maksud P.7 dan RM57,578,710 untuk Maksud P.8 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,908,845,620 untuk Maksud P.7 dan RM57,578,710 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B.14, B.15, B.16 [Jadual] -  
Maksud P.14 dan P.16 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala B.14 hingga B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

**Setiausaha Dewan:** Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) oleh Yang Berhormat Kota Melaka.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kota Melaka sekarang baru melalui satu *operation* dan beliau di hospital.

**Tuan Pengerusi:** Itu saya anggapkan bahawa usulnya itu tidak dikemukakan, ya. Yang Berhormat, saya kemukakan semula Kepala B.14 hingga B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 dan P. 16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Ya, Serdang.

**11.50 pagi.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh B.14 Butiran 040000 Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Tempatan ialah merupakan kemajuan dan pembangunan negara akan diperolehi dengan peranan yang dipertanggungjawabkan ke atas pihak berkuasa tempatan. Oleh itu, peranan yang dimainkan menjadi penting untuk memberi satu gambaran berkaitan dengan terutama sekali masalah

setingan, alam sekitar dan kebersihan di kawasan-kawasan *local authority*, maka saya minta penjelasan sama ada pihak kerajaan sedar bahawa keberkesanan pentadbiran penguasa tempatan masih belum di tahap yang diingini.

Oleh itu, kelemahan-kelemahan masih terdapat dalam sesetengah pentadbiran penguasa tempatan, maka Akta Kerajaan Tempatan sama ada akan dipinda supaya selaras dengan tahap yang dikehendaki oleh rakyat jelata di kawasan-kawasan tertentu. Tuan Pengerusi, saya cadangkan di mana Akta Kerajaan Tempatan yang telah lama dirangkakan dan dilulus dalam Parlimen ini, sampai masanya untuk mengkaji semula atau menimbang semula akta, peraturan-peraturan tertentu dalam Akta Kerajaan Tempatan supaya selaras dengan pembangunan negara yang akan mencapai satu negara maju akan datang.

Pada waktu ini, sesetengah kerajaan tempatan masih terdapat kelemahan di mana sungutan rakyat melalui surat-surat khabar mengenai, lubang-lubang jalan, pembersihan masih belum diatasinya dan satu cadangan dari pembaca bahawa kerajaan tempatan masih meneruskan sikap yang demikian, sama ada ditubuhkan satu kementerian untuk bertanggungjawab hal ini. Ini satu masalah sedang dihadapi oleh penduduk-penduduk yang di bawah jagaan, pentadbiran kerajaan tempatan.

Dengan demikian, pihak kementerian sama ada untuk menyusun semula atau pindaan ke atas Akta Kerajaan Tempatan untuk memberi satu keberkesanan lebih lagi kepada rakyat tempatan.

Tuan Pengerusi, berkenaan Butiran P.14, 00100 Projek Kecil di Kawasan Pihakberkuasa Tempatan, tahun ini akan diberi RM101 juta bagi pihak berkuasa tempatan. Butiran 00200 Bantuan Khas Kepada Pihakberkuasa Tempatan sebanyak RM1 juta lebih. Butiran 00400 Perparitan Bandar Pihakberkuasa Tempatan sebanyak RM69.16 juta. Butiran 02101 Pembangunan Taman Awam sebanyak RM34 juta. Butiran 02102 Pembangunan Landskap, RM40 juta diuntukkan.

Dengan begitu banyak peruntukan diuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan di negara kita ini, maka adakah pelaksanaan projek-projek dari Pihak

Berkuasa Tempatan ini dapat memantau sama ada peruntukan ini disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkesan untuk mengelakkan satu gambaran tidak baik kepada rakyat yang di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, oleh kerana peruntukan begitu banyak untuk pihak berkuasa tempatan melalui butiran tadi itu sepatutnya ada satu laporan lengkap selepas pelaksanaan pada masa-masa yang lalu seperti tahun dahulu sebanyak RM66 juta telah diberi kepada projek kecil di kawasan pihak berkuasa tempatan. Apa program dilaksanakan di kawasan kerajaan tempatan di seluruh negara kita. Laporan perlu disampaikan kepada pihak kementerian untuk menyiasat atau mendapat semakan sama ada peruntukan benar-benar memberi faedah kepada rakyat tempatan tersebut.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya mintalah pihak Kementerian untuk memberi penjelasan berkenaan dengan peruntukan-peruntukan begitu besar yang disalurkan kepada pihak berkuasa tempatan di negara kita ini untuk dapat satu gambaran nyata kaitan dengan digunakan peruntukan itu.

Tuan Pengerusi, Butiran 03100 Kemajuan Perkampungan. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan sebanyak RM30 juta diperuntukkan untuk kemajuan perkampungan dan tahun ini hanya RM6.8 juta diperuntukkan untuk kemajuan perkampungan. Saya rasa walaupun Rancangan Malaysia Ketujuh akan tamatnya tempoh dalam hujung tahun ini maka saya minta pihak kerajaan untuk memberi banyak lagi peruntukan untuk melipatgandakan lagi kemajuan perkampungan kerana sebanyak 452 buah kampung yang telah wujud dalam zaman darurat sehingga kini kemudahan-kemudahan asas masih perlu dinaikkan taraf. Maka itu, dengan adanya peruntukan seperti mana yang telah dijanjikan oleh kerajaan untuk menaikkan taraf perkampungan di kampung-kampung baru di seluruh Semenanjung Malaysia ini maka saya harap peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan akan dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Pengerusi, Pegawai Kemajuan Kampung yang dilantik oleh kementerian masih belum mencukupi. Maka saya mintalah kalau boleh Yang Berhormat Menteri yang baru dilantik untuk mempertimbangkan lagi menambah

bilangan pegawai-pegawai kemajuan kampung untuk memberi panduan pembangunan di kampung-kampung baru di seluruh negara kita ini.

Tuan Pengerusi, sebanyak 452 buah kampung baru di Semenanjung Malaysia telah dijadikan isu sosial yang sentiasa dibangkitkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Maka satu pelan induk sosio-ekonomi untuk menaikkan taraf seluruh kampung-kampung baru perlu disediakan. Kalau kita hanya memberi bantuan pembangunan sosio-ekonomi di setiap kampung sahaja tanpa satu pelan induk kepada penduduk kampung baru akan dijadikan isu akan datang..

Saya mintalah pihak kerajaan supaya untuk memberi perhatian serius terhadap sosio-ekonomi setiap kampung baru ini tetapi masih ketinggalan antara satu sama lain kerana setengah kampung-kampung baru memanglah nampak sosio-ekonomi begitu baik tetapi di setengah kampung masih mundur, masih ketinggalan maka itu bantuan daripada kerajaan untuk membangun semula kampung-kampung baru yang mundur itu hendaklah disediakan. Maka peruntukan dan plan induk bagi seluruh kampung-kampung baru perlu disediakan untuk menghadapi alaf baru ini.

Tuan Pengerusi, saya juga mintalah mungkin tiada kaitan dengan pihak kementerian tetapi ada kaitan dengan kampung-kampung baru maka saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi perhatian terhadap masalah bayaran premium di Kampung Baru Jinjang. Pihak MCA Jinjang telah mengemukakan rayuan sebanyak 160 kedai di Jinjang Utara dan Jinjang Selatan di mana bayaran premium terlalu tinggi. Di antaranya bayaran tinggi....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung ya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Ha, sekejap. Saya mintalah kalau boleh Yang Berhormat Menteri boleh memberi perhatian untuk mengurangkan premium dengan taraf sama dengan Kampung Baru Salak South. Jangan kampung ini begitu tinggi dan satu kampung begitu rendah. Patutnya satu premium yang munasabah boleh diberi kepada kampung baru di Jinjang dan Salak South.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, akhirnya saya hendak menyentuh tentang projek perumahan. Butiran 01500 Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Di bawah butiran 01507, kerajaan negeri bagi memberi peruntukan kepada kerajaan negeri sebanyak RM34 juta secara langsung. Pinjaman sebanyak RM119 juta, saya mintalah mana negeri yang akan dapat peruntukan yang begitu besar. Huraikan setiap negeri supaya memahami apa yang kerajaan negeri dapat peruntukan untuk membina perumahan awam.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** Sikit saja. Butiran 01600, Rancangan Perumahan Rakyat sebanyak RM52 juta diuntukkan, Butiran 01603 Rancangan Perumahan Rakyat Bersepadu sebanyak RM200 juta diperuntukkan, ini apa sebab banyak butiran untuk perumahan awam khususnya diuntukkan. Bolehkah Yang Berhormat huraikan butir-butir lanjut berkaitan dengan ini. Adakah peruntukan yang dibagi oleh kerajaan ini akan bercanggah dengan syarikat perumahan negara yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** Adakah peruntukan ini bercanggah dengan syarikat tersebut yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bukit Mertajam.

**12.02 tgh.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum saya memulakan perbahasan, saya ingin mendapat satu penjelasan daripada menteri yang berkenaan. Saya rujuk kepada Belanjawan Persekutuan 2000 Anggaran Perbelanjaan 2000, muka surat 122 yang di para 3, jumlah anggaran harga projek. Dia tak beri period untuk tahun mana ke mana, bolehkah saya dapat satu penjelasan anggaran harga projek ini untuk tahun period yang mana? Bolehkah saya dapat satu penjelasan, Menteri Perumahan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Perlu kepada Menteri buat penjelasan?

**Puan Chong Eng:** Ha, penjelasan dulu.

**Dato' Ong Ka Ting:** Sebenarnya, saya hanya jawab sekali gus tetapi tak apalah. Ini adalah anggaran projek yang diminta tapi tidak semestinya kerajaan lulus semuanya. Jadi anggaran yang dipohon dan mereka anggar sebagai begitu dan kerajaan mungkin bagi peruntukan secara berperingkat, tidak semestinya semua projek yang dianggar itu dapat disempurnakan.

**Puan Chong Eng:** Untuk time period ...

**Dato' Ong Ka Ting:** Untuk jumlah period...

**Puan Chong Eng:** Sampai 2000 or five years...

**Dato' Ong Ka Ting:** Yang di sini kita nampak daripada tahun 1991 hingga 2000.

**Puan Chong Eng:** Sehingga 2000?

**Dato' Ong Ka Ting:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Okay, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada 00100, kita nampak bahawa jumlah anggaran harga projek dan perbelanjaan sebenar untuk tahun 91 hingga 95 hanya memenuhi 50% untuk harga semua yang dikatakan anggaran harga projek. Ini 50% pun kalau membandingkan 01402 di bawah tajuk Perumahan - Penyelidikan dan Pembangunan Perumahan. Kita nampak bahawa perbelanjaan sebenar untuk period yang sama hanya 13%. Kalau kira untuk 01507 Kerajaan-kerajaan Negeri (Semenanjung) perbelanjaan sebenar untuk period yang sama hanya merupakan 11% berbanding kepada anggaran harga projek dan untuk 01508 Kerajaan Negeri (Sarawak) perbelanjaan untuk period yang sama ialah 80% dan untuk 01512 Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah hanya 2.4% kepada anggaran. Dan untuk 01600 Rancangan Perumahan Rakyat pada period yang sama iaitu tahun 1991 hingga 1995 perbelanjaan sebenarnya ialah 0 walaupun terdapat anggaran harga projek ialah RM670 juta tetapi perbelanjaan sebenarnya ialah 0.

Dan seterusnya untuk perbelanjaan sebenar 1996-1998 dalam tajuk yang sama, hanya 3% sahaja yang dipenuhi. 3% anggaran bagi tahun 1996-2000 hanya 3% digunakan. Ini untuk projek perumahan rakyat, rakyat yang termiskin, yang sebenarnya keperluannya begitu tinggi, ada duit, bukan tak ada peruntukan, ada peruntukan, tetapi tidak dilaksanakan - 3%. Ini satu angka yang sungguh memalukan.

Ini menunjukkan bahawa itulah sebabnya mengapa Yang Berhormat Kota Melaka hendak mengadakan satu usul untuk memotong gaji Menteri [*Disampuk*] Memang tak jadilah tetapi ini apa sebabnya, mungkin menteri ini adalah menteri baru tetapi untuk menunjukkan kementerian ini perlu meningkatkan efisiensinya kerana semua ini menunjukkan.

Dan kita pergi kepada 01603 Rancangan Perumahan Rakyat Bersepadu, anggaran begitu tinggi RM215 juta tetapi perbelanjaan yang sebenar kosong untuk 1991-1995 dan untuk 1996-1998 juga kosong. Apa sebabnya? Untuk Perancangan Bandar dan Desa, Rancangan Tempatan, anggaran harga projek ialah RM118,000 tetapi tak ada perbelanjaan dan pada tahun 1996 ke-1998 hanya 27% dibelanja. Untuk Rancangan Struktur, untuk 1991-1995, hanya 16% dipenuhi dan untuk 1996-1998 perbelanjaan yang sebenar hanya merupakan 38% kepada anggaran bagi tahun 1996 ke-2000. Ini menunjukkan bahawa kementerian ini betul-betul perlu meningkatkan efisiensinya kerana banyak masalah di tempatan di banyak negeri kerana tidak mempunyai Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.

Saya juga hendak tuju kepada 00400 Perparitan Bandar Pihakberkuasa Tempatan. Anggaran harga projek ialah RM114 juta tetapi pada tahun 1991-1995, perbelanjaan sebenarnya ialah kosong. Dan untuk anggaran bagi tahun 1996-2000 ialah RM15 juta dan perbelanjaan sebenar untuk 1996-1998 ialah RM18 juta sahaja, lebih kurang 20%.

Tuan Pengerusi, kita semua tahu bahawa masalah banjir kilat yang sebahagiannya adalah disebabkan perparitan yang tidak cukup di kawasan bandar. Tetapi kementerian ini tidak menggunakan ataupun tidak mengambil tindakan yang

berkesan, tidak menggunakan peruntukan yang diberi untuk meningkatkan taraf perparitan di bandar.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada 00100 Balai Bomba dan Bangunan. Untuk tahun 1991-1995, yang dibelanja hanya merupakan 12% kepada anggaran harga projek. Dan untuk tahun 1996 sampai 1998 perbelanjaan sebenarnya hanya merupakan 30% kepada anggaran bagi tahun 1996 ke 2000. Ini memang kurang memuaskan, sangat-sangat tidak memuaskan. Gagal - kalau pelajar di sekolah hanya dapat 30% markah, gagal. Ini menteri pun gagallah katakan.

Perkhidmatan bomba dan kelengkapannya adalah sangat penting. Di negeri Pulau Pinang telah beberapa kali berlaku bahawa apabila ada kebakaran, ada kereta bomba sampai ke sana tidak ada air, tidak boleh cari mana pili bomba ataupun paip bomba ataupun ada paip bomba tidak ada air. Tetapi kita ada duit, ada peruntukan tetapi tidak diguna.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa gaji menteri perlu dipotong mungkin bukan menteri ini tetapi menteri yang dulu pun ditukar sampai sekarang duduk di sana.

Kelemahan Akta Pemaju Perumahan telah diketahui. Pada tahun 80-an sewaktu ekonomi meleset ramai pembeli rumah mengalami kerugian dan kesusahan kerana pemaju tidak dapat menyiapkan rumah mereka mengikut jadual dan ada projek sampai sekarang, sampai hari ini masih belum disiapkan.

Selepas satu dekad masalah berulang apabila negara kita sekali lagi dilanda krisis ekonomi. Ini adalah kerana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah lalai dalam tanggungjawab mereka untuk memperkemaskan akta ini. Di Pulau Pinang sahaja beribu-ribu pembeli mengalami kesusahan kewangan kerana rumah yang mereka beli tidak dapat siap mengikut jadual. Projek-projek ini termasuk Projek Paya Terubung Indah, Majestic Height yang mereka telah banyak kali mengadu kepada kementerian, kementerian pun hantar pegawai tetapi mereka

mengadu pegawai kementerian, mereka bertindak lebih sebagai pegawai pemaju daripada pegawai kementerian. Mereka makan tengah hari dengan pemaju dan selepas itu jelas hendak membela pemaju mengatakan mengapa pemaju tidak dapat menyiapkan projek dan bukan .....[Disampuk]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat, masa.

**Puan Chong Eng:** Sikit lagi, sikit lagi. Projek yang lain ialah Projek Kampung Telok, Projek Green Garden, Projek Fatisvilla dan Projek Taman Cemerlang. Semua projek ini terlibat lebih kurang sejumlah 6,000 perumahan kos rendah atau kos sederhana rendah. Dan juga Projek Perangin Mall, Projek Bayang Bay dan Projek Taman Lari Kuda, semua ini terlibat juga termasuk mereka yang termiskin. Maka saya tidak nampak di dalam belanjawan bagaimana pihak kementerian akan menolong pembeli-pembeli rumah ini dan saya harap menteri akan memberi penjelasan bagaimana kementeriannya akan menolong pembeli ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Parit Sulong.

**12.15 tgh.**

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.14, Kepala 050000 - Perkhidmatan Pembedungan.

Sebentar tadi ada satu soalan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai pembedungan. Dan banyak telah pun kita baca menerusi akhbar mengenai ura-ura bahawa syarikat konsesi pembedungan negara, iaitu Indah Water Konsortium, mungkin akan ditutup dan operasi kerja-kerja pembedungan ini akan dipulangkan kepada kerajaan.

Sebagai seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab meluluskan akta yang mewujudkan pembedungan pada awal tahun 90-an, saya ingin bertanya sampai bilakah rakyat harus diletakkan dalam situasi yang penuh dengan *anxiety*, dengan izin, iaitu dalam satu keadaan yang tidak menentu arahnya? Saya difahamkan bahawa Indah Water Konsortium ini telah pun bertukar tangan beberapa kali,

adakah ini betul? Adakah benar bahawa usaha-usaha operasi pembedungan yang dilaksanakan oleh Indah Water Konsortium ini tidak memuaskan, tidak memenuhi piawaian negara dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri telah pun memberi beberapa rasional di dalam jawapannya sebentar tadi dan saya sebenarnya cuba untuk bertanya dalam soalan tambahan tersebut tetapi oleh kerana waktu maka tidak dapat diizinkan. Di antara sebab-sebabnya beliau mengatakan bahawa syarikat ini tidak mendapat kerjasama daripada pengguna. Adakah ini benar? Adakah rasional itu boleh dipertahankan?

Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta supaya soal pembedungan dan konsesi pembedungan yang sekarang ini di dalam tangan Indah Water Konsortium diberi satu penjelasan yang sejelas-jelasnya kepada rakyat. Adakah benar syarikat ini menghadapi kelemahan-kelemahan ataupun *constrain* kewangan? Jika tidak, maka kerajaan harus bertindak tegas. Kalau sekarang ini kerajaan sedang membuat kajian mengenainya apakah kajian yang sedang dijalankan mengkaji sama ada Indah Water Konsortium berkesan atau tidak. Tadi, Timbalan Menteri menegaskan bahawa kita sedang melantik sebuah perunding, siapakah yang akan membayar fee kepada perunding tersebut?

Tuan Pengerusi, saya amat rasa dukacita dengan perkara ini. Memang kita mendukung polisi penswastan tetapi di dalam konteks ini janganlah dasar yang telah pun diberikan mandat oleh seluruh wakil rakyat khususnya daripada Barisan Nasional ini diremeh-temehkan oleh pemegang konsesi. Ini tidak adil. Kita tidak mahu soal pemegang konsesi yang sambil lewa menimbulkan masalah kepada kerajaan dan pada akhirnya setiap lima tahun sekali, kerajaan akan diaudit oleh rakyat dan kerajaan akan terhakis kuasa yang diberikan oleh rakyat. Jadi, saya harap pihak kerajaan melihat perkara ini dengan serius. Tidak ada bertolak ansur lagi dengan Indah Water Konsortium. Jangan kita beri lagi muka kepada mereka tindakan seperti ini boleh dijadikan contoh supaya pemegang-pemegang konsesi atau syarikat-syarikat konsesi lain yang berkaitan dengan kerajaan sebenarnya menjalankan tugas untuk rakyat dan demi kemakmuran negara dan juga

kesejahteraan rakyat. Itu yang saya harapkan. Jadi, saya harap pihak menteri akan memberi penjelasan mengenai status syarikat Indah Water Konsortium. Sampai peringkat manakah kajian yang sedang dilaksanakan? Kalau dilantik consultant berapakah fee kepada consultant? Siapakah yang membayar fee kepada consultant? Dan pada akhirnya, kalau diserahkan semula kepada kerajaan, bagaimanakah kerajaan mahu mengendalikan hal ini?

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada P.14 Butiran 01402 dan juga 01500 iaitu Penyelidikan dan Pembangunan Perumahan serta Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Telah pun diperkatakan oleh ramai menteri yang prihatin mengenai kesejahteraan hidup rakyat yang susah, iaitu rumah kos rendah paling minimum mesti mempunyai tiga bilik tidur - satu untuk suami dan isteri, satu untuk anak perempuan dan satu lagi untuk anak lelaki. Sekarang ini saya ingin tahu daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adakah arahan ini dipatuhi oleh pemaju-pemaju perumahan kos rendah? Adakah ini dipatuhi oleh pemaju-pemaju rumah kos rendah? Kalau tidak, apakah akan berlaku? Kita tidak mahu masalah sosial mungkin akan timbul di kemudian hari kelak oleh kerana kewujudan polisi kita yang tidak mengambil kira kesejahteraan dan tidak mengambil kira kesejahteraan rakyat jelata.

Saya mahu penjelasan daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang ada pada hari ini. Tahniat kerana hadir sendiri. Beritahu berapakah sekarang ini projek rumah kos rendah yang sedang dilaksanakan di dalam negara dan berapa daripada projek ini yang benar-benar mematuhi arahan kerajaan supaya setiap rumah kos rendah itu mempunyai tiga bilik untuk penghuninya. Dan sekiranya arahan telah pun dikeluarkan dan mereka tidak mematuhi arahan itu, apakah yang harus kerajaan buat terhadap pemaju-pemaju sedemikian?

Saya mendesak perkara ini untuk dijelaskan oleh kerana rakyat telah pun melahirkan hasrat mereka supaya setiap projek perumahan kos rendah mesti mempunyai paling minimum tiga bilik. Itu sahaja yang saya mahu penjelasan daripada pihak kementerian supaya perkara-perkara yang menimbulkan keresahan

rakyat dan perkara-perkara yang boleh menghakis sokongan rakyat kepada kerajaan ini kita atasi dengan seikhlas-ikhlasnya.

Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jerlun.

**12.22 tgh.**

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman [Jerlun]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, yang memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Menyediakan rumah atau tempat tinggal yang sesuai dan mencukupi bagi semua lapisan rakyat merupakan satu tugas kerajaan yang mesti diberikan keutamaan terutama golongan yang berpendapatan rendah supaya mendapat peluang di mana rumah-rumah yang dibina mampu dibeli atau disewa oleh mereka.

Tuan Pengerusi, di antara sebab-sebab berlakunya revolusi Peranchis adalah kerana terdapat ketidakpuasan rakyat dalam masalah perumahan dan kerajaan tempatan di mana perkhidmatan yang tidak seimbang dengan cukai yang dipungut oleh kerajaan daripada rakyat, kutipan sampah yang tidak lancar, saluran air dan perparitan yang kotor dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah model yang kita perlu buat. Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan bertanggungjawab sungguh kepada rakyatnya hendaklah memastikan bahawa setiap keluarga memiliki rumah atau tempat perlindungan yang munasabah sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi, sekurang-kurangnya satu unit terdiri daripada tiga bilik tidur dilengkapi dengan dua bilik air. Dan apakah pencapaian kita sehingga sekarang ini dalam konteks Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini mengambil kira faktor-faktor tersebut.

Dalam usaha-usaha pembangunan bagi mengisi kemerdekaan terutama untuk memberi kemudahan kepada rakyat terdapat usaha-usaha di pihak kerajaan dan agensi-agensinya mengadakan beberapa skim perumahan untuk membantu rakyat terutama golongan miskin dan berpendapatan rendah umpamanya FELDA. Namun, sekarang saya dapati dan dimaklumkan bahawa rancangan FELDA itu

sudah dihentikan. Maka dengan sendirinya bila mana tidak ada lagi pembukaan tanah-tanah baru bererti penyediaan rumah untuk rakyat menjadi terhenti. Rumah kos rendah dan sederhana rendah yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan didapati terbantut kononnya disebabkan oleh kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara kita. Kalaupun berjalan di setengah-setengah negeri semacam hendak tidak hendak.

Dengan lain perkataan, walaupun program ini ada atau tetap berjalan namun ianya bukanlah sesuatu yang benar-benar diberikan keutamaan ataupun priority, dengan izin, oleh kerajaan kita. Kerana ia tidak menjamin memberi pulangan yang baik atau menguntungkan kepada kerajaan ataupun agensi-agensinya berbanding dengan membina rumah-rumah kos tinggi atau sederhana tinggi.

Tuan Pengerusi, oleh hal yang demikianlah kita dapati program-program pembinaan rumah-rumah kondo mewah dan kos tinggi serta ruang-ruang pejabat di Malaysia sehingga mencecah ke satu tahap di mana penawaran melebihi permintaan. Adalah boleh difahamkan dan munasabah bahawa salah satu sebab berlakunya kemelesatan ekonomi yang cukup teruk dan lama selain daripada faktor-faktor luaran di negara kita kerana keghairahan pihak-pihak agensi kerajaan seperti tadi ada disebut Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang ditubuhkan pada tahun 1997 dengan modal RM2 billion di mana pihak-pihak agensi kerajaan dan swasta dalam pembinaan rumah-rumah kos tinggi dan program hartanah mereka. Dengan itu jelaslah bahawa program pembangunan kerajaan adalah tidak seimbang kerana di satu pihak kita dapati lebih penawaran kepada rumah-rumah kos tinggi dan di satu pihak lain berhadapan dengan masyarakat yang memerlukan rumah kos rendah.

Maka tidak hairanlah setiap tawaran perumahan kita dapati rakyat sanggup beratur sejak awal pagi untuk mendapatkan ataupun membeli sekeping borang bagi pembelian rumah kos rendah sehingga agensi perumahan itu terpaksa memanggil polis atau FRU untuk mengawal proses penjualan borang, itu pun belum tentu terjamin mendapat rumah. Bayangkanlah bagaimana kalau bagi sesebuah keluarga yang ada lima orang anak terdiri daripada lelaki dan perempuan sedangkan rumah

yang mereka diami adalah dua bilik dengan satu bilik air. Itulah merupakan salah satu sebab ataupun punca berlakunya sumbang muhrim dan gejala-gejala sosial lainnya berpunca dari rumah tangga yang tidak sempurna.

Kekurangan rumah kos rendah menyebabkan para pekerja lelaki, perempuan terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan sebagainya terpaksa berkongsi sewa rumah dan kemungkinan penyewa-penyewa itu bukan 'muhrim' itu juga merupakan tanda-tanda awal berlakunya masalah gejala sosial. Puncanya adalah disebabkan ketidakperhatian kerajaan terhadap perumahan rakyat. Di Singapura dengan skim Central Provident Fund (CPF), dengan izin, menjamin setiap rakyat dapat memiliki rumah. Bagaimana dengan KWSP di negara kita? Adakah kerajaan sungguh memberi perhatian yang serius? Adakah kerajaan sedang memikirkan dengan serius ke arah itu? Di Negara Amerika Syarikat 2/3 daripada rakyatnya adalah memiliki rumah sendiri. Di Uzbekistan setiap keluarga yang tinggal di Tashkent menduduki rumah sendiri, bukan menyewa. Dengan lain perkataan, tidak adalah yang tinggal di bawah jambatan atau di atas pokok.

Tuan Pengerusi, peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat pula hendaklah ditingkatkan dengan tenaga-tenaga yang cukup terlatih dan profesional di samping memperlengkapkan dengan alat-alat yang sesuai dengan keadaan semasa dan tempat terutama di bandar-bandar besar di mana terdapat bangunan-bangunan tinggi mencakar langit. Balai-balai bomba yang terdapat di pekan-pekan kecil seperti Jitra, pekan kecil Sanglang dalam kawasan saya, Ko'diang, Ayer Hitam, Jerlun dan seumpamanya sebaiknya dinaikkan taraf daripada dikelolakan oleh pihak swasta dengan diambil alih oleh kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan membekalkan peralatan-peralatan yang baik dan munasabah. Jangan pula cukai pintu setiap kedai dikutip tetapi kebajikan pembayar cukai itu diabaikan.

Tuan Pengerusi, dalam kesempatan ini juga suka saya menyeru agar kementerian ini memperbanyakkan lagi penubuhan kadet-kadet bomba dengan melibatkan lebih ramai pelajar di peringkat sekolah menengah, maktab sampailah

ke IPTA dan IPTS dengan memberi elaun khas semasa mereka menjalani latihan kebombaian ini. Dan hendaklah kerajaan menubuhkan bomba sukarela di bandar-bandar dan pekan-pekan kecil seperti Pendang, Tunjang, Padang Sira dan banyak lagilah kawasan-kawasan di daerah lain dan sebagainya ke arah menyediakan perkhidmatan kebombaian dan pencegahan kebakaran yang berkesan bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda seminimum mungkin.

Tuan Pengerusi, bukan tidak boleh, tetapi apalah maknanya kita memiliki dan berbangga dengan KLIA, KLCC, Menara Kuala Lumpur dan sebagainya kalau sekiranya rakyat masih ramai bersetingan di bandar-bandar, di merata-rata tempat di negara kita kerana tidak memiliki tanah dan tidak memiliki rumah sendiri untuk kediaman hidup di bawah paras kemiskinan sekalipun dengan Dasar Ekonomi Baru negara kita memiliki ramai jutawan dan ahli-ahli korporat, kerana kalau begitu bererti kita berbangga tidak kena pada masa dan tempatnya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya petik sebuah hadis yang bermaksud ada tiga perkara yang menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan hidup seseorang di dunia ini iaitu jiran yang baik, rumah yang agak luas dan selesa dan alat kenderaan yang sempurna. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tambun, Tambun.

**12.40 tgh.**

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah tajuk Perumahan mengenai dengan penyelarasan dan pelaksanaan serta penyelidikan dan pembangunan. Di dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi tahun 2000 saya dapati beberapa statistik yang menarik mencerminkan keadaan industri perumahan kita iaitu bilangan aduan yang dikemukakan, bilangan kes pendakwaan, bilangan kertas diselesaikan di mahkamah, bilangan projek terbengkalai ada 40, bilangan lawatan pengawasan projek. Semua ini menggambarkan bahawa memang sukar bagi negara kita memenuhi permintaan perumahan. Saya dapati di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh memerlukan sebanyak 800,000 unit rumah dan jika dilihat dari

segi statistik bagi Rancangan Malaysia Keempat, kita dapat memenuhi hanya 44% daripada keseluruhan keperluan perumahan, Rancangan Malaysia Kelima - 42.9%, Rancangan Malaysia Ke-6 lebih daripada permintaan iaitu 113%. Dan saya difahamkan bagi Rancangan Malaysia Ketujuh masih banyak lagi permintaan yang belum dipenuhi.

Saya ingin membawa gambaran kepada keperluan perumahan pada masa akan datang. Saya lihat dari segi unjuran pada tahun 2020 negara kita akan mempunyai penduduk seramai 32 juta orang. Dari bilangan itu 25.6 juta akan tinggal di kawasan bandar. Ini bermakna bahawa permintaan perumahan bagi masa akan datang akan lebih mencabarkan. Apa yang saya ingin sentuh di sini adalah mengenai dengan soal sistem penawaran perumahan ataupun dipanggil sebagai, dengan izin, *delivery system*. Saya berpendapat kita mesti meningkatkan, dengan izin, *to upgrade delivery system* industri perumahan kita, di mana kita sedia maklum bahawa *delivery system* ini melibatkan berbagai flow kerja daripada kelulusan layout kepada building plan kepada tender, construction dan akhirnya kepada *certificate of fitness* dan proses-proses ini melalui beberapa *key players* - kerajaan, pihak pemaju sendiri, pihak profesional, financiers dan juga contractors.

Untuk mewujudkan sistem penawaran yang efisien ini semua players perlu memainkan peranan yang cukup penting. Di dalam satu kajian yang dilakukan di bawah '*Housing The Nation*' ada beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti. Saya ingin menyentuh dalam sepuluh minit ini hanya perkara-perkara yang saya anggap kritikal sahaja. Pertama, mengenai dengan pemaju perumahan. Kita tahu bahawa dalam industri perumahan pemajulah *key players* nya dari segi mendapatkan tanah, menyediakan plan pembangunan dan seterusnya menawarkan rumah. Perkara yang ingin saya bangkitkan mengenai dengan pemaju berkaitan dengan projek-projek terbengkalai atau projek yang tidak dapat disiapkan dengan baik, ini adalah berpunca dari pemaju sendiri.

Saya hendak menyentuh mengenai dengan Akta Pemaju Perumahan Kawalan Dan Perlesenan 1966, di mana dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri akan dipinda. Saya cukup tidak bersetuju dengan Fasal 6, 1(a) dan (b) dan saya

harap dalam pindaan akan datang pandangan saya akan diambil perhatian. Saya dapati bahawa untuk mendapat lesen pemaju memerlukan bagi syarikat memiliki modal terkumpul sebanyak RM250,000. Bagi seseorang atau satu kumpulan orang sebanyak RM100,000.

Saya cuba memberi contoh di sini Tuan Pengerusi, sekarang ini satu projek perumahan paling kurang rumah adalah sebanyak 100 unit. Kalau 1 unit berharga RM50,000 bermakna kos projek tersebut bernilai RM5 juta, manakala modal RM250,000 bermakna lebih kurang 5% daripada keseluruhan kos projek, dan dengan wang yang sedikit itu saya bukan tidak pasti, saya jangka tidak mungkin.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak yakin.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tidak yakin bahawa pemaju mampu untuk menyiapkan projek. Sekurang-kurang pemaju mesti mempunyai 10% daripada kos projek. Itu pun dalam keadaan yang agak sukar untuk menyiapkan projek. Sekurang-kurang mesti ada 20%, bermakna bagi projek RM5 juta perlu sekurang-kurang ada sebanyak RM1 juta. Saya bercakap dalam soal perumahan sebanyak 100 unit. Bagaimana dengan projek-projek sekarang, lebih 500 unit, 1000 unit, 2000 unit, maka tentulah keperluan modal bagi syarikat mestilah lebih tinggi.

Oleh yang demikian saya berpendapat bahawa dalam pindaan akta ini nanti mesti ambil kira modal yang diperlukan mestilah bersamaan dengan saiz projek yang hendak dilaksanakan. Jika tidak, kita tidak akan dapat mewujudkan industri perumahan yang sihat yang mana penawaran rumah akan dapat memenuhi permintaan daripada pembeli-pembeli.

Mengenai dengan rumah kos rendah ada beberapa masalah yang dihadapi. Pertama, dari segi kos pembangunan yang semakin tinggi. Ghani & Lee pada tahun 1997 membuat satu kajian, didapati bahawa rumah kos rendah di Utara Malaysia kosnya adalah di antara RM15,000 hingga RM40,000 satu unit. Di Kawasan Tengah antara RM24,000 hingga RM60,000 seunit dan di Selatan antara RM16,000 hingga RM50,000 seunit. Baru-baru ini kerajaan telah meminda harga daripada RM25,000 kepada RM35,000.

Walau bagaimanapun dengan pindaan harga tersebut juga tidak mungkin pemaju swasta mampu untuk melaksanakan projek ini. Jikalau tidak ada 'cross subsidy' yang tinggi dan dalam keadaan ekonomi yang jatuh dan kini dalam proses pemulihan, 'cross subsidy' mungkin tidak banyak kerana permintaan ke atas rumah medium cost dan harga tinggi tidak begitu banyak maka kelebihan pendapatan yang diperolehi oleh pemaju tidak banyak untuk melakukan 'cross subsidy'.

Oleh yang demikian pandangan-pandangan supaya beberapa tindakan diambil, pada pendapat saya mestilah diberi perhatian serius. Pertama dari segi masalah tanah, ada pendapat menyatakan bahawa levi untuk pembayaran tanah, layout plan, building plan ini diberi pengecualian. Bermakna bahawa kerajaan memberi subsidi kepada pemaju swasta untuk melaksanakan pembangunan tersebut.

Saya ingin menyatakan di sini Tuan Pengerusi, prinsip pihak swasta adalah untuk mendapatkan keuntungan dalam mana-mana projek yang dilaksanakan. Jikalau kita hendak meminda pemikiran tersebut tentulah sukar. Mereka tidak akan melaksanakan sesuatu projek semata-mata untuk tujuan sosial tanpa mendapat keuntungan.

Oleh yang demikian oleh kerana projek perumahan kos rendah penting dan perlu untuk masyarakat terutama mereka yang mempunyai pendapatan bawah daripada RM1,000 maka saya berpendapat bahawa subsidi mesti diberikan oleh kerajaan sendiri supaya kos tanah menjadi input yang kecil dalam proses pembangunan projek kos rendah. Di samping itu saya juga berpendapat bahawa dari segi kos bahan perumahan, saiz industri perumahan negara kita begitu besar. Setiap tahun menelan belanja berbilion ringgit, banyak pandangan yang diberi supaya kita mesti terlibat dalam R&D untuk mencari penemuan baru bahan-bahan binaan yang murah.

Kita boleh berbelanja wang beberapa juta ringgit untuk tujuan itu dan wang yang digunakan ini tidak rugi kerana ia akhirnya akan menghasilkan kos material yang rendah dan kita dapat memberikan perumahan kepada semua rakyat kita yang

menjadi impian seluruh rakyat Malaysia. Kita tidak rugi jikalau kita menggunakan peruntukan untuk membuat penyelidikan walau berapa ratus juta ringgit sekalipun, jikalau kita dapat menghasilkan bahan yang berkos rendah, bukan sahaja dapat digunakan di negara kita, kita boleh mengeksport ke negara lain. Kita boleh menjadi sebuah negara yang mempunyai product niche, mengeluarkan bahan binaan kos rendah dan saya rasa semua negara di dunia memerlukan projek-projek kos rendah.

Di samping itu saya berpendapat bahawa sistem kewangan di negara kita mesti dilihat secara keseluruhannya. Saya tahu bahawa apabila membeli rumah baik kos rendah mahupun kos tinggi, pertama kita mesti bayar 10% daripada wang simpanan kita. Kita ada sistem EPF yang boleh digunakan, ini semua baik, maknanya EPF digunakan untuk membeli rumah dalam sistem 6:3:1, 30% boleh digunakan untuk membayar deposit bagi pembelian rumah tersebut. Apa yang ingin saya nyatakan bahawa, kita mesti lihat daripada sistem perbankan dari segi end financing, bagaimana accessibility end financing ini kepada rakyat mudah, di samping itu pada kos yang rendah. Tidak guna kita mengadakan rumah, menawarkan rumah yang banyak tetapi rakyat tidak mampu membeli kerana kos kewangan yang begitu tinggi.

Kita sedia maklum bagi orang yang berpendapatan bawah daripada RM2,000 sebahagian untuk beli kereta ataupun motosikal, sebahagian untuk menyara hidup keluarga, sebahagian untuk bayar perbelanjaan persekolahan anak-anak, sebahagian lagi untuk membayar pelbagai hutang. Dalam masyarakat biasa, ramai individu yang hidupnya berhutang, dapat duit hujung bulan bayar hutang dan jika diambil dari segi saiz pendapatan yang dimiliki oleh individu tersebut menjadi kecil dan jika sistem kewangan kita tidak menawarkan kos yang murah kepada individu untuk membeli rumah, individu akan menghadapi sukar untuk membeli rumah yang ditawarkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Baik, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepong.

**12.47 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya suka bangkitkan masalah di bawah halaman 124, Kemajuan Perkampungan dan juga halaman 117, B.14 Butiran 030000 mengenai Perumahan.

Tuan Pengerusi, tadi saya ada dengar Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam menyentuh dengan seriusnya masalah perumahan terutamanya rumah-rumah yang tidak siap, yang menyusahkan para pembeli.

Tuan Pengerusi, terdapat masalah-masalah yang lain seperti sistem pembayaran pemaju, kontraktor dan sub-kontraktor. Walaupun adanya undang-undang yang dikuatkuasakan untuk menangani perilaku dan sistem pembayaran tersebut tetapi seringkali timbulnya permasalahan yang menjejaskan kontraktor dan sub-kontraktor dan khasnya sub-kontraktornya yang seringkali dianiayai dan sehingga mufliis, misalnya Tuan Pengerusi, pada 1998 sebuah syarikat namanya Iramatim (M) Sdn. Bhd., syarikat infrastructure building and civil engineering yang beribu pejabat di Seri Edaran Industrial Park, Jalan Kepong dan syarikat ini telah membina satu projek raksasa, projek Plaza Melaka Raya dan masalahnya syarikat ini telah melantikkan 19 sub-kontraktor untuk kerja simen, elektrik, cat dan sebagainya. Semua kerja telah disiapkan pada Julai 1999 tahun yang lepas kerana para sub-kontraktor ini hendak mendapat bayaran dan mereka siap kerjanya dengan cepat. Tetapi syarikat Iramatim belum lagi membayar jumlah wang lebih RM900,000.

Tuan Pengerusi, masalah timbul kerana seringkali para sub-kontraktor menuntut bayaran dan pihak Iramatim tidak dapat bayar dan ada helah, banyak taktik termasuk laporan kepada polis dan sebagainya. *[Ketawa]* Saya ada laporan kepada polis kerana tidak dapat bayar, tidak mampu bayar, dia lapor kepada polis dan juga saya diberitahu mengadakan majlis jamuan makan malam untuk ahli-ahli MIC pula. Dia ada wang untuk belanja majlis jamuan makan malam tetapi tidak ada wang untuk membayar sub-kontraktor. Ini salah satu masalah, salah satu

contoh saya beri dan Tuan Pengerusi, kemudian pihak syarikat ini sudah pun mengadakan notis kepada semua termasuk sayalah hendak didakwa ke mahkamah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat beli rumahkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak beli, saya sebagai Ahli Parlimen menguruskan aduan daripada para sub-kontraktor, itu sahaja. Saya akan dihadap ke mahkamah. Masalahnya mereka tidak mampu bayar dan gunakan prosedur guaman untuk menangguhkan tindakan daripada pihak sub-kontraktor dan juga pihak wakil rakyat, itulah tipu muslihatnya.

Saya berharap Yang Berhormat menteri sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengkaji semua undang-undang yang kait mengait dengan sistem pembayaran, pemaju, kontraktor dan sub-kontraktor dan meneliti dengan sedalam-dalam apakah sebenarnya kekurangan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang tersebut dan kemudian bawa ke Dewan yang mulia ini untuk meminda ataupun menggubal undang-undang yang baru supaya kita dapat mengelakkan masalah-masalah yang telah saya sampaikan tadi.

Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat tidak dengan secara langsung bertanggungjawab untuk Wilayah Persekutuan kerana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini di bawah Jabatan Perdana Menteri dan ada menteri sendiri dan ini termasuk yang sudah pun disentuh oleh pihak Yang Berhormat bagi Serdang tadi kerana dia menjelajah ke Jinjang tadi kerana kerja di Serdang itu tidak dapat diperbaiki dan dia hendak lari ke Jinjang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kadang-kadang Kepong begitu juga, sampai ke Sabah pun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya pun boleh kerja bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Serdang kerana dia bangkitkan perkara baik juga, kita bekerjasama juga. Walaupun bukan masalah Yang Berhormat menteri tidak dapat menguruskan dengan secara langsung kerana ini di bawah Jabatan Perdana Menteri dan masalah tanah pun di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, tetapi masalah di Jinjang misalnya, masalah landskap, masalah tanah kosong yang tidak

dapat diurus dengan baik termasuk di Jinjang Utara ada padang besar bola sepak disalahgunakan pada satu ketika dan kemudian baik juga Dewan Bandaraya ada memperuntukkan RM800 ribu untuk membaik pulih padang bola sepak. Ada sebahagian dibaikpulih tetapi selepas itu kerja infrastruktur, banjir dan kerja untuk kemudahan-kemudahan bola keranjang dan sebagainya tidak disediakan, walaupun peruntukan RM800 ribu.

Saya berharap Yang Berhormat menteri dapat memberi perhatian dan juga kepada masalah keluaran geran pajakan tanah bukan sahaja untuk pekedai-pekedai bahkan juga untuk penduduk-penduduk kediaman.

Walaupun pihak Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan sudah pun berusaha untuk mengeluarkan lebih 1,000 geran kepada para penduduk kediaman tetapi untuk pekedai-pekedai memang timbul masalah kerana premium terlalu tinggi dan patut kita semak sama ada ini boleh diselaraskan dan secocok dengan kadar yang dilakukan kepada kawasan-kawasan yang lain. Walaupun bukan dalam bidang Yang Berhormat menteri tetapi secara tidak langsunglah kita boleh memberi perhatian dan mungkin kalau ada peluang kita akan bangkitkan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi juga mengenai masalah ini. Inilah kali pertama kita dengan Yang Berhormat bagi Serdang pun boleh kerjasama untuk menyelesaikan masalah seumpamanya.

Akhir sekali, kerana masa suntuk saya hendak menyentuh sedikit-sebanyak mengenai masalah pili-pili bomba. Tuan Pengerusi, masalah bomba kita ini ia ada pelbagai kerja termasuk hendak tangkap....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ular.

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....ular pun ada. Banyak jenis ular pula. Ular senduk dia hendak tangkap.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ular air pula. Ular senduk. Ular daripada cabin barangan daripada KLIA. Saya pun tidak tahu ada bomba bertugas di KLIA.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat seminit lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu minit, tak apalah.

Tuan Pengerusi, bomba ini dua masalah saya timbul di sini mengenai bangunan tinggi. Walaupun ada latihan, ada helikopter, ada alat-alat canggih yang dibeli oleh pihak kementerian, tetapi saya nampak tidak mencukupi dari segi latihan, dari segi keberkesanan untuk mencegah bangunan yang mencakar langit supaya kita dapat mengelakkan kebakaran bangunan tinggi.

Dan akhir sekali, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh, boleh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....mengenai pili-pili bomba termasuk di Jinjang Utara, Jinjang Selatan, pili-pili bomba saya nampak yang pertamanya pihak para penduduk pun ada setengah-setengah tidak begitu prihatin pada penjagaan ke atas pili-pili bomba, dan kedua, pihak bomba, pihak kementerian pun, keprihatinan ataupun pemantauan ataupun pengawakseliaan tidak begitu berkesan saya nampak di dalam mengadakan pili-pili bomba. Misalnya, di Jalan West Road 14 dan sekitarnya saya nampak tidak ada pili-pili bomba. Inilah masalah, saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji dan dapat menyiasat sama ada bilangan pili bomba itu di kawasan-kawasan yang telah saya sebutkan dan juga di seluruh Wilayah Persekutuan dan di seluruh negara sama ada pili-pili bomba itu ada bilangan cukup dan diselenggara dengan baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Klang.

**12.58 tgh.**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.14, Butiran 040000 dan juga P.14, Butiran 00100 hingga 00700 iaitu berkenaan dengan kerajaan tempatan.

Tuan Pengerusi, bagi orang awam, jabatan kerajaan yang paling mereka kenali ialah kerajaan tempatan. Misalnya, kutipan sampah, perparitan di tempat rumah mereka, tanah lapang yang mana anak-anak main, jalan yang mereka gunakan tiap hari, lampu jalan, CF rumah mereka semua adalah di bawah bidang

kuasa kerajaan tempatan. Prestasi sesebuah kerajaan tempatan mungkin tidak akan menjejaskan ekonomi negara ataupun kestabilan politik negara tetapi ia akan memberi satu gambaran baik buruk terhadap sesebuah kerajaan. Hari ini tidak boleh dinafikan banyak aduan telah kita terima terhadap prestasi kerajaan tempatan.

Tuan Pengerusi, dua aduan yang amat memerlukan perhatian kita iaitu masalah membuang sampah di merata tempat dan kemunculan terlalu banyak pusat permainan video dan juga mesin-mesin judi di bandar-bandar kita. Kita memang mempunyai undang-undang untuk pentadbiran kerajaan tempatan dan kerajaan tempatan mempunyai undang-undang kecil untuk mengawal selia kegiatan-kegiatan tersebut. Masalah timbul sebab kekurangan penguatkuasaannya yang berkesan. Misalnya, membuang sampah di merata tempat adalah suatu kesalahan yang boleh didenda sebanyak beribu ringgit. Tetapi kita dapat lihat sampah di mana-mana sahaja. kadang-kadang kita dapat lihat papan tanda dibangunkan oleh kerajaan tempatan memberi amaran kepada orang ramai supaya jangan membuang sampah di tapak berkenaan, tetapi ia tidak berkesan. Sampah itu mungkin dibuang oleh kontraktor sampah swasta yang diambil oleh kilang-kilang ataupun restoran-restoran ataupun kontraktor pembinaan yang menjalankan kerja ubah suai rumah ataupun ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, boleh sambung petang ini.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Okay, terima kasih.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Klang, sila sambung.

**2.31 ptg.**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tadi saya telah sebut bahawa sampah telah dibuang di merata tempat tetapi kita jarang lihat orang yang melakukan kesalahan ini dibawa ke mahkamah selain daripada satu atau dua kes yang mana majikan yang membuang bahan-bahan toksid dapat dihukum. Kita ada undang-undang tetapi apakah gunanya jika tidak ada penguatkuasaan. Saya suka mencadangkan supaya kementerian menubuhkan suatu unit khas untuk mengawal selia kerja-kerja penguatkuasaan di kerajaan tempatan dan juga menubuhkan satu pasukan penguatkuasaan sendiri untuk menjalankan serbuan dari masa ke semasa. Dan saya harap pasukan penguatkuasaan kementerian ini boleh melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan tanpa sebarang bias.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang lebih membimbangkan kita semua adalah kemunculan begitu banyak pusat permainan video dan mesin judi di seluruh negara kita dalam tahun kebelakangan ini. Saya percaya sekarang sekurang-kurangnya 90% daripada pusat-pusat tersebut adalah tanpa lesen dan haram. Pusat-pusat video dan mesin judi ini tidak lagi beroperasi di belakang kedai tetapi pusat-pusat ini dibuka di kompleks membeli belah dan mesin judi diletakkan di dalam kedai-kedai di kawasan perniagaan yang sibuk. Pusat-pusat ini dibuka siang hingga malam dan semua orang tinggal di kawasan ini tahu di mana mesin-mesin ini diletakkan dan sesiapa pun boleh masuk ke pusat video itu tanpa sebarang halangan, tetapi mana dia penguatkuasaan kerajaan tempatan.

Kerajaan tempatan telah diperuntukkan sebanyak RM152 juta untuk pembangunan dan RM4 juta lagi untuk bekalan bagi tahun 2000. Saya harap daripada peruntukan tadi satu jumlah yang mencukupi akan disalurkan untuk tujuan memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang kerajaan tempatan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya minta penjelasan sikit sahaja, sikit sahaja.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tidak payah, sebab saya hanya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sikit sahaja, sikit sahaja. [*Disampuk*] [*Ketawa*]

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** 10 minit sahaja. Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh di sini dan saya merujuk kepada Maksud B.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat, Butiran 050000 – Pencegah dan Keselamatan.

Tuan Pengerusi, dua bulan yang lalu, penganut-penganut Hindu telah merayakan Hari Thaipusam dan seperti biasa sambutan yang terbesar di negara ini telah diadakan di Batu Caves. Perayaan ini telah menarik beribu-ribu orang dari seluruh negara dan mereka ini bukan sahaja terdiri dari penganut-penganut Hindu tetapi juga meliputi pelancong, penjaja dan juga penduduk-penduduk dari kawasan sekitar yang ingin menyaksikan perarakan. Saya difahamkan, jumlah orang ramai yang hadir bertambah setiap tahun.

Tuan Pengerusi, melihat beribu manusia mendaki tangga untuk ke Gua memberi penghormatan kepada dewa-dewa yang ada di sana, mungkin merupakan satu pandangan yang mengagumkan atau mungkin merupakan suatu yang menggalakkan apabila ramai pelancong yang tertarik dengan Batu Caves tetapi saya bimbang apa mungkin akan berlaku sekiranya atau seseorang yang memekik ada bom ataupun ada ular dan orang ramai mula panik dan lari bertempiaran. Saya tahu ada terdapat anggota polis dan skuad bomba yang ditugaskan di situ untuk memastikan keselamatan tetapi mereka ini tentu tidak akan dapat menahan sebarang bencana atau malapetaka berlaku.

Satu lagi perkara yang membimbangkan saya iaitu apabila saya melihat begitu ramai orang menggunakan tangga yang ada pada masa yang sama. Tangga yang menghala ke kuil di Batu Caves itu telah dibina banyak tahun yang lalu walaupun kerja-kerja meningkat telah dibuat dari masa ke semasa tetapi adakah tangga itu cukup kuat untuk menampung berat badan beribu-ribu orang. Kita masih ingat lagi tragedi di Penang beberapa tahun yang lalu di mana beribu penganut *Goddess of Mercy* telah berhimpun di sebuah jeti dan jeti itu runtuh

sebab ia tidak mampu menampung berat orang-orang yang berada di atas jeti itu, akibatnya ramai orang telah cedera dan ada yang mati. Adakah kita mempelajari sesuatu daripadanya?

Tuan Pengerusi, demi untuk keselamatan kita perlu adakan kawalan ke atas jumlah orang yang menggunakan tangga itu pada satu-satu masa. Bila kita mengingatkan berapa malapetaka yang telah berlaku di negara kita ini dan memandangkan kejadian yang sama mungkin akan berlaku di Batu Caves, saya ingin tahu sama ada sebarang langkah bagi mencegah berlakunya malapetaka atau *disaster prevention measures* telah diambil semasa perayaan Thaipusam di Batu Caves. Jika tidak, saya mencadangkan agar pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan segera mengerahkan satu rancangan mencegah malapetaka untuk perayaan Thaipusam yang akan datang.

Tuan Pengerusi, kita percaya pencegahan adalah lebih baik daripada perubatan. Bagi sesuatu perayaan tahunan seperti Thaipusam kita tidak boleh mengelakkan tanggungjawab kita sekiranya malapetaka berlaku nanti, kerana kita mempunyai masa dan amaran yang secukupnya untuk mengambil langkah-langkah pencegahan sebelum ianya berlaku.

Tuan Pengerusi, ini sahajalah dan saya harap cadangan saya bukan sahaja dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya tetapi dapat mendatangkan sesuatu tindakan daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tebrau.

**2.40 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit satu dua perkara kerana memberi rakan-rakan yang lain untuk berucap. Terutama saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Bomba, B.14, B.15, B.16, Butiran 020000, 030000, 010000 dan 00100. Yang pertama berhubung dengan Perancang Bandar dan Desa.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sedia maklum pihak pemaju sentiasa membangunkan projek-projek perumahan terutama tanah asalnya ialah tanah

pertanian yang meliputi beribu-ribu ekar, hampir ada 8 atau 5000 ekar, satu kawasan yang besar. Maka pada masa ini, pemaju-pemaju berkenaan hanya membuat rumah murah, sederhana, kondominium dan sebagainya tetapi tidak disyaratkan supaya dapat dikenakan untuk pihak pemaju yang berkenaan yang saya sebutkan tadi, biar tanah yang besar yang meliputi beribu-ribu ekar supaya dapat disyaratkan kepada pemaju ini dapat membina sama ada balai raya atau dewan raya, sama ada membina surau ataupun perpustakaan kerana tanah ini adalah asal tanah pertanian yang harganya agak begitu murah tetapi apabila diubah syarat – serah balik guna semula maka pihak pemaju dapat keuntungan yang besar, maka sudah sewajarnya pihak Perancang Bandar dan Desa semasa untuk meluluskan perancangan ini dikenakan syarat, yang pertama mesti bina balai raya untuk kemudahan ataupun dewan raya; dan yang kedua dapat membina surau dan juga perpustakaan atau balai polis.

Saya ingat Tuan Pengerusi, ini tidak menjadikan kerugian kerana saya kata tadi ia begitu besar kawasan yang terlibat itu. Jadi, saya minta kalau dapat pihak kementerian yang berkenaan supaya mengenakan syarat-syarat yang saya sebutkan itu tadi, supaya memberikan kemudahan kerana selepas sahaja pemindahan oleh orang ramai ke kawasan yang baru itu, maka masalah yang timbul ialah tidak ada tempat perhimpunan, tidak ada surau atau masjid, tidak ada perpustakaan dan juga balai polis untuk menjaga keselamatan. Dan ini kalau hendak minta pada kerajaan maka sudah tentulah makan masa yang lama. Jadi, saya ingat pihak pemaju dapat berkorban sedikit dalam masalah untuk membina yang saya sebutkan itu tadi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berhubung dengan masalah pembinaan balai bomba. Balai bomba ini dulu manusia tidak ramai, perumahan tidak banyak, industri tidak banyak, bolehlah tempat-tempat di kawasan bandar-bandar yang besar diletakkan satu balai bomba. Tetapi kebanyakan kawasan sekarang, Tuan Pengerusi, sudah begitu ramai pemindahan orang dalam sesuatu kawasan perumahan, industrinya banyak dibangunkan dan lain-lain lagi. Maka sewajarnya saya minta supaya kerajaan dapat melihatkan perkara ini supaya dapat membina sebuah balai bomba di kawasan-kawasan projek perumahan yang

terdapat banyak berpuluh ribu penduduk dan juga industri yang dibina di kawasan yang tersebut.

Saya sentuh umpamanya di kawasan Tebrau di Tiram, tidak ada balai bomba tetapi kawasan agak luas. Hendak harapkan bomba daripada Johor Bahru agak makan masa yang lama, dengan keadaan jalan yang begitu sesak. Jadi, sewajarnya pihak kementerian dapat melihatkan perkara ini supaya dapat dibina sebuah balai bomba di kawasan yang tersebut.

Yang kedua, berhubung dengan masalah .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang ketiga.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang ketiga, tidak apalah, kalau Tuan Pengerusi pun lupa elok juga. *[Ketawa]* Dekat mana tadi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau tidak ada boleh berhenti.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ada, banyak ni. *[Ketawa]* Cuma hendak melengahkan masa sahaja. Ini berhubung dengan perumahan yang lambat diterima oleh pemaju. Apabila seorang mendapat tawaran rumah murah maka pinjaman akan dibuat melalui bank dan kakitangan kerajaan membuat pinjaman dengan pihak kerajaan. Hendak keluarkan loan ini, lambat masa, terutama kakitangan kerajaan. Melalui saluran – kakitangan kerajaan pusat, dia melalui daripada negeri hantar ke pusat – makan masa yang lama. Yang menjadikan masalah ini pemaju. Bila lambat diterima bayaran, bila lambat diterima pembayaran penuh loan kerajaan ini, pihak pembeli itu dikenakan interest. Sebab yang salah bukannya pembeli, yang salah itu kerajaanlah, kerana lambat keluarkan loan. Jadi, ini bayak berlaku.

Jadi, boleh atau tidak kementerian ini – saya menerima ini banyak masalah – minta merayu pula, macam kita minta pertimbangan khas, rayu kepada pemaju, turunkah sikit tetapi, tetapi ini siksa sikit, hendak menyelesaikan masalah itu. Begitu juga pinjam bank, pemaju lambat terima, tetapi dia sudah kenakan interest sampai RM2000, RM3,000; ini menyusahkan orang ramai. Jadi ini mungkin pihak kerajaan dapat melihatkan perkara ini dibetulkan sedikit, makna kalau loan

kerajaan, loan bank, tidak dikenakan sebarang interest hingga kerajaan menyerahkan bayaran penuh kepada pemaju yang berkenaan sebab ini loan makan masa sedikit.

Seterusnya yang akhir sekali ialah berhubung dengan bomba ini, kakitangan bomba ini, saya kasihanlah. Tadi pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain, ini tugas dan tanggungjawab yang berat tetapi di pihak polis, pihak tentera dikaji semula gaji mereka itu tetapi saya ingat sampai masanyalah juga pihak kerajaan akan menimbangkan gaji kakitangan bomba.

Dahulu bomba, dia cerita dia padam api terbakar sahaja. Maknanya, bila ada berlaku kebakaran dia pergi tetapi sekarang ini berlaku kebakaran kerap kali, berlaku kemalangan jalan raya, hendak panggil polis, polis tidak boleh buka pintu, terpaksa panggil bomba, bomba buka pintu. Lif rosak, kakitangan kerajaan dan swasta tidak dapat buka lif, berpeluh dekat dalam, cari bomba, bomba uruskan. Maknanya, kerja mereka ini makin bertambah dengan keadaan suasana pembangunan dan kelahiran manusia makin bertambah tetapi gajinya tetap macam yang lama.

Jadi, saya cadangkan kepada kerajaan supaya dapatlah melihat kembali gaji kakitangan bomba ini dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang berat, Tuan Pengerusi. Itu sahaja. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Gajah.

**2.47 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud P.14 di bawah Kerajaan Tempatan, dengan lebih spesifik Butiran 00100, 00200 iaitu peruntukan untuk Projek Kecil Di Kawasan Pihakberkuasa Tempatan dan Bantuan Khas Kepada Pihakberkuasa Tempatan.

Saya ingin mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan Butiran-butiran tersebut? Iaitu jenis projek kecil serta bantuan khas. Mengenai Butiran 00300, saya ingin mengetahui dari kementerian mengapakah diperlukan satu peruntukan untuk Program Bersih dan Indah. Ini adalah kerana untuk memastikan bahawa

negara kita bersih mesti ada penguatkuasaan sebab undang-undang telah ada, penguatkuasaan mesti wujud.

Jadi, jika penguatkuasaan oleh pihak yang bertanggungjawab menjalankan tanggungjawabnya tidak perlu diadakan peruntukan yang sebegitu tinggi. Peruntukan kepada Kerajaan Tempatan adalah jelas tinggi sebanyak RM152 juta tetapi kelemahan pengurusan Kerajaan Tempatan telah nyata dan menjadi kerisauan Ahli Parlimen seperti yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam serta Yang Berhormat bagi Klang.

Masalah ini saya tidak perlu memberi penerangan yang lebih mendalam, lebih terperinci kerana telah semua Ahli Parlimen saya pasti mengetahui apakah masalah yang telah wujud yang berkaitan dengan Pihakberkuasa Tempatan. Oleh kerana ia merupakan satu objektif kementerian untuk menggalak, memaju dan memimpin Pihakberkuasa Tempatan untuk menyediakan perkhidmatan bandaran yang bermutu tinggi, saya berharap pihak kementerian akan 'bersifat' hati terbuka untuk mendengar cadangan serta kritikan daripada orang ramai mengenai prestasi Pihakberkuasa Tempatan.

Saya mencadangkan kementerian mengutip suara orang ramai, dengan izin, public opinion mengenai prestasi Pihakberkuasa Tempatan dan mengkaji dari sudut tersebut untuk memimpin, membimbing Pihakberkuasa Tempatan dan saya berharap kementerian tidak akan mengikut langkah Menteri Kerja Raya dengan tidak dan enggan menerima hakikat untuk mengutip public opinion, dengan izin.

Objektif kementerian antaranya adalah juga untuk melaksanakan perancangan yang setara untuk seluruh negara dan menjadi strategi kementerian melaksanakan perancangan pembangunan projek-projek perumahan. Adalah tidak dinafikan bahawa pelaksanaan pembangunan projek-projek perumahan tersebut juga menjadi tanggungjawab kementerian mengambil kira, menitikberatkan alam sekitar.

Di sini saya merayu kepada kementerian untuk membimbing sekali lagi Pihak Berkuasa Tempatan Bandaraya Ipoh. Di kawasan Parlimen Batu Gajah, hanya mempunyai sebuah bukit yang dikenali sebagai Bukit Keledang terletak di

Menglembu. Projek perumahan sedang dijalankan. Ia bukan sebarang bukit, bukit tersebut adalah tempat bersenam, tempat rekreasi yang dikelilingi dengan pokok-pokok serta tumbuh-tumbuhan hijau, spesis monyet .....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Keberapa?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** 36(4), semalam wakil dari Kuala Kedah, minta tarik baliklah perkataan 'bodoh' [*Disampuk*] yang disebut .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya cadangkan supaya habiskan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kacau sahaja.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Okay, terima kasih. [*Disampuk*]

**Puan Fong Po Kuan:** Saya mencadangkan Backbenchers Club, dengan izin, mengadakan kursus mengenai Peraturan Mesyuarat. [*Tepuk*]

Bukit ini adalah yang paling hampir dengan Bandaraya Ipoh di mana orang ramai dari jauh atau dekat, beribu-ribu jumlahnya bersenam dan mendaki bukit di situ. Projek perumahan tersebut telah dijanjikan diberhentikan tetapi pada 14 Mac 2000, aduan daripada orang ramai bahawa projek telah sekarang diteruskan. Pihak Berkuasa Tempatan telah menyatakan bahawa projek perumahan tersebut tidak akan dibatalkan.

Saya berharap pihak kementerian akan melihat masalah ini dan campur tangan serta membimbing Pihak Berkuasa Tempatan serta Kerajaan Negeri Perak untuk menyelamatkan bukit ini agar tidak dilenyapkan di atas alasan pembangunan projek perumahan. Jika projek perumahan tersebut dibiarkan diteruskan, ia adalah bercanggah dengan tiga objektif utama kementerian iaitu (a), (b) dan (f) di muka surat 123, Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 2000....

**Tuan Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Puan Fong Po Kuan:** ...projek perumahan tersebut bukan sahaja akan membawa banjir, ini adalah kerana sering kali kita mendengar masalah dan keluhan orang ramai di mana projek perumahan sentiasa dijalankan membawa masalah banjir .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Puan Fong Po Kuan:** .....dan ini adalah ekoran daripada .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi ada Kinabatangan, .....

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan. Apakah Yang Berhormat bagi Batu Gajah ini menyuarakan hati rakyat di kawasan itu ataupun hati pembangkang dan kalaulah betul hati suara rakyat, kenapa tidak ada evidence, bukti-bukti yang boleh membantu menyelesaikan masalah ini. Saya percaya kita Kerajaan Barisan Nasional .....

**Puan Fong Po Kuan:** Tidak perlu panjanglah soal penjelasan .....

**Tuan Moktar bin Radin:** Pakai peraturan, tadi cakap tidak peraturan .....

**Puan Fong Po Kuan:** .....saya tidak perlu, ini hak saya .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Tuan Moktar bin Radin:** ....saya punya floor, saya dibagi laluan.

**Puan Fong Po Kuan:** .....saya beri penjelasan tetapi penjelasan yang panjang-panjang ini tidak perlu.

**Tuan Moktar bin Radin:** .....saya diberi jalan, kita cakap dia marah juga.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya tahu apa dia hendak cakap.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, .....

**Puan Fong Po Kuan:** Saya tahu apa yang Yang Berhormat bagi Kinabatangan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan sila duduk. Apa yang disampaikan beliau sudah faham. *[Disampuk]*

**Puan Fong Po Kuan:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan, jika Yang Berhormat bagi Kinabatangan mahukan bukti-bukti untuk menyokong bahawa ini adalah suara rakyat, saya akan kemukakan dan Yang Berhormat boleh dapatkan dari Majlis Bandaraya Ipoh, dari Majlis Daerah Kinta Barat di Batu Gajah.  
*[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Gajah, masa sudah suntuk.  
*[Tepuk]*

**Puan Fong Po Kuan:** Jika mengizinkan saya menggulung?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, sila.

**Puan Fong Po Kuan:** Peruntukan mengurus Kerajaan Tempatan telah meningkat sebanyak 15.2%. Saya berharap ia akan membawa kepada kualiti hidup yang selesa serta baik kepada kita dengan pengurangan masalah aduan yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan serta pemeliharaan alam sekitar juga.

Saya dengan ini sekali lagi merayu kepada kementerian agar membantu penduduk di kawasan Batu Gajah ini agar menghentikan projek perumahan di Menglembu. Terima kasih.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Point of order, Tuan Pengerusi. 36(4), mintalah sahabat saya daripada Kuala Kedah semalam tarik balik.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Larut, saya ingin cadangkanlah supaya perkara ini kita bangkit nanti semasa Dewan yang mulia ini bersidang semula.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Okay, terima kasih.  
*[Disampuk] [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Rantau Panjang.

**2.53 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh P.14. Sebelum itu saya ingin perbetulkan apa yang disebutkan oleh Ahli Parlimen bagi Klang tadi di mana beliau menyebut bahawasanya pertumbuhan mesin-mesin judi di seluruh negeri-negeri di

Malaysia. Sepatutnya beliau masukkan satu perkataan 'kecuali Kelantan dan Terengganu'. Itu pembetulan dan terima kasih kerana memberi maklumat, mudah-mudahan akan menyedarkan pihak yang bertanggungjawab tentang pendedahan yang dilakukan oleh Ahli Parlimen bagi Klang sebentar tadi.

Saya ingin masuk terus kepada 00200 iaitu Bantuan Khas Kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Saya ingin merujuk kepada pemberian-pemberian di bawah Perlembagaan oleh Kerajaan Persekutuan bermula pada tahun 1990 sehinggalah kepada tahun 1999.

Mudah-mudahan hasil pendedahan saya ini akan memberi ataupun membuka sedikit jalan kepada pihak kerajaan supaya masalah yang berlaku di Kelantan ini diambil berat, terutama sekali tentang kelewatan pemberian ataupun penyampaian cek-cek kepada Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pemberian dan keseimbangan Pihak Berkuasa Tempatan.

Pada tahun 1990 patut diterima ialah RM1,255,900.90 dan cek yang diterima pada 3.3.1990 dan pada tahun 1991 cek yang diterima pada 28.4.1991, maknanya makin lewat, makin lewat. Tahun 1992, cek yang diterima pada 15.11.1992 dan pada tahun 1993, cek tidak diterima secara keseluruhan tetapi dibahagi dua pada 24.10.1993 RM1,700,000 dan pada 10.11.1993 ialah RM10 juta lagi.

Dan tahun 1994 ianya diberi pada 20.12.1994 dan tahun 1995 diberi dua kali juga iaitu dibagi dua, pada 29.10.1995 RM1,400,000 dan pada 14.2.1996 diberi lagi RM3,700,000. Bermakna, diberi pada tahun yang lain, ini berlaku tahun 1995, 1996 dan peruntukan tahun 1996 diberi dua kali lagi pada 29.7.1996 diberi RM11 juta dan ratusan kemudian pada 5.1.1997 diberi lagi RM900,000 iaitu pada tahun kemudian – sepatutnya diberi pada tahun 1996, diberi pada tahun 1997 balance atau bakinya. Dan tahun 1997, juga dibagi dua kali - pada 25.9.1997 RM10 juta dan bakinya RM2 juta lagi dibagi pada 5.3.1998 iaitu tahun kemudian.

Tahun 1998 dibahagi dua kali juga iaitu RM9 juta pada 9.8.1998 dan RM3 juta lagi diberi pada 9.2.1999 iaitu tahun kemudian. Dan seterusnya pada tahun

1999, pada 18.8.1999 dibagi RM10 juta kemudian bakinya RM1,900,000 itu dibagi pada 3.1.2000. Ini keadaan yang berlaku di Kelantan.

Saya mengharapkan pihak yang berkuasa khususnya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mencari penyelesaian dan mencari punca kenapakah berlaku demikian sehingga Kerajaan Kelantan terpaksa menerima di akhir tahun setiap tahun pemberian di bawah Perlembagaan ini dan beberapa kali pula terpaksa terima tahun yang kemudiannya. Saya yakin dan percaya di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia ini tidak berlaku demikian dan inilah yang saya harap dalam keadaan zaman alaf baru ini minda pihak pemimpin-pemimpin kerajaan khususnya kementerian yang berkaitan ini akan berubah. Jangan cakap sahaja perubahan berlaku tetapi masih lagi menekan Kerajaan Negeri Kelantan ini.

Saya ingin juga membangkitkan berkenaan Butiran 00300 – Program Bersih dan Indah ini. Ini satu program yang cukup susah, sebahagian besar di kalangan kita memberi pandangan supaya menguatkuasakan undang-undang kita bagi membolehkan rakyat ini didenda dan seterusnya. Bagi saya yang penting ialah kalau pandangan ini diterima supaya pemimpin mencari jalan bagaimana untuk mengubah sikap rakyat itu sendiri supaya revolusi mental berlaku terhadap rakyat yang ada di seluruh Malaysia ini khususnya di kawasan-kawasan kerajaan tempatan dan perbandaran.

Contohnya di Selatan Thailand, di Majlis Perbandaran Haadyai dan Yala, cara Kerajaan Thailand motivasi, mengubah fikiran rakyat mereka itu sehingga kalau terdapat atau terlihat seseorang itu membuang sampah di tepi jalan melalui atas kereta atau sebagainya, maka rakyat yang melihat ini akan mengatakan ini bukan rakyat Thailand ataupun ini bukan rakyat di kawasan Yala atau ini bukan rakyat di kawasan Haadyai, ini mesti rakyat di kawasan luar daripada kawasan-kawasan ini, itu cara mentaliti yang dipasak, dimasukkan oleh pemimpin-pemimpin Thailand ini kepada rakyat mereka itu, tetapi kerajaan kita tidak pernah memikirkan ini. Penguatkuasa undang-undang sahaja tidak cukup kalau tidak mengubahkan pemikiran rakyat itu.

Oleh itu saya menyeru kepada semua kementerian khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini supaya membuat program-program yang boleh mengubah pemikiran rakyat itu sendiri supaya mereka itu kalau saya sebut tentang Islam mungkin kawasan-kawasan bandar ini tidak ramai orang yang beragama Islam, kalau Islam mungkin mudah kita mengurus secara Islam mengeluarkan hadis yang besar-besar di situ, mengeluarkan ayat-ayat Al-Quran yang besar-besar memberi ingatan kepada umat Islam supaya mereka itu ingat bahawa kebersihan itu adalah salah satu dari Iman. Ini senang. Tetapi oleh kerana kawasan-kawasan bandar ini tidak ramai yang terdiri orang yang beragama Islam, mungkin kerajaan boleh mencari cara lain, menggunakan pendekatan yang lain bagi menukarkan fikiran rakyat ini supaya mereka itu benar-benar mengetahui kekotoran itu adalah satu perkara yang jijik pada pandangan umumnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Petaling Jaya Utara.

### **3.01 ptg.**

**Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Pengerusi, terima kasih berbanyak-banyak kerana memberi saya peluang untuk membuat sedikit komen dan cadangan terhadap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang merangkumi B.14 Butiran 010600 – Perundangan. B.14 Butiran 070400 – Perancangan dan Pelaksanaan Program Pembangunan Landskap dan B.14 – Butiran 040200 – Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, mengenai B.14 – Butiran 010600 yang berkaitan dengan perundangan, saya ingin menarik perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada masalah yang timbul ekoran daripada pembangunan pesat di kawasan umpamanya di kawasan saya di Petaling Jaya Utara. Seperti yang dimaklumi semua, Petaling Jaya adalah salah sebuah kawasan perbandaran yang paling pesat membangun di negara ini dengan taraf pendidikan dan ekonomi yang amat tinggi. Disebabkan pembangunan yang amat pesat, tempat-tempat lapang di kawasan ini semakin berkurangan, disebabkan taraf ekonomi yang tinggi, aktiviti perniagaan dan pembangunan amat sibuk sekali, ditambah lagi taraf pendidikan

yang tinggi, penghuni-penghuni di sini mempunyai tuntutan yang lebih mendesak berbanding dengan kawasan-kawasan lain.

Sebenarnya ini fenomena yang menggembirakan, masalahnya kerana banyak projek pembangunan perlu seperti stesen pencawang elektrik, projek pembangunan komersial seperti kondominium, kompleks beli-belah, kelab stesen minyak, bangunan pejabat dan sebagainya bersaing untuk mendapatkan sedikit tanah lapang yang terhad. Akibatnya kawasan perumahan pun bertukar menjadi kawasan komersial, padang hijau di depan rumah penduduk tiba-tiba sahaja dibangunkan untuk dibina stesen minyak dan sebagainya.

Gejala ini sukar diterima oleh rakyat yang mementingkan mutu sekitaran hidup dan para penghuni tidak dapat menerima hakikat bahawa penukaran kegunaan tanah dan kelulusan projek berlaku secara tanpa pengetahuan mereka. Ini menunjukkan peruntukan undang-undang yang hanya menghendaki kerajaan menyiarkan iklan dan menghantar surat kepada tuan tanah bersebelahan adalah tidak cukup. Ini kerana yang mendapat kesan dan tamparan secara langsung termasuk para penghuni di sekitar yang merangkumi di kiri kanan, depan dan belakang.

Oleh yang demikian, saya berharap kerajaan dapat membuat kajian dan pindahan yang sesuai dalam aspek ini. Selain dari itu, sebelum kerajaan tempatan meluluskan sebarang penukaran kegunaan tanah atau projek pembangunan yang mungkin menjejaskan kepentingan penduduk sekitar, notis yang jelas hendaklah dipamerkan di tapak projek yang berkenaan untuk mendapat maklum balas daripada penduduk yang berkenaan. Ini akan meningkatkan ketelusan pentadbiran kerajaan, memperlindungi kepentingan penduduk dan mengelakkan insiden bantahan dan protes daripada para penduduk yang berdekatan selepas sesuatu projek diluluskan.

Tuan Pengerusi, mengenai B.14 Butiran 070400 – Perancangan dan Pelaksanaan Program Pembangunan Landskap. Saya berharap bahawa kerajaan akan menyiarkan dalam warta kerajaan semua kawasan simpanan untuk pohon hijau agar kawasan simpanan untuk pohon hijau ini tidak dibangunkan untuk

membina bangunan tetulang konkrit yang menjejaskan kecantikan landskap. Selain itu, kerajaan juga perlu menjalankan kerja pengindahan ke atas semua kawasan hijau.

Selain dari itu, saya mencadangkan kepada kerajaan agar memasang lampu di semua taman rekreasi untuk memudahkan penduduk pada waktu malam, selain mengetatkan penjagaan keselamatan di kawasan setempat, mengurangkan penagihan dadah dan anasir jahat yang mungkin berkeliaran atau berselindung di taman rekreasi.

Mengenai B.14 Butiran 040200 – Kemajuan Perkampungan. Disebabkan pembangunan yang amat pesat di kawasan Petaling Jaya Utara, tiga buah kampung baru iaitu Kampung Chempaka, Seri Setia, Kampung Baru Damansara telah dikelilingi oleh kawasan komersial, kilang dan kawasan perumahan moden, memberikan satu gambaran yang menunjukkan perbezaan di antara kemunduran dan pembangunan moden. Banyak rumah kampung dibina bersebelahan dengan sungai, tanah simpanan sungai dan jalan awam semakin sempit bila penghuni-penghuni kampung menjalankan perluasan rumah mereka.

Soal kebersihan jalan raya dan prasarana tidak memuaskan, difahamkan salah satu faktor penyebab ialah kerajaan selama ini tidak menyelia dan bertindak ke atas pembangunan di kampung baru secara ketat. Ditambah peruntukan belanjawan untuk kampung tidak mencukupi, maka pembangunan kampung agak merosot. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kerajaan menambahkan peruntukan kewangan untuk pembangunan kampung. Pada masa yang sama, kerajaan juga perlu memberi perhatian berat ke atas pembangunan kampung baru, menyekat sebarang perluasan dan pembinaan bangunan yang tidak sah, jika tidak, bila nasi sudah menjadi bubur disebabkan pertimbangan soal kemanusiaan, pembangunan kampung baru akan bertambah rumit.

Akhir sekali, saya berharap bahawa cadangan-cadangan saya ini akan menarik perhatian kerajaan untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya, menerima dan melaksanakannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jelutong.

**3.06 ptg.**

**Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin sentuh beberapa perkara di bawah B.14 iaitu Bekalan untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang pertama sekali adalah Butiran 010600 berkaitan dengan Perundangan yang telah diperuntukkan RM180,000 untuk perkara ini. Dari kenyataan yang dibuat oleh kementerian kita faham, kementerian memang sedar bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh kementerian dari segi industri perumahan adalah kerana kelemahan-kelemahan yang didapati pada undang-undang yang sedia ada. Tetapi dari peruntukan kementerian berjumlah RM900 juta hanya RM180,000 diperuntukkan di bidang perundangan. Adakah ini mencukupi jikalau kita hendak revolutionised undang-undang di industri perumahan. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan atas perkara ini.

Yang kedua, di bawah Butiran 010000 – Projek di bawah butiran ini RM34 juta telah diperuntukkan untuk projek pembedungan negara. Adakah RM34 juta ini untuk membeli balik IWK atau untuk penyenggaraan sistem pembedungan di negara ini sahaja. Jikalau RM34 juta itu adalah untuk kos penyenggaraan pembedungan, apakah kos pembelian balik IWK?

Yang ketiga, di bawah Butiran 00700 – satu Dana Bangunan Warisan telah diperuntukkan RM5 juta. Apakah fungsi dana bangunan warisan ini? Setahu saya selepas pemansuhan Akta Kawalan Sewa, ada banyak bangunan warisan yang akan dikosongkan. Soalan saya, bagaimanakah dana ini dapat mengekal dan memelihara bangunan warisan ini. Dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa juga banyak penghuni-penghuni bangunan warisan akan diusir dari bangunan tersebut. Bagaimanakah dana ini dapat menolong penghuni-penghuni di bangunan warisan ini.

Yang keempat, di bawah Butiran 40000 – berkaitan dengan operasi kebombaian telah diperuntukkan RM116 juta. Peruntukan di bawah butiran ini adalah agak besar tetapi malangnya peruntukan untuk memelihara dan mendirikan pili-pili bomba adalah terhad. Pili-pili bomba merupakan item asas dalam

kebombaian tetapi saya selalu menerima aduan dari balai-balai bomba kerana peruntukan tidak mencukupi untuk mengekalkan satu sistem pili-pili bomba yang efektif.

Saya harap kementerian dapat mengambil perhatian dalam perkara ini dan menambahkan peruntukan di bidang ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian.

**3.10 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.14 – 01500 – Perumahan Awam Kos Rendah, pinjaman untuk kerajaan-kerajaan negeri yang telah diperuntukkan dalam belanjawan kita sejumlah lebih daripada RM100 juta. Semua kita tahu bahawa perumahan adalah suatu perkara yang sangat penting, satu keperluan asas yang tidak patut didiskriminasikan di antara mana-mana pihak. Seperti rakan saya daripada Rantau Panjang yang telah merujuk kepada pengagihan geran kepada kerajaan-kerajaan tempatan di Kelantan.

Saya merujuk apa yang telah tertinggal daripada ucapan beliau iaitu sejak tahun 1990 Kerajaan Negeri Kelantan telah dinafikan peluang untuk mendapatkan pinjaman bagi perumahan kos rendah dan saya berharap menteri baru dengan semangat baru dan dasarnya juga baru, dapat menimbang semula pemberian pinjaman untuk Kerajaan Negeri Kelantan bagi membina perumahan kos rendah supaya rakyat Kelantan juga dapat menikmati kemudahan yang paling mustahak ini.

Seperti mana yang mungkin telah diketahui oleh Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah mempelopori perumahan kos rendah dengan syarat tiga bilik, seingat saya dalam tahun 1993 dan setiap dari itu telah diikuti oleh negeri-negeri yang lain dan dasar ini berasaskan kepada beberapa kata-kata Nabi Muhammad s.a.w., di antaranya ialah [*Membaca sepotong Hadis Nabi*] – “...asingkanlah mereka pada tempat-tempat tidur mereka apabila mereka berumur sepuluh tahun”.

Daripada kata-kata inilah telah diformulatekan satu dasar iaitu semua rumah sama ada rendah ataupun mahal, sekurang-kurangnya minimum ialah mesti

mempunyai tiga bilik. Pada hari ini jika Yang Berhormat Menteri berkesempatan untuk melawat rumah-rumah pangsa di sekitar Kuala Lumpur dan rumah-rumah setingan, masih ada rumah pangsa satu bilik dan keadaannya amatlah menyedihkan dan ini satu hakikat. Saya membangkitkan perkara ini bukan untuk mempolitikkan tetapi ini adalah tanggungjawab sosial kita semua untuk memastikan salah satu daripada lima perkara yang dituntut oleh Islam apabila seseorang lelaki ingin berkahwin dengan seseorang perempuan lain dalam khutbah nikah, satu kontrak sosial yang akan dijalinkan di antara lelaki dan perempuan, lelaki diminta memenuhi lima perkara. Salah satu ialah 'maskhan' iaitu tempat tinggal. Dan dengan sendirinya menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memandang berat kemudahan ini bagi membolehkan rakyat hidup dalam keadaan yang selesa dan terhindar daripada gejala-gejala sosial yang lain kerana rumah adalah unit yang paling asas bagi membina masyarakat.

Saya beralih kepada IWK. Yang Berhormat Menteri juga maklum bahawa Kerajaan Negeri Kelantan adalah di antara kerajaan yang masih lagi belum menerima pakai pembedaan secara penswastan walaupun telah diminta oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menerima pakai asas daripada keengganan ataupun kelewatan kita menerima pakai penswastan ini ialah kerana keraguan kita terhadap beberapa konsep yang asas. Di antaranya ialah kadar tarif yang hendak dikenakan, yang kedua ialah pada pandangan kita pembedaan ialah satu projek, satu khidmat sosial kerajaan yang agak sukar untuk diselarasakan dengan usaha mencari keuntungan bagi pihak-pihak swasta dan dengan sebab itu kita lihat telah berlaku kegagalan dalam penswastan pembedaan seperti mana yang telah diura-urakan kerajaan terpaksa mengambil balik IWK walaupun kadar tarif IWK telah dikaji sebanyak tiga kali dan pemilikannya juga sudah berpindah tangan sebanyak tiga kali.

Dalam peruntukan di dalam muka surat 222 buku *Akaun Awam Persekutuan 1998*, Butiran 03500 Penswastan - Program Pembedaan seluruh negara, kerajaan menganggarkan projek keseluruhan yang dianggarkan untuk menggunakan peruntukan kerajaan ialah sebanyak RM6.2 bilion dan kerajaan telah

pun menggunakan sejumlah RM256 juta untuk usaha-usaha pementasan dan pada masa yang sama kerajaan telah pun memberi pinjaman kepada IWK sebanyak RM120....er...minta maaf...RM541 juta.

Kesemua ini menunjukkan bahawa pada waktu kerajaan menswastakan IWK, pementasan ini, kerajaan masih lagi terpaksa menanggung komitmen sosialnya dengan sejumlah perbelanjaan yang begitu besar dan dengan sebab ini saya berhasrat supaya kerajaan dapat mengkaji adakah pementasan ini perlu diteruskan penswastakan dengan melibatkan tanggungan kerajaan yang begitu besar, pada masa yang sama pihak swasta mendapat keuntungan yang begitu mudah. Jika perlu, tidak ada salahnya untuk kerajaan mengambil balik projek pementasan ini dan melaksanakannya secara pengkorporatan berbanding dengan penswastakan yang kita cadangkan pada hari ini.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 02000 Perancangan Pembangunan dan 04000 Kerajaan Tempatan berkaitan dengan pembinaan Putrajaya sekali lagi dan saya harap Yang Berhormat Menteri tidak marah saya, saya hanya hendak tanya, kalau salah tolong tunjukkan, kalau benar terima sahajalah. *[Ketawa]* Saya hendak tahu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 172 (Perancangan Bandar dan Desa) 1976 di bawah beberapa clause dalam akta ini menghendaki bahawa mana-mana satu rancangan pembangunan yang baru mestilah mempunyai satu pelan struktur yang mesti dibentangkan kepada awam termasuk dengan cara menyiarkannya dalam dua surat khabar – sekurang-kurangnya dua surat khabar tempatan dan salah satunya mestilah dalam bahasa kebangsaan. Pertanyaan saya adakah pelan struktur Putrajaya telah disiarkan dalam mana-mana akhbar tempatan kita dan kalau sudah disiarkan tarikh-tarikh penyiarnya dan adakah perkara-perkara lain dalam akta ini dipenuhi sepanjang pelaksanaan pembangunan Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Pendang.

**3.19 ptg.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya akan menyentuh sedikit sahaja dalam kementerian ini iaitu di bawah P.16 Butiran 00100 Balai Bomba dan Bangunan.

Saya ingin menarik perhatian kementerian ini kepada kawasan saya di Pendang iaitu mengenai dengan ketiadaan perkhidmatan bomba di Pendang sehingga sekarang. Yang ada ialah perkhidmatan bomba sukarela. Sudah banyak kali berlaku kebakaran dan perkhidmatan bomba kerajaan hanya sampai ke tempat kebakaran itu sesudah kebakaran itu selesai menelan 'mangsanya' iaitu rumah kediaman. Apa yang diberi khidmat ialah daripada perkhidmatan bomba sukarela. Saya telah pun membangkitkan isu perkhidmatan balai bomba yang tetap bagi daerah Pendang ini dalam beberapa kali sidang Dewan Undangan Negeri di Kedah semenjak Rancangan Malaysia Kelima bila saya berada dalam Dewan Undangan Negeri. Pihak kerajaan negeri menjanjikan akan memasukkan projek pembinaan balai bomba di Pendang ini dalam Rancangan Malaysia Keenam tetapi bila saya lihat dalam Rancangan Malaysia Keenam pun tidak ada juga, bila saya bangkitkan lagi diberitahu akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan sekarang kita sudah berada di penghujung Rancangan Malaysia Ketujuh.

Jadi, saya ingin menarik perhatian kerana jarak balai bomba yang ada yang berdekatan dengan daerah Pendang ini ialah Alor Setar yang terletak kira-kira 16 batu daripada daerah Pendang dan daripada balai bomba di Guar Chempedak yang juga terletak dalam lingkungan jarak jauh yang hampir sama. Biasanya bila berlaku sesuatu kebakaran di dalam kampung, maka bomba sukarela inilah yang mendahului bomba kerajaan untuk memberi khidmat dan kita tahulah pasukan bomba sukarela ini tidak mempunyai kemudahan yang cukup, tangki bekalan air yang kecil dan tenaga yang sangat terhad.

Jadi, ada dua isu di sini yang saya ingin bangkitkan iaitu apakah dasar kerajaan dalam memberi bantuan, sokongan material kepada pasukan bomba sukarela yang bertempat di pekan Pendang dan saya dapati mereka memang memberi khidmat yang baik tanpa mengira kaum dan mereka pergi ke kawasan-

kawasan pedalaman yang jauh walaupun di waktu-waktu tengah malam untuk memberi khidmat kemanusiaan ini.

Jadi, saya fikir kalau kerajaan tidak mempunyai dasar yang jelas untuk memberi bantuan kewangan yang baik, yang mencukupi kepada perkhidmatan bomba sukarela ini, saya fikir kerajaan patut menimbang untuk memberi sumbangan material, kewangan kepada mereka bahkan, kalau dapat membekalkan juga alat-alat mengawal kebakaran atau memadamkan kebakaran yang agak lebih moden.

Yang keduanya ialah saya berharap dengan peruntukan yang agak besar jugalah RM78.8 juta diperuntukkan untuk balai bomba dan bangunan ini supaya dapat diperuntukkan kepada daerah Pendang kerana daerah Pendang ini, saya akan bercakap lagilah, ia memang satu daerah yang walaupun sudah 40 tahun berada di tangan Barisan Nasional dan sebelum itu Perikatan tetapi dari segi prasarana pembangunan masih dikatakan ataupun dikategorikan dalam keadaan yang masih jauh ketinggalan. Dulu ada rancangan untuk membangunkan sebuah hospital di Pendang dan walaupun ini bukannya berkaitan dengan kementerian ini tetapi saya hendak menggambarkan bagaimana keciciran yang berlaku kepada daerah Pendang ini tetapi dengan tanahnya sudah siap, tanah sudah diambil oleh kerajaan dan ditentukan kawasan tetapi akhir-akhir ini saya difahamkan, rancangan untuk membina hospital di Pendang itu telah dibatalkan atas alasan ianya berdekatan dengan Hospital Alor Setar walaupun penduduk di Pendang menghadapi kesulitan dalam menghadapi kes-kes kecemasan, apabila berlaku sesuatu kes kecemasan untuk pergi mendapatkan khidmat segera daripada hospital yang terdekat iaitu Alor Setar.

Jadi, begitu jugalah dengan keadaan perkhidmatan bomba kerana terutamanya di musim panas atau di musim kemarau yang apabila kebakaran api begitu pantas menyemarak dan menelan atau memamah bangunan-bangunan yang terlibat dengan kebakaran ini. Jadi, saya berharap menteri yang berkenaan akan dapat memberi pertimbangan yang wajar untuk mengagihkan peruntukan ini bagi membina, membangun dan melengkapkan balai bomba dengan bangunannya,

dengan segala kemudahan, dengan para petugas untuk memberi khidmat kemanusiaan kepada penduduk-penduduk Pendang yang semakin bertambah bilangan mereka.

Jadi, saya ingat setakat itulah sahaja harapan saya dan saya minta perkara ini dapat diteliti dan diberi perhatian yang serius. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Gelang Patah.

**3.26 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, saya sudah bangun lebih 10 kalilah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya berterima kasihlah dan menghargai ketahanan dan kesabaran Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Chang See Ten:** Ya, ya. Saya cukup menghargai peluang yang diberikan sekarang. Terima kasih.

Saya ingin sentuh Maksud Bekalan B.14, pertama, tentang Perumahan, Butiran 030000. Tuan Pengerusi, tentang CFO untuk bangunan perindustrian dan perniagaan. Saya telah menerima banyak aduan daripada para pembeli premis perindustrian di kawasan perindustrian Taman Tan Sri Yaakob, Skudai, Johor Bahru bahawa pihak pemaju taman itu hanya menyerahkan kunci bangunan kepada mereka tanpa memastikan bangunan mereka menerima Sijil Kelayakan Menduduki, atau dengan izin, CFO daripada Majlis Daerah Johor Bahru Tengah. Walaupun para pembeli dapat memasuki premis masing-masing tetapi tanpa CFO mereka tidak dapat memulakan aktiviti perniagaan atau perindustrian yang dirancang kerana tiada bekalan air dan elektrik. Sungguhpun para pembeli ini belum sempat memperolehi sebarang pendapatan daripada premis-premis ini, mereka terpaksa terus membuat bayaran ansuran kepada institusi kewangan atau bank yang memberikan kemudahan pinjaman kepada mereka ketika membeli premis-premis yang terlibat. Tiada siapa yang mengetahui bilakah pemaju akan mendapatkan CFO untuk mereka. Jika dilema sebegini dibiarkan berlarutan untuk beberapa tahun kerana ini sudah lebih dua tahun, modal perniagaan yang

dikumpulkan oleh para pembeli mungkin sudah habis digunakan untuk membayar balik pinjaman sebelum mereka sempat mula beroperasi.

Tuan Pengerusi, memang benar para pembeli yang menemui masalah dalam mendapatkan CFO untuk premis baru yang dibeli boleh mengheret pemaju yang tidak bertanggungjawab ke mahkamah tetapi proses litigasi juga mungkin mengambil masa beberapa tahun. Di samping itu, mengambil tindakan undang-undang juga bermakna para pembeli terpaksa menanggung beban kewangan tambahan. Ini menyebabkan ramai daripada mereka keberatan untuk membawa kes-kes sedemikian ke mahkamah sebagai civil suit, dengan izin.

Tuan Pengerusi, undang-undang yang sedia ada hanya mewajibkan pemaju-pemaju mendapatkan CFO dalam satu tempoh yang ditetapkan untuk projek-projek perumahan. Ini adalah untuk melindungi kepentingan para pembeli rumah. Akan tetapi para pembeli premis perindustrian atau perniagaan seperti ruang niaga di kompleks perniagaan atau pejabat-pejabat, kedai-kedai tidak menerima perlindungan yang serupa. Adalah tidak benar sekiranya kita menganggap semua pembeli premis perindustrian atau perniagaan atau pejabat merupakan orang-orang berada yang mampu menjaga kepentingan masing-masing tanpa memerlukan pertolongan kerajaan. Walaupun mereka bercita-cita untuk menjadi usahawan, kebanyakan daripada mereka cuma mempunyai kekuatan kewangan yang terhad pada peringkat permulaan. Kerajaan harus membantu memastikan agar modal yang dikumpulkan oleh mereka untuk memulakan industri kecil dan sederhana atau perniagaan secara kecil-kecilan dapat digunakan sebagaimana yang dirancangkan. Rintangan yang boleh menggagalkan usaha mereka pada peringkat permulaan harus dikurangkan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, oleh itu saya mencadangkan supaya pihak kerajaan terutama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat meneliti dan menggubal undang-undang yang sedia ada supaya para pemaju semua jenis projek pembangunan diwajibkan untuk mendapatkan CFO untuk bangunan-bangunan baru yang dibina dalam satu jangka masa tertentu. Jika pemaju-pemaju ini gagal berbuat

demikian, undang-undang harus memberi kuasa kepada satu agensi kerajaan tertentu untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab ini.

Sekiranya pihak kerajaan benar-benar komited untuk membantu pertumbuhan kegiatan industri kecil dan peniaga-peniaga di kompleks perniagaan ini merupakan salah satu daripada masalah yang perlu diselesaikan dengan secepat mungkin. Tuan Pengerusi, saya ingin alih kepada Butiran kecil 010500 tentang Pengawasan dan Penguatkuasaan serta 010600 - Perundangan dan 040100 tentang Kerajaan Tempatan. Tuan Pengerusi, satu lagi masalah yang selalu dihadapi oleh para peniaga atau usahawan yang beroperasi secara kecil-kecilan adalah ketidaksamaan di antara peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan.

Sebagai contoh, Majlis Bandaraya Johor Bahru tidak mengenakan sewa petak terhadap penjaja-penjaja pasar malam, tetapi Majlis Daerah Johor Bahru Tengah menghendaki penjaja-penjaja pasar malam membayar sewa untuk petak yang digunakan selain daripada membayar lesen penjaja untuk perniagaan masing-masing. Perbezaan ini boleh mengelirukan penjaja pasar malam yang menjaja dalam 2 kawasan yang ditadbir oleh dua pihak berkuasa tempatan yang berlainan. Kadangkala para penjaja ini mungkin menerima saman, kononnya melakukan satu kesalahan di satu tempat tetapi perbuatan yang sama dibenarkan di tempat yang ditadbir oleh satu pihak berkuasa tempatan yang lain. Saya percaya terdapat banyak lagi peraturan-peraturan yang berbeza dari satu pihak berkuasa tempatan ke satu pihak berkuasa tempatan.

Tuan Pengerusi, kebanyakan jika tidak semua kegiatan perniagaan atau penjajaan mesti mendapat lesen tertentu daripada pihak berkuasa tempatan. Untuk satu perniagaan, selalunya lebih daripada satu lesen diperlukan dan lebih daripada satu jenis bayaran yang dikenakan. Mereka yang mempunyai rancangan untuk memulakan perniagaan masing-masing mungkin akan mendapatkan nasihat daripada Ahli-ahli Parlimen tentang lesen-lesen yang diperlukan serta caj-caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan. Masalahnya sekarang ialah dalam satu

kawasan Parlimen terdapat beberapa pihak berkuasa tempatan. Perbezaan dasar dan peraturan di antara pihak-pihak berkuasa tempatan kadangkala boleh mengelirukan Ahli-ahli Parlimen sendiri sehingga nasihat yang diberikan mungkin mengandungi maklumat yang kurang tepat. Saya percaya ini bukanlah sesuatu yang kita ingin lihat.

Tuan Pengerusi, justeru itu saya berpendapat sudah tibalah masanya bagi pihak kerajaan untuk mempertimbangkan untuk menyeragamkan dasar-dasar serta undang-undang kecil yang digubal oleh pihak-pihak berkuasa tempatan. Di samping itu, jenis lesen yang diperlukan serta jenis caj yang dikenakan untuk satu perniagaan atau perusahaan harus dikurangkan. Jika boleh hanya satu lesen dan satu caj dikenakan untuk satu perniagaan atau perusahaan. Dalam usaha kita mewujudkan satu sistem pentadbiran kerajaan yang kurang menggunakan kertas atau borang, penyeragaman undang-undang kecil serta peraturan-peraturan di peringkat pihak berkuasa tempatan adalah perlu. Pengurangan jenis lesen juga perlu kerana permohonan pelbagai lesen bererti pelbagai borang perlu digunakan. Saya berharap perkara ini akan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan Pusat.

Tuan Pengerusi, di sini saya pun ingin buat cadangan supaya dalam kerja penguatkuasaan undang-undang, saya syorkan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu ambil pendirian tegas dan memberikan arahan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan supaya berhenti mengeluarkan lesen-lesen kepada premis-premis perniagaan yang tidak memudaratkan kepada kesihatan dan tidak bahaya kepada nyawa atau yang tidak boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam sejajar dengan kehendak pindaan Seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan pada 12 Mei 1983 di Dewan yang mulia ini kerana saya dapati bahawa daripada jawapan yang diberikan oleh kementerian, masih ada lebih 70 pihak berkuasa tempatan tidak menerima pakai pindaan undang-undang ini dan telah mendatangkan penguatkuasaan undang-undang dengan tidak sempurna telah memungut lesen-lesen daripada premis-premis yang tidak perlu dilesenkan.

Saya pernah dapat jawapan pada 21 Ogos 1995 bahawa daripada jawapan yang diberikan sekiranya ada pihak berkuasa tempatan yang mengenakan sebarang lesen premis bagi aktiviti-aktiviti perdagangan dan perniagaan selain daripada yang memudaratkan dan yang boleh menyebabkan kacau ganggu selepas pindaan Seksyen 102(s), Akta 171 seperti tersebut maka tindakan tersebut adalah salah dari segi undang-undang, dan saya pun dapat jawapan daripada pihak kementerian bahawa pihak berkuasa negeri terutama pihak berkuasa tempatan yang berkenaan supaya berhenti berbuat demikian, jika tidak mereka perlu memulangkan bayaran lesen yang telah dipungut.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Pada masa sekarang kita sudah...

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Lepas itu saya akan minta ....

**Tuan Chang See Ten:** Ini sudah lebih....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, nanti kejap ya.

**Tuan Chang See Ten:** Sejak daripada...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sekejap ya. Lepas itu saya minta Menteri menjawab kerana sudah ramai berucap dan pada hari ini kita dijadualkan hendak menghabiskan sekurang-kurangnya dua setengah. Sekarang ini tidak sampai lagi satu setengah ya. Sila, sila teruskan. Lepas itu Menteri menjawab.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Oleh demikian, saya harap, oleh kerana perkara ini sudah lama, pindaan sudah diadakan pada tahun 1983 dan arahan telah diberikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Malangnya, pihak kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan yang saya sebutkan tadi lebih kurang 70 pihak berkuasa tempatan enggan meminda undang-undang kecil dan telah melaksanakan penguatkuasaan undang-undang tidak sempurna dan ikut jawapan mereka perlu pulangkan segala bayaran lesen yang telah dipungut dengan tidak sah itu sebab oleh yang demikian untuk melicinkan kerja penguatkuasaan. Saya harap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan perlu ambil tindakan secepat mungkin supaya perkara ini yang sudah lebih 15 tahun boleh diselesaikan dengan secara yang baik supaya kita menghormati kedaulatan undang-undang negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Ong Ka Ting]:**  
Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telahpun memberi pandangan, ada yang tegur, ada yang puji, ada yang bagi cadangan. Pada keseluruhannya saya anggap semua Ahli Yang Berhormat cukup prihatin tentang kementerian saya dan semua hendak menyumbang sama ada secara pandangan ataupun menarik perhatian agar kita dapat berfungsi dengan baik.

Yang Berhormat bagi Serdang telah, apabila saya sudah dapat jawab perkara yang sama seseorang ahli dan kemudiannya ada orang yang sentuh perkara sama mungkin saya tidak akan sebut nama mereka lagi untuk menjimatkan masa.

Yang Berhormat bagi Serdang telah menyoal tentang keberkesanan pihak berkuasa tempatan yang tidak memuaskan dan ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat lain dari segi kebersihan, dari segi dia punya pentadbiran, menguruskan fungsi-fungsi yang lain, memang saya mengakui terdapat kelemahan, terdapat juga perkara-perkara yang masih belum sampai ke tahap yang memuaskan dan kementerian saya sentiasa sedang bukan saja memantau juga sentiasa membincang supaya dapat kita adakan satu sistem yang lebih berkesan, kita hendak mempiawaikan satu standard yang lebih seragam terutamanya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Mudah-mudahan kementerian saya dapat mengenakan satu sistem di mana semua pihak berkuasa tempatan boleh menggunakan IT iaitu Teknologi Maklumat dengan seberapa berkesan yang boleh dan kita akan cari jalan bagaimana sistem pentadbiran itu dan dia punya fungsi semuanya dapat ditingkatkan.

Akta Kerajaan Tempatan memang sedang dalam proses untuk kita kaji, hendak pinda tetapi kita tidak mahu pinda secara *'piece meal'*, kita kena kaji semua aspek supaya kita boleh buat penyusunan semula dan ada satu master plan ataupun plan induk pada keseluruhannya bagi seluruh negara. Begitu juga kita tahu terdapat

kekurangan kakitangan terutamanya kakitangan teknikal ataupun kakitangan penguatkuasaan di peringkat PBT kerajaan juga telahpun memberikan banyak perhatian untuk mengatasi kekurangan ini.

Dari segi projek peruntukan, memang ada pemantauan. Semua projek kecil yang diluluskan oleh kementerian saya melalui kerajaan negeri di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan memang kita sentiasa menerima laporan dari segi pemantauan dan kalau apa-apa prestasi yang ditunjukkan wang itu tidak digunakan dengan baik, kementerian saya tetap akan menyiasat dan juga menjalankan langkah pemantauan yang sesuai. Kalau sekiranya ada mana-mana sebuah pihak berkuasa tempatan, prestasi mereka tidak memuaskan, katakan mereka dapat peruntukan projek kecil tapi dia tidak dapat melaksanakan dengan baik, maka kita anggap prestasi mereka itu kurang baik, itu akan mengakibatkan permohonan mereka pada masa-masa akan datang itu mungkin kita kena teliti dengan lebih berhati-hati.

Jadi, itu adalah salah satu cara di mana semua pihak berkuasa tempatan mereka kena hati-hati dan mereka tak boleh gunakan peruntukan kementerian ini dengan sama ada tidak memenuhi dia punya objektif ataupun membazir dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya saya dengar beberapa pandangan tentang Kemajuan Perkampungan. Sebenarnya kementerian saya memang hendak meminta lebih banyak peruntukan untuk Kemajuan Perkampungan dan saya sendiri pernah menyatakan secara terbuka di mana kita hendak tengok semua kampung baru dan juga kampung-kampung tradisi semuanya diambil berat dan kita hendak adakan pembangunan yang ada perancangan jangka panjang dan bukan hanya nampak jalan rosak, longkang rosak, kita baik pulih sahaja. Setakat itu memang tidak cukup. Hasrat kementerian saya ialah memang kita hendak meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di kampung-kampung dan ini akan jadi satu agenda yang penting di bawah kementerian saya.

Pegawai perkampungan pada masa kini ada terdapat 70 orang dan mereka telah menguruskan hal-hal pembangunan bagi 452 kampung baru, buat masa kini masih mereka dapat memikul beban kerja. Walau bagaimanapun, kementerian saya

juga sedang memberi perhatian bagaimana kita boleh memastikan mereka itu dapat berfungsi dengan baik dengan motivasi yang tinggi dari segi dia punya keberkesanan dan dia punya potensi.

Tuan Pengerusi, saya sudah kata kualiti hidup, kemudahan asas, isu sosial semuanya akan dititikberatkan. Kita tidak akan mengabaikan mana-mana satu kampung baru yang terus mundur. Itu memang jadi satu tumpuan kementerian saya.

Bagi hal yang disentuh tentang premium tanah yang tinggi sangat, Yang Berhormat bagi Serdang dan Kepong telah sentuh, walaupun ini di bawah bidang kuasa pihak agensi yang lain, saya tetap akan ambil perhatian.

Mengenai perumahan, Yang Berhormat bagi Serdang telah tanya sama ada syarikat perumahan negara ada bercanggah atau tidak dengan peruntukan yang kementerian saya usahakan. Sebenarnya projek perumahan kos rendah kita memang perlukan banyak usaha dari semua agensi, bukan sahaja syarikat perumahan negara padahal banyak lagi agensi yang lain terlibat dan peruntukan yang ada yang kita pohon di bawah Belanjawan ini boleh dikatakan kebanyakannya digunakan untuk membina perumahan awam kos rendah terutamanya kerajaan-kerajaan negeri mereka pohon supaya pinjaman dan kerajaan pusat akan menyalurkan pinjaman itu kepada mereka untuk membina terutamanya sebanyak lebih kurang 29,000 unit perumahan awam kos rendah ini adalah diperuntukkan di bawah Belanjawan ini.

Di samping itu, kementerian saya juga dengan usaha bersama-sama dengan agensi lain sedang memulakan tender-tender, projek-projek untuk membina sebanyak 35,000 projek perumahan rakyat untuk Kuala Lumpur untuk menjaga supaya semua penduduk di kawasan setinggan itu akan dapat menyewa rumah seperti mana telah berulang kali saya menjawab di Dewan yang mulia ini.

Beberapa Ahli Yang Berhormat lain telah menyentuh tentang perumahan juga dan saya ingin memberi jaminan bahawa rumah kos rendah yang kerajaan sedang usaha ini tetap adalah jenis tiga bilik dan juga mempunyai dua tandas yang berasingan. Pada masa kini kementerian saya telah tubuh satu Jawatankuasa

Kerosakan Sifar dalam dua tahun kebelakangan ini, sudah banyak berusaha dan kita telah pergi kepada semua kerajaan negeri dan memberi taklimat kepada semua pihak berkuasa tempatan untuk mengenakan piawai rumah kos rendah iaitu tiga bilik tidur dan dua bilik air berasingan di mana kita juga sudah dapatkan kerjasama semua kerajaan negeri.

Pada masa yang sama PBT telahpun diminta supaya mulai sekarang, bukan saja sekarang, mulai satu dua tahun lalu ini, semua projek perumahan kos rendah yang dipohon kebenaran sebelum kebenaran diberi, mereka kena pastikan dia punya pelan-pelan itu adalah memenuhi syarat tiga bilik tidur dan dua bilik air.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, beliau banyak menembaklah. Saya tidak rasa marah atau apa kerana beliau tak berapa faham apa yang dimaksudkan di sini jumlah kos projek yang nampak besar dia punya anggaran. Yang sebenarnya itu bukan wang yang diluluskan oleh kerajaan. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berulang kali kata ada duit tapi tak tahu belanja, jadi potonglah gaji. Itu tak baik, ini tak baik.

Sebenarnya kos anggaran harga projek itu adalah wang yang kementerian saya hendak minta supaya diluluskan daripada kerajaan tetapi apa yang diluluskan adalah anggaran bagi tahun 1996 hingga 2000 di bawah satu rancangan Malaysia iaitu wang yang diluluskan kepada kementerian saya. Kementerian saya memang minta banyak. Kita mahu jaga semua orang. Kita hendak bagi banyak balai bomba, kita hendak semua jalan rosak itu siap, kita hendak semua longkang itu dapat dibina dan banyak lagi kita hendak buat, banyak pasar-pasar awam tetapi kita tahu minta memang senang. Rakyat minta kita pun minta. Jadi, kerajaan kena ada sumber kewangan. Sumber kewangan itu datang dari mana, datang dari cukai. Jadi, kerajaan tidak boleh cukai tinggi-tinggi. Sebab itulah kerajaan kena agih belanjawan itu dengan berhati-hati. Itu sebabnya setiap belanjawan kena datang ke Dewan ini.

Apa yang dapat saya terangkan di sini sebenarnya prestasi kementerian saya pada tiga tahun yang lalu ini adalah sangat baik kerana tiap-tiap tahun prestasi membelanjakan wang yang diperuntukkan adalah lebih daripada 90%, bukan kira

dari situ. Kalau kira berapa kita minta, berapa kita dapat laksana memanglah kurang sebab kita dapat kelulusan tidak banyak. Saya harap Yang Berhormat faham, lepas itu janganlah ingat hendak potong gaji saya lagi.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Ong Ka Ting:** Tetapi janganlah sebab nanti orang lain semua hendak masuk campur. Tuan Pengerusi sudah .....tidak apalah.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan. Adalah penting untuk menjelaskan satu point.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan.

**Puan Chong Eng:** Satu point.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Saya hanya ada satu point.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Hanya satu point, penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, dia tidak beri jalan.

Ya, itu peraturannya Yang Berhormat, ya. Ya, sila patuhi kepada peraturan.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** .....anggaran untuk.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, jikalau hendak tanya lain-lain hal, tanya benda lain-lain pun, tanya lain kali ya, ataupun di luar ya. Sekarang ini dia tidak beri jalan.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yalah.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ong Ka Ting:** Lain kalilah.

**Tuan Pengerusi:** Sudah, cukuplah.

**Dato' Ong Ka Ting:** Saya selalu layan tetapi hari saya faham, Tun.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tun memang kena uruskan masa dengan baik. Prestasi di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 1999 - 94%. Pada tahun ini kita jangka akan mencapai 93% prestasi dan pada keseluruhannya di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, prestasi melaksanakan semua projek yang diluluskan kepada kementerian saya dijangka akan mencapai 97%. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, dia kata 10%, 15%, itu tembak sahajalah. Tetapi tembak, salahlah sasaran.

Sekarang saya terangkan balik. Cara saya ialah terang apa yang tidak betul. Saya tidak mahu gaduh dengannya. Kita tahulah, gaduh nanti tidak habis-habislah.

Tun Yang ..... *[Disampuk]*

**Tuan Fong Kui Lun:** Penjelasan.

**Dato' Ong Ka Ting:** Cukup, cukuplah.

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Ong Ka Ting:** Saya tidak bagi sesiapa pun sebab ramai akan tanya. Kalau saya bagi jalan sampai pukul 5.30 petang pun tidak habis.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam - itu secara keseluruhan beliau ambil sesuatu tertentu dan saya sudah jawab. Sebenarnya dakwaan itu tidak tepat.

Kementerian saya tidak lalai walaupun ada rumah terbengkalai. Itu bukan disebabkan kementerian saya yang lalai. Kita tahu baru-baru yang dua, tiga tahun ini ada krisis ekonomi, bila krisis ekonomi bukan sahaja pemaju perumahan, banyak lagi peniaga-peniaga lain. Saya rasa ada juga Ahli-ahli Parlimen pun kena teruk, bukan setakat industri perumahan sahaja. Jadi, bila projek terbengkalai, bukan kementerian saya yang salah, sebenarnya kementerian saya jugalah orang-orang yang diharapkan untuk membantu. Kita tetap juga membantu tetapi kadangkala tidak dapatlah 100% kita selesaikan semua masalah.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong sudah menyentuh mengenai perumahan kos rendah dan sudah saya jawab.

Mengenai IWK, suka saya beri makluman pada Dewan yang mulia, IWK tidak akan ditutup. Buat masa kini kerajaan masih di peringkat perbincangan dan telah pun hampir selesai untuk pengambilalihan ekuiti. Perkhidmatan pembedungan yang disediakan oleh IWK kepada para pelanggan akan berterusan. IWK masih bertanggungjawab sepertimana dalam perjanjian konsesinya untuk menyediakan dan untuk memberi perkhidmatan pembedungan kepada semua pelanggan-pelanggannya dan semua loji-loji pembedungan akan terus diambil alih daripada pemaju seperti biasa. Rakyat tidak perlu risau mengenai hal ini dan sebenarnya kerajaan masuk untuk ambil alih adalah untuk melindungi kepentingan rakyat terutamanya menjamin perkhidmatan ini tidak terjejas.

Mengenai IWK telah beberapa kali bertukar tangan, betul. Ia memang berlaku dan kerajaan pun tidak mahu tengok perkara ini berulang lagi. Walau bagaimanapun, kerajaan telah menetapkan sebelum IWK hendak cadang buat apa-apa pertukaran dan apa-apa perubahan ekuiti perlulah dibawa kepada Jemaah Menteri untuk dibincang dengan baik dan Jemaah Menteri tidak akan mengabaikan kepentingan rakyat dalam soal ini.

Mengenai perkhidmatan pembedungan yang disediakan IWK, yang dikatakan IWK tidak mengikut spesifikasi, saya ingin jelaskan merujuk kepada laporan perkhidmatan pembedungan yang dimantau oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan terutamanya pada tahun 1998 menunjukkan hampir 90% daripada masalah pembedungan berdasarkan aduan pengguna dapat diselesaikan kerana .....[Disampuk]

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya ada point of order.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** 36(4). Semalam sewaktu wakil bagi Kuala Kedah, saya mintalah 36(4) menarik balik perkataan yang digunakan biadap, 'bodoh' kerana pada ketika itu Tun sendiri mempersidangkan Majlis Mesyuarat. Jadi, saya mintalah kerana dia berada di dalam Dewan pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sudah ada. Dalam Penyata Rasmi pun ada.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta tarik baliklah. Ini sudah dua kali ni. Perkataan 'bodoh' yang telah disebutkan, minta tarik baliklah untuk sebagai menghormati Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi:** Kuala Kedah apa yang hendak kata mengenai dengan perkara ini. Ada point of orderkah?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Menteri itu pun tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Apa.....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Menteri yang saya tuduh tidak cerdik tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** ....jikalau hendak tarik balik boleh, ya.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Dia kena tarik masa itu. Ini sudah kelmarin.

**Tuan Pengerusi:** Yalah. Kalau dia tidak mahu tarik, masih hendak buat ikut peraturan, dia akan bawa satu usul (motion), Yang Berhormat yang dibawa oleh yang berkenaan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Minta menteri itu datanglah, saya tariklah.

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Minta menteri itu datang dulu. Depan dia  
.....[Disampuk]

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh buat syarat kepada saya, Yang Berhormat, ya.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jawapannya memang tidak cerdik.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah, itu tidak apalah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya tarik balik perkataan 'bodoh' tetapi tidak cerdik dan kurang waras. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kurang waras itu tidak kena, Yang Berhormat.  
[Ketawa]

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tidak cerdik, kurang siuman.

**Tuan Pengerusi:** Lagi dahsyat, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tidak kena lagi. *[Ketawa]* Tidak cerdik.

**Tuan Pengerusi:** Cukup, cukuplah. Yang Berhormat, sudah tarik balik, sudahlah!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, terima kasih.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin menerangkan iaitu kerajaan melantik juru perunding untuk kaji semula *viability* perkhidmatan pembedungan seluruh negara dan tanggungjawab ini adalah di bawah EPU. Kita memang kena tunggu sampai kajian *viability* ini dikemukakan kepada kerajaan barulah dapat kita menyatakan apakah langkah-langkah selanjutnya segala kritikan, segala pandangan itu memang kita ambil berat dan saya sendiri pun sangat ambil berat tentang perkara ini. Saya tahu kalau IWK - ini service ataupun perkhidmatan pembedungan ini tidak selesai dengan baik pada masa akan datang, saya merupakan menteri yang bertanggungjawab tentang perkhidmatan pembedungan tentulah akan menghadapi banyak tekanan dan banyak masalah. Jadi, sayalah sama-sama prihatin dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah beri banyak pandangan terhadap perkhidmatan pembedungan ini.

Mengenai beberapa projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri, kementerian saya masih menunggu data-data ataupun maklum balas daripada semua kerajaan negeri.

Yang Berhormat Jerlun telah bagi pandangan juga tentang perumahan dan saya sudah jawab secara ringkasnya.

Mengenai bomba sukarela, memang kerajaan galakkan lebih ramai orang awam menyertai bomba sukarela dan bomba sukarela seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat yang lain, kerajaan buat masa kini hanya dapat membekalkan pam angkat dan juga kelengkapan yang lain dan juga bagi latihan sahaja. Dan kita akan tengok kalau pada masa akan datang kita punya kemampuan kewangan lebih kukuh, mungkin kita boleh timbang sumbangan material yang lebih.

Yang Berhormat bagi Tambun sudah juga sentuh beberapa perkara. Kementerian saya memang pada masa sekarang ini sangat aktif meminda Akta Pemaju Perumahan seperti mana beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain sudah bangkitkan beberapa pandangan. Sebenarnya semua pandangan itu sedang diambil kira. Kita pinda, kita kena tengok akta itu tiap-tiap satu fasa. Kita tidak pinda akta itu hanya secara kosmetik tetapi kita memang hendak, dengan izin, prevent the whole act. Itu sebabnya kementerian saya boleh dikatakan paling sibuk sekali dalam satu atau dua bulan ini. Kumpulan yang mewakili semua pihak termasuk konsumer, NGO dan juga peguam-peguam yang berpengalaman sudah datang ke kementerian saya boleh dikatakan pada masa kerja hampir pada satu ketika dua tiga minggu tiap-tiap hari pukul 5.00 kita bincang sampai malam pukul 11.00.

Jadi saya rasa kalau hendak tengok saya punya masa kerja boleh tunjuk dengan saya punya punch card pukul 7.00 lebih sampai malam pukul 10.00 saya masih ada di pejabat. Jadi tidak payahlah risau. Itu akta perumahan memang satu perkara kita akan cuba seimbangkan supaya tidak memihak mana-mana.

Tuan Pengerusi, dari segi R&D iaitu penyelidikan, kajian dan sebagainya, memang kementerian saya sedang dalam proses mengadakan satu Malaysian Housing Urban Research Institute ataupun MAHSURI. Ini juga kita akan ambil kira semua data daripada kerajaan negeri dan kita hendak memantau dan mengawal selia hendak menyelaraskan semua perumahan, semua butiran, seluruh negara tidak kira apa kategori. Semuanya sekali gus kita mahu satu sistem yang benar-benar membolehkan kerajaan merancang supaya mismatched itu tidak akan jadi masalah lagi dan juga pada masa akan datang pasaran perumahan pun akan mempunyai maklumat yang lebih tepat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kepong sudah sebut satu dua contoh spesifik, itu saya telah ambil perhatian. Memang kementerian saya tidak dapat mengatasi semua masalah yang berlaku on the ground, dengan izin, kadangkala antara kontraktor dengan pemajukah, antara mereka yang pinjaman wang tidak dapat bayar dan sebagainya. Tetapi macam manapun, secara pokoknya kita hendak pastikan semua perundangan itu up to date. Semua perundangan itu kalau ada

kelonggaran kita hendak ketatkan. Apa yang tidak seimbang kita seimbangkan. Itulah dari segi strategi kementerian saya.

Mengenai pili-pili bomba memang satu perkara yang saya sendiri ambil berat sebab saya sudah terima banyak aduan, saya rasa ramai ahli-ahli Parlimen di sini sudah bagi tahu saya. Pili-pili bomba di kawasan mereka tidak dijaga dengan baik. Oleh itu saya rasa tibalah masa saya sendiri pergi tengok beberapa tempat ini. Mudah-mudahan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 kita boleh dapat peruntukan yang lebih untuk dari segi penyelenggaraan..

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi. Saya hendak puji inilah jawapan yang waras. Jangan jawab macam kelmarin. Macam ini tidak mengapalah. Bagus.

**Dato' Ong Ka Ting:** Terima kasihlah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu bukan penjelasan. Ya, sila-sila teruskan. [*Ketawa*]

**Dato' Ong Ka Ting:** Mengenai bangunan tinggi, pencegahan kebakaran di bangunan tinggi memang Jabatan Bomba dan Penyelamat sudah ada dia punya langkah-langkah dan saya yakin Jabatan Bomba dan Penyelamat mereka berkebolehan untuk menangani kebakaran di bangunan-bangunan tinggi. Sebenarnya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan salah satu pasukan beruniform sebagai Bomba dan Penyelamat yang sangat berkesan, yang sangat bagus. Mereka telah pun dedah diri di banyak bidang termasuk sampai apabila negara jiran ada masalah haze dan sebagainya kita pun pergi sehingga mereka dedah kepada begitu banyak risiko dan saya yakin dengan sikap yang mereka sentiasa hendak memperbaiki diri sendiri itu kita boleh dapat perkhidmatan yang lagi baik pada masa akan datang.

Yang Berhormat bagi Klang sudah sebut juga beberapa masalah di bawah PBT. Memang semua PBT kita galakkan ada penguatkuasaan yang baik, kalau yang masih lemah kita memantau dan harap semua PBT yang dimaksudkan masih tidak menjalankan tugas dengan baik, kementerian saya akan dengan sokongan

kerajaan negeri masing-masing mengadakan satu langkah untuk memperbaiki penguatkuasaan ini.

Dari segi mesin-mesin video berleluasa, ini memang satu masalah. Pada masa saya di Kementerian Dalam Negeri dulu pun sudah banyak jadi isu. Sekarang memang semua, bukan semua, ada pihak berkuasa negeri pun ada yang sudah pinda, ada yang dalam proses meminda Akta Hiburan untuk meninggikan dia punya hukuman sama ada denda atau penjara dan kementerian saya rasa kita kena kerjasama rapat dengan pasukan Polis Diraja Malaysia dan juga PBT. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak dapat dihapuskan over night, dengan izin, dia ambil masa sedikit dan tetap masih kita ambil perhatian yang serius.

Mengenai Batu Caves saya rasa ini satu perkara menunjukkan Yang Berhormat bagi Klang sangat prihatin dan dia pun bimbang nampak begitu ramai terutamanya kawan-kawan daripada kaum keturunan India sudah setiap tahun pergi ke tempat itu. Ini satu sikap yang baik. Saya rasa perkara ini saya mungkin akan bincang dengan terutamanya Yang Berhormat Menteri yang menjaga Kerja Raya sebab beliau yang lebih tahu dan saya rasa Jabatan Kerja Raya pun boleh memainkan peranan dalam memperkukuhkan dia punya struktur dan mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengelakkan sesuatu daripada berlaku. Kalau melibatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat sudah lewat, apabila bomba penyelamat kena pergi maknanya sudah jadi sesuatu perkara yang tidak baik. Saya rasa pencegahan (preventive) itu lebih elok kita bincang dengan pihak JKR untuk pergi siasat tengok tempat itu kukuh atau tidak.

Yang Berhormat bagi Tebrau saya ucapkan terima kasih, memang sikap kementerian saya ialah di bawah semua perancang struktur dan rancangan tempatan dan juga semua pihak perancang tempatan sebenarnya diwajibkan semasa meluluskan sebarang plan untuk sebelum sesuatu projek itu dimulakan mereka kena pastikan kemudahan-kemudahan asas itu kena ada sebagai sebahagian daripada projek pemajuan itu. Kalau sekiranya ada mana-mana pemaju telah pun mengabaikan, mereka boleh dihukum.

Dalam pada itu Yang Berhormat juga, saya akan ambil perhatian tentang perkara-perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Tebrau. Bagi balai bomba pada masa kini di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sudah ada sebuah balai bomba, akan mula dibina sekarang di bersebelahan iaitu di kawasan Johor Jaya. Mungkin buat sementara Johor Jaya itu boleh bantu tempat yang berdekatan. Tetapi mungkin kita boleh buat sesuatu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau. Terima kasihlah saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Tebrau kerana sudah prihatin. Selalunya orang bila sebut tentang Jabatan Bomba dan Penyelamat akan sebut dia punya kelemahan tetapi saya nampak ada juga pasti bangkit sebab gaji. Saya rasa memang anggota-anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat itu kita perlu menjaga kebajikan mereka dengan baik dan saya tetap ambil perhatian yang serius tentang apa yang kita boleh buat untuk mencadang kepada kerajaan untuk menimbang gaji dari segi gaji dan elaun mereka.

Mengenai pinjaman kerajaan atau bank apabila lewat bayar pada pemaju-pemaju akan menuntut faedah. Ini dari segi masalah kelewatan ini memang adalah satu perkara yang di luar daripada bidang saya tetapi mungkin kita boleh minta Kementerian Kewangan - Perbendaharaan untuk bantu kita mengawasi. Dan selalunya kementerian kita nasihatkan pembeli cuba merayu kepada pemaju supaya pemaju janganlah begitu ketat. Ini bukan sesuatu perkara yang disengajakan, memang di luar daripada kemampuan pembeli. Jadi saya pun menyeru kepada pemaju-pemaju supaya kenalah ada selalu kena peka sikit kepada kesusahan pembeli-pembeli, apa masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah sudah sebut jenis projek-projek kecil seperti saya sebut kemudahan asas, kemudahan awam, ini semua adalah untuk kebaikan rakyat di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Bersih dan Indah, ini memang kadangkala kita ada undang-undang menghukum sahaja, ia tidak cukup, kita kena ubah sikap, saya setuju sikap rakyat itu kena ubah, kita kena ada kempen dan kementerian saya pun sedang mengkaji macam mana ada kempen

kempen yang lebih berkesan walaupun pada masa-masa lalu telah pun ada kita jalankan dan pandangan, cadangan tetap diambil kira.

Kementerian saya sentiasa terbuka dari segi mendengar suara orang ramai. Sebenarnya sudah banyak kita dengar orang ramai punya pandangan, begitu banyak pandangan kadang-kadang pandangan itu begitu berbeza-beza, kalau mahu dengar banyak sangat pun tidak tahu hendak dengar siapa yang betul, pada akhirnya kita kena secara rasional, secara kepentingan orang awam dan kena seimbang dengan practicality seharian dan juga seimbang dengan kemampuan sumber-sumber yang sedia ada. Dengan itu kita buatlah keputusan-keputusan yang betul.

Kementerian saya memang sentiasa menitikberatkan alam sekitar. Itu sebabnya semua faktor yang kita timbang untuk pembangunan itu kita masukkan semua keseimbangan alam sekitar. Yang Berhormat juga sebut tentang masalah projek perumahan di Menglembu, ini satu perkara yang spesifik, saya kena kaji dan siasat apa sebenarnya berlaku tetapi saya yakin Kerajaan Negeri Perak pun boleh memainkan peranan untuk bantu mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang pandangannya saya pun telah ambil catat....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tidak payahlah, masa tidak adalah. Cek-cek lewat ini saya kena siasat apa sebenarnya berlaku dan sikap rakyat sudah saya jawab tadi.

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara, memang saya setuju undang-undang yang mewajibkan pihak berkuasa tempatan kena menghantar surat kepada penghuni-penghuni persekitaran apabila sesuatu tapak itu akan diluluskan satu projek yang mungkin untuk kepentingan orang ramai. Saya rasa cadangan Yang Berhormat untuk menampal notis itu di tapak situ juga, satu cadangan yang saya akan bawa untuk pihak berkuasa untuk timbang sejauh mana ianya boleh dilaksanakan.

Kawasan lapang ataupun kawasan simpanan yang telah pun penuh dengan tanaman, memang hasrat kementerian saya ialah hendak semua kerajaan negeri

mewartakan semua taman awam, semua kawasan lapang bukan sahaja kita mahu semua kerajaan negeri mewartakan semua kawasan lapang yang boleh ditanam dengan pokok dan bunga ini, Jabatan Lanskap di bawah kementerian saya juga sentiasa berusaha untuk melanskapkan semua kawasan lapang ini menjadikan kawasan lapang ini cantik dan hijau dan itu sejajar dengan wawasan negara kita menjelang 2005, kita mahu jadikan Malaysia sebuah negara taman di mana keseimbangan antara kawasan hijau dan kawasan yang dibangun akan dapat tercapai.

Prasarana dan kebersihan di kampung-kampung beberapa buah kampung baru yang disebut oleh Yang Berhormat bagi PJ Utara tetap saya akan ambil perhatian dan saya akan minta pihak berkuasa tempatan untuk memberi satu laporan supaya kita tengok apa boleh kita buat untuk membaikinya.

Yang Berhormat bagi Jelutong telah menekankan adakah kita tekankan undang-undang, sebenarnya apa yang saya terangkan tadi kita hendak pinda, kita hendak ubah suai semua perundangan yang penting, itu menunjukkan betapa seriusnya kementerian saya ingin memperketatkan untuk memastikan keberkesanan perundangan.

Mengenai IWK telah pun saya jawab. Mengenai bangunan warisan, kementerian saya sedang hendak mencadangkan suatu rang undang-undang baru pemuliharaan warisan tetapi ini kita kena selaras dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kerana mereka pun ada satu akta, dengan izin, Antiquity Act, dan kita kena selaras dahulu.

Dana ini daripada apa yang dapat saya terangkan sebenarnya segala usaha projek untuk memuliharakan bangunan warisan akibat daripada pemansuhan Akta Kawalan Sewa itu, Kerajaan Persekutuan pun beri pinjaman secara terus kepada kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan dan dana yang diperuntukkan di sini adalah merupakan pemuliharaan biasa, ia bukan khas untuk yang dikatakan mereka yang terlibat dalam pemansuhan Rent Control itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah sebut, saya sudah jawab, Kerajaan Negeri Kelantan mereka ada pandangan, ini saya akan ambil

perhatian dan rumah kos rendah tiga bilik itu sudah kita jawab. IWK pun saya sudah jawab. Akta Kerajaan Tempatan menghendakkan, saya ingin memaklumkan bahawa Putrajaya sendiri merupakan satu pihak berkuasa tempatan dan Putrajaya boleh dikatakan satu tempat yang dirancang dengan begitu profesional sekali.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan juga banyak pihak yang berkenaan telah terlibat untuk membantu menjadikan Putrajaya ini satu tempat pembangunan yang benar-benar seimbang, dia punya topografi, dia punya landscaping, dia punya pengaliran air, dia punya pemuliharaan alam sekitar semua seimbang. Jadi jangan bimbang memang dia ada ikut pelan struktur dan pelan tempatan, perancangan tempatan dan perancangan struktur, sama ada sudah disiar dalam akhbarkah belum, saya secara ikhlas saya memang tidak tahu ada siar atau tidak, saya akan semak tetapi setahu saya Putrajaya ini adalah satu contoh yang paling baik boleh kita guna untuk mana-mana satu tempat pembangunan kerana ianya bukan ikut kehendak sesiapa yang tidak ada pengalaman dalam perancangan bandar dan desa. Memang dibuat dengan begitu profesional sekali.

Yang Berhormat bagi Pendang, memang balai bomba itu sudah masuk dalam Rancangan Malaysia Kelapan, jadi mudah-mudahan kita boleh mula bina balai bomba Pendang itu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan bomba sukarela dan juga perkhidmatan bomba yang lain sudah saya sentuh tadi.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah bangkitkan beberapa perkara yang merupakan *localise* tetapi ia ada kaitan juga terutamanya beliau kata Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, dengan izin, Uniform Building By-law. Itu memang adalah satu agenda yang penting sekarang, kementerian saya sedang berbincang dengan semua kerajaan negeri supaya mereka bolehewartakan dengan secepat mungkin dan melaksanakan supaya seluruh negara dapat seragam, undang-undang kecil yang seragam dan dijalankan dengan berkesan.

Perkara-perkara yang disebut yang menyentuh pihak berkuasa tempatan itu saya telah ambil perhatian, mungkin saya akan menyampaikan pandangan ini kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, secara ringkasnya saya sudah sentuh kebanyakan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat saya jawab, saya berjanji tetap akan diberi perhatian. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM102,020,600 untuk Maksud B.14; RM16,559,000 untuk Maksud B.15 dan RM188,349,900 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM102,020,600 untuk Maksud B.14; RM16,559,000 untuk Maksud B.15 dan RM188,349,900 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM795,547,400 untuk Maksud P.14 dan RM129,213,010 untuk Maksud P.16 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM795,547,400 untuk Maksud P.14 dan RM129,213,010 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B.17 [Jadual]-  
Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Ya. 'Kota Kebim'...'bintangan'. [Ketawa]

**Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kinabatangan, Tuan Pengerusi. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Saya tersasul selalu.

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini sudah – sukalah saya membawa kepada Kementerian Belia dan Sukan ini, di mana

kementerian ini khusus untuk melihat dan juga bertanggungjawab terhadap belia-belia kita di negara kita. Jadi, saya ingin merujuk kepada perkara B.17 – Kementerian Belia dan Sukan, di mana kalau kita lihat masalah dan gejala belia di negara kita begitu berleluasa terutama sekali di negeri Sabah di mana gejala penagihan dadah jenis ‘Syabu’ ataupun diberi nama *ice, ice baby*, begitu berleluasa dan saya tidak nampak ada usaha-usaha ataupun pendekatan-pendekatan daripada Kementerian Belia dan Sukan ini ke arah untuk membantu pihak penguatkuasa bagi membanteras .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Kepala apa itu? Di bawah Kepala apa itu?

**Tuan Moktar bin Radin:** Ini B.17.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Tetapi tentang mana Butiran itu? Berkenaan dengan dadah ini setahu saya...

**Tuan Moktar bin Radin:** Dadah ini oleh kerana belia terlibat, jadi saya rangkum sekali.

**Tuan Pengerusi:** Ia di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ya, tetapi saya tidak nampak kementerian ada peranan dia. Jadi, kita minta dia main peranan dalam membantu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Mengikut Peraturan Mesyuarat 66(12), kena bercakap berkenaan dengan spesifik dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Tuan Moktar bin Radin:** Kita terima. Tuan Pengerusi, ini berhubung dengan perkembangan sukan negara, kerana rasa saya kementerian ini telah dikenal pasti bertanggungjawab dengan perkembangan-perkembangan sukan negara. Saya merujuk kepada kementerian ini dan saya berkeyakinan dengan gandingan pemimpin-pemimpin bekas belia daripada kementerian ini akan dapat melahirkan satu harapan dan asparasi yang baru ke arah menterjemahkan sukan negara ini ke arah suatu perkara yang boleh dibanggakan.

Kita sering mendengar luahan dan jua rentetan daripada pemimpin-pemimpin kita juga masyarakat-masyarakat, pencinta-pencinta sukan negara, di mana banyak berlaku kemelut demi kemelut dalam organisasi, persatuan-persatuan sukan negara kita. Dan saya tidak nampak ada pendirian yang tegas daripada kementerian ini untuk bukan sahaja memantau tetapi sekali gus berpendirian teguh untuk memastikan yang mana seharusnya perkembangan sukan negara sudah menjadi satu industri ataupun menjadi satu pendapatan bagi negara kita. Mungkin tidak mustahil atlet-atlet ataupun ahli-ahli sukan negara kita tidak boleh digelar sebagai ahli sukan kelas dunia, tidak mustahil. Tetapi apa yang kita lihat organisasi sukan di negara kita banyak bermain politik daripada mementingkan kepentingan sukan itu sendiri.

Justeru itu, kementerian ini, rasa saya perlu menggubal satu akta di mana tokoh-tokoh politik yang memegang jawatan tinggi dalam kabinet kerajaan iaitu ketua menteri, menteri besar, menteri pusat, timbalan menteri, tidak boleh lagi memegang jawatan presiden dan pengerusi-pengerusi sukan yang ada di negara kita kerana campur-aduk politik dalam organisasi sukan begitu berleluasa dan akibat daripada pergaduhan seperti yang selalu timbul masalah Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Kesatuan Olahraga Malaysia (KOAM) dan juga Persatuan Bola Sepak. Bola sepak negara kita pada hari ini bukan lagi maju, bahkan mundur, merusut. Kemudian, kita ada atlet dalam acara bowling, yang boleh mengharumkan nama negara tetapi ianya telah diambil kesempatan dalam ruang yang sempit.

Jadi, pada saya sudah tiba masanya, kementerian ini memikirkan sesuatu untuk meningkatkan tahap sukan negara kita ke arah satu kecemerlangan, kerana ini akan merugikan negara kita dan bukan sahaja merugikan anak bangsa kita. Saya percaya ramai bintang-bintang yang boleh kita ketengahkan untuk memastikan jaguh-jaguh negara ini sebaris dengan jaguh-jaguh dunia yang lain. Tetapi, satu syarat, kementerian ini harus prihatin, kementerian ini harus menyedari bahawa merekalah yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan kewujudan dan kehadiran ahli-ahli sukan negara ini dapat kita ketengahkan. Kerana kalau tidak,

kalau sambil lewa, kalau sambil 'melepas batuk di tangga' sahaja, melihat kemelut demi kemelut dalam organisasi sukan kita berlarutan sehingga mahu campur tangan tetapi tarik balik, kita mahu kementerian ini tegas, kalau sesuatu perkara, kalau ahli sukan sudah meminta sesuatu untuk kepentingan negara kita, kenapa harus biarkan berlarutan masalah ini berlaku? Kenapa tidak ada ketegasan? Apa ruginya daripada kita memelihara satu organisasi sukan kerana kepimpinan dalaman dan kita telah menafikan keuntungan dunia kita, negara kita, rasa saya kementerian ini harus perlu mengkaji dasar-dasar yang sedia ada pada mereka.

Tuan Pengerusi, pada sayalah, industri sukan negara kita harus menjadi agenda utama dalam kementerian ini untuk memastikan bahawa perjalanan sukan negara kita dapat selari dan sebaris dengan jaguh-jaguh yang ada di merata dunia. Kerana tidak mustahil negara kita, *Malaysia Boleh*, tetapi kalau kita sendiri tidak membolehkan semua ini, maka rugilah harapan dan hasrat yang kita impikan. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

**4.25 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan dan juga halaman 145, 01800 – Penyediaan Sukan Komanwel dan seterusnya mengenai 02100 - Kompleks Sukan Negara, Ping-Pong dan sebagainya. Tuan Pengerusi, walaupun Kinabatangan tadi ada tersasul dan terpesong sedikit tetapi ada *point* juga, mengenai faktor politik di dalam pengurusan sukan negara kita. Lihatlah mengenai bola sepak kita, lihatlah mengenai persiapan untuk Olimpik kita dan paling teruk sekali pasukan sukan seperti bola sepak negara kita. Walaupun di peringkat negeri kita memang prestasi itu walaupun bukan begitu cemerlang tetapi boleh tahan juga kerana ada pemain-pemain di peringkat negeri ada bermain dengan bersungguh-sungguh tetapi apabila sampai peringkat antarabangsa, pemain-pemain itu tidak bermain dengan secara profesional dan kadangkala teruk dengan kekalahan, kecundang dengan teruk sekali sehingga kalau bermain dengan Laos pun kita tidak boleh menang lagi. Ini memang teruk sekalilah keadaan sukan bola sepak di peringkat antarabangsa dan memang ada

wujudnya kelemahan-kelemahan sistem di antara sistem negeri dengan sistem peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sistem insentif, sistem organisasi yang tidak begitu menggalakkan prestasi di peringkat antarabangsa dan saya pun diberitahu bahawa pihak kementerian sudah pun adakan banyak seminar, simposium untuk membincangkan masalah kelemahan di dalam sukan bola sepak dan saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kita setakat mana kita dapat mempertingkatkan prestasi khususnya untuk sukan bola sepak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya di sini nampak ada di halaman 145, mengenai penyediaan Sukan Komanwel RM2 juta. Saya sedar bahawa kita mesti bayar balik lagilah, ada yang tidak sempat bayar oleh pihak kementerian belanja yang dikenakan ke atas Sukan Komanwel tetapi setakat ini bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah perbelanjaan Sukan Komanwel sebab lama sudah sukan itu selesai [*Ketawa*] dan tidak ada penyata kewangan yang diumumkan dan sekurang-kurangnya kita mestilah diberitahu sama ada kita untung ataupun tidak dan mengikut anggaran perbelanjaan ini di halaman 145 - Penyediaan Sukan Komanwel, anggaran yang asalnya RM990 juta dan semasa Komanwel kita pun membayar hampir RM689 juta. Kemudian, memang ada tunggakan yang tidak dapat dibayar tetapi saya berharap lain kali selepas projek seperti ini diselesaikan mungkin dalam tempoh enam bulan atau lebih sudah dapat mengemukakan satu penyata kewangan untuk diketahui umum.

Tuan Pengerusi, mengenai Kompleks Sukan kita, semasa Pertandingan Dunia Ping Pong stadium itu ada kebocoran, saya pun hairan juga. Ini stadium, indoor stadium yang paling canggihlah, paling cantik sekali di dalam dunia dan khususnya di Malaysia tetapi kebocoran berlaku. Kita mesti kajilah sebab apa kelemahan seumpama ini berlaku. Saya tidak pernah dengar lagi di dalam stadium-stadium seluruh dunia, stadium yang standard olimpiknya, yang dalam dua tiga tahun boleh bocor.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat ada di situ masa bocor?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat ada di situ?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak ada, saya ada diberitahu sahajalah melalui akhbar dan sebagainya. *[Ketawa]* Saya tidak ada di situ - mujurlah *[Ketawa]* mujurlah tidak ada di situ. Ya, takut basah kuyup tidak dapat menyaksikan pertandingan pula dan bolehkah Yang Berhormat terangkan pada peringkat awal Pertandingan Ping Pong Dunia ini ada ramai yang menarik diri, kalau tidak silap ada 17 pasukan ataupun lebih yang menarik diri.

Saya faham bahawa di dalam Pertandingan Ping Pong Dunia ini ada juga pasukan-pasukan yang menarik diri di peringkat awal, mungkin mereka menyedari bahawa standard itu tidak sampai peringkat dunia dan selepas itu mereka menarik diri. Tetapi kalau begitu ramai yang menarik diri kita mesti mengambil pusing faktor-faktor yang menyebabkan mereka menarik diri, tidak manislah datang ke Malaysia untuk makan angin sahaja dan sponsor iaitu penaja mesti bayar wang untuk mereka datang ke sini dan banyak belanja diadakan tetapi mereka menarik diri, seolah-olah datang ke sini untuk makan angin sahaja. Ini memang tidak manis dan ada organisasi termasuk sistem komputer semasa Pertandingan Ping Pong peringkat dunia ini, komputer tidak boleh fungsi dan banyak keputusan tidak dapat dipamerkan, diketahui oleh pemberita-pemberita asing, pemberita-pemberita yang melaporkan ke seluruh dunia tidak dapat keputusan-keputusan dengan cepat.

Kita mesti jaga maruah kita, adakah Malaysia tidak mampu mengadakan sistem komputer yang baik, yang berkesan, yang boleh berfungsi? Apa gunanya kita berbelanja berpuluh atau beratus juta ringgit kemudian komputer kita tidak boleh berfungsi beberapa hari. Ini memang satu detik hitam sedikitlah bagi Kementerian Belia dan Sukan yang tidak dapat mengawal perkara seumpama ini. Lain kali kita adakan sukan terutama temasya sukan antarabangsa, kita mesti jaga imej kita. Jangan kita menonjolkan imej yang begitu lemah.

Tuan Pengerusi, saya berharap semasa kita buat persiapan untuk Olimpik iaitu hoki, pasukan hoki itu sudah layak ke peringkat Olimpik. Ini memang satu gejala, satu tanda yang baik untuk negara ini tetapi ada pertikaian walaupun ada di sukan-sukan seperti ten-pin bowling kita, ten-pin bowling memang standard kita tinggi juga tetapi tiba-tiba ada kecoh. Ada hampir 20 orang yang boikot walaupun ada penyelesaian selepas itu tetapi pihak kementerian mesti mengambil perhatian mengapa sukan seperti ten-pin bowling yang standardnya tinggi di peringkat antarabangsa, mengapa tiba-tiba wujud masalah? Wujud masalah boikot memboikot pula, apakah masalah ini?

Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab semua kerana masa saya sudah pun lebih 10 minit. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bagan Datoh ya.  
**4.40 ptg.**

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]:** Tuan Pengerusi, alhamdulillah, saya terpanggil untuk terus bersama-sama untuk mengutarakan isu-isu dalam perkara 010000 dan 020000 serta secara spesifik dan secara khususnya perkara 020100, 020300, 030100 dan juga 030300.

Tuan Pengerusi, isu-isu belia ini adalah merupakan isu-isu penting tetapi sering terpinggir dan jarang disentuh. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada sahabat saya Menteri Belia dan Sukan dan inilah Menteri Belia dan Sukan yang sesuai dengan jawatan politiknya sebagai pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dan di Dewan yang mulia ini, saya ingin confirmkan beliau adalah sebenarnya ketua bukan pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO berdasarkan kepada pencalonan yang lebih dari mencukupi.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang juga layak kerana beliau adalah merupakan Ketua Pemuda MCA yang confirm.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ketua Pemuda UMNO lama letak jawatankah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa ini Yang Berhormat? Ha, tidak usah buat macam itu.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tidak apalah, kita beri chance kepada dia, dia orang baru tidak ikut peraturan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, belia dianggap sebagai pemimpin pelapis yang diibaratkan pohon rendang di tengah padang, batang untuk bersandar, dahan tempat bergantung, buahnya boleh dimakan dan daunnya tempat berlindung. Masyarakat belia merupakan pemangkin harapan bangsa, bakal pemimpin yang akan melalui proses sosialisasi yang kian mencabar di alaf baru. Senario semasa memperlihatkan kepelbagaian aktiviti belia yang kian meruncing, yang mungkin mengakibatkan lahirnya generasi belia penentang kepimpinan negara jika tidak diberikan perhatian serius.

Usaha positif perlu dilaksanakan di semua peringkat bagi menangani masalah tersebut demi membentuk identiti generasi muda dan anak bangsa ke arah mencapai inspirasi dan aspirasi Malaysia melalui pengamalan program berfaedah dan bermanfaat agar mereka lebih bertanggungjawab mewarisi sistem nilai budaya berkualiti serta mampu menjadi pengisi kepimpinan negara. Kementerian Belia dan Sukan bertanggungjawab untuk menstruktur semula program-program yang kelihatan begitu banyak tetapi tidak begitu fokus, tidak aktif dan kurang berfungsi.

Tuan Pengerusi, selain program-program yang telah tercatat di dalam butiran-butiran di dalam belanjawan, satu program baru yang harus dirintis ialah program Khidmat Sosial Negara yang telah pun dilancarkan pada bulan Mac 1998. Program ini perlu diberikan suntikan baru yakni dibuat post mortem agar ia benar-benar berfaedah dan mencapai matlamat kementerian khasnya dan kerajaan amnya.

Adalah wajar bagi Kementerian Belia dan Sukan terus mempelopori pelaksanaan program yang saya anggap 'hidup segan mati tidak mahu', dan kementerian seharusnya memberikan perhatian untuk mengorganisasikan semula program-program kebelaian ini agar ianya tidak diukur hanya dari segi kuantiti program tetapi dari segi kualitinya.

Program Rakan Muda contohnya, cuma hangat di peringkat awal, bertukar menteri, bertukarlah program itu. Sedangkan belia lepak masih berleluasa dan tidak dapat ditangani, aktiviti rekreasi tidak begitu menarik untuk memenangi hati mereka. Mengapakah perkara ini terjadi? Mungkin oleh kerana kurang berkesannya pelbagai program yang dilaksanakan maka kita lihat tidak ada pun lahir golongan aktivis belia yang berminat di dalam persoalan belia dan tidak ada pun golongan profesional yang mempunyai minat dalam bidang kebeliaan ini.

Justeru, kian terpinggirlah isu dan golongan belia yang begitu dahagakan pelbagai suntikan baru yang mampu menjurus ke arah membangunkan semula minda dan semangat jati diri belia.

Dahulu ada program Belia Pelopor Negara. Tetapi tidak sempat kita merasakan hasilnya, ia berkubur begitu sahaja, sedangkan jika ia diberi perhatian wajar, program ini diyakini boleh menjadi penggerak untuk menyebarkan mesej-mesej kerajaan kepada semua peringkat masyarakat terutamanya belia sendiri dan seterusnya dapat menjadi pelopor kepada lain-lain program kelolaan Kementerian Belia dan Sukan.

Perihal pembangunan belia begitu malap atau tidak keterlaluan jika dikatakan semakin tenat dan tidak terarah. Diharapkan Menteri dan Timbalan Menteri, kedua-duanya sahabat saya yang begitu proaktif dapat menyusun semula dari akar umbi semua program ini demi kepentingan belia untuk mereka terus membangun di alaf baru ini.

Tuan Pengerusi, dahulu kita banyak mendengar pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat nasional, negeri dan daerah dan banyak pertubuhan-pertubuhan belia yang digabungkan ini sama ada MBM dan MBD serta pertubuhan-pertubuhan yang berada di dalamnya seperti 4B, MAYC di peringkat daerah dan cawangan-cawangan, sudah menjadi asing dan jarang didengar, ianya tidak aktif, separuh mati ataupun sudah mati tetapi tidak berkubur.

Saya memohon berilah peruntukan yang banyak, yang cukup untuk pertubuhan-pertubuhan belia ini melaksanakan aktiviti kerana pembangunan belia amat penting sebagai generasi penerus mereka harus diberikan keutamaan.

Persoalannya, apakah wujud satu program induk untuk mengepalai pelbagai program belia yang wujud ini, yang telah saya sebutkan ini, sejauh manakah pencapaian Kementerian Belia dan Sukan dalam mengesan pergerakan belia sekarang ini. Apakah yang terjadi ke atas projek belia niaga dan belia tani?

Saya menyarankan peruntukan untuk pembangunan belia ditambah supaya selaras dengan hasrat melahirkan lebih ramai usahawan belia di masa yang akan datang. Saya yakin sahabat-sahabat saya Menteri dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang baru ini akan membuat satu kajian menyeluruh untuk memodenkan pengurusan pembangunan belia di seluruh negara. Pada tahun 2000 ini berapakah jumlah rakyat yang boleh diklasifikasikan di bawah golongan belia. Daripada jumlah tersebut, berapa ramai yang menyertai persatuan-persatuan belia dan program-program belia, apakah ada perincian mengikut kaum.

Program-program belia yang diperkenalkan melalui dasar-dasar yang digubal oleh Kementerian Belia dan Sukan ini mesti menunjukkan bahawa usaha yang dilakukan oleh kerajaan terus berfungsi dan cemerlang.

Tuan Pengerusi, satu cadangan saya, Kementerian Belia dan Sukan mesti narrow down, dengan izin, memfokuskan program-program yang terlalu banyak dan terlalu umum dengan pemfokusan ini hanya kepada program-program yang terkhusus dan benar-benar dapat memberi manfaat harus diberikan keutamaan. Kementerian juga harus berusaha melalui program-program yang sedia ada untuk menambah bilangan belia yang terbuka hati, sukarela, rela dan suka untuk berkecimpung dalam kegiatan belia. Mereka juga harus turut mengetengahkan nilai moral, agama dan pemahaman terhadap tuntutan agama agar negara mempunyai khazanah belia yang bernilai.

Mereka juga harus berusaha melahirkan kepimpinan belia yang berwibawa, yang sanggup berbasah kering untuk masa depan negara. Mereka juga harus melahirkan belia yang mampu berhadapan dengan konsep-konsep baru kerajaan seperti k-ekonomi, era multimedia, dasar langit terbuka dan pelbagai lagi yang mungkin akan menjadikan ianya tidak lagi janggal dan tidak lagi mengalami kejutan budaya terhadap golongan belia ini.

Seterusnya, kementerian harus mewujudkan belia sihat, teguh, jati diri di pelbagai peringkat sama ada peringkat negeri, daerah, cawangan-cawangan agar seterusnya belia-belia ini dapat aktif dalam pergerakan belia antarabangsa supaya mereka dapat memberi sumbangan kepada kesejahteraan antarabangsa.

Tuan Pengerusi, untuk semua agenda yang telah saya sebutkan itu, saya mohon agar pihak kerajaan menaikkan jawatan hakiki Ketua Setiausaha Kementerian kerana berbanding dengan KSU kementerian-kementerian lain jawatan hakiki KSU ini terlalu rendah, jawatan hakiki Ketua Pengarah Belia dan Ketua Pengarah Sukan juga terlalu rendah berbanding dengan ketua-ketua pengarah jabatan-jabatan lain.

Lebih menyedihkan lagi pengarah-pengarah belia negeri juga mempunyai jawatan hakiki yang rendah, apatah lagi pegawai-pegawai belia di peringkat daerah, hanya bertaraf kumpulan 'B', bagaimana mereka berkomunikasi dengan pegawai-pegawai di peringkat daerah yang tarafnya taraf 'A' – kumpulan profesional, tentulah ada rasa rendah diri di kalangan mereka.

Kesimpulannya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyarankan bahawa belia dan kekayaan minda mereka ini serta tenaga mereka mestilah terus dipacu untuk menjadi sumber penting bagi pembangunan negara dalam era knowledge ekonomi ini. Belia-belia mesti lebih berdisiplin. Mereka mesti dilatih, mereka juga mesti dicerna supaya sahsiah mereka mempunyai nilai yang tinggi. Oleh sebab itu, Kementerian Belia dan Sukan harus dinaikkan tarafnya lebih tinggi lagi sesuai dengan penaikkan taraf Menteri dan Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jeli.

**16.52 ptg.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian [*Memulakan dengan ayat Quran*] - Surah Al-Mukminun – “*Dan orang-orang yang apabila diberi amanah kepadanya, maka dia menjaga amanah itu sebaik mungkin.*” [*Membaca ayat Quran*] - “*Dan orang-orang apabila berbelanja mereka tidak boros dan tidak*

*kedekut dan mereka adalah di antara kedua-duanya, pertengahan.” – Surah Al-Furqan.*

Sebagai menunai amanah, yakni amanah Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat, bukan hanya di kawasan Jeli tetapi juga seluruh Malaysia, maka saya mahu, saya berhajat untuk menyentuh Maksud Bekalan 17, Butiran 030300 yakni Pembangunan Ekonomi Belia.

Kita perhatikan bahawa peruntukan 1999 dan tahun 2000 jumlahnya sama, RM1,918,500 dan di bawah kod 2000 - Perkhidmatan dan Bekalan kita perhatikan bahawa jumlah untuk anggaran tahun 2000 kurang daripada anggaran 1999. Saya perhatikan bahawa jumlah ini adalah untuk tujuan pembangunan ekonomi belia. Jumlah yang diperuntukkan di bawah perkhidmatan dan bekalan hanyalah sekitar RM1 juta. Saya rasa ini adalah terlalu kecil dan terlalu tidak selaras untuk membangunkan ekonomi belia. Jadi, Dewan pada hari ini berhak tahu, perlu tahu daripada Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri apakah program-program, apakah rancangan-rancangan di bawah peruntukan sekecil ini untuk dibangunkan belia. Saya minta Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri memberi jawapan kepada Dewan ini.

Begitu juga dengan Butiran 040600 yakni Khidmat Sosial Negara yang berjumlah RM1 juta seperti mana yang dibangkitkan oleh kekanda Bagan Datoh tadi, Dewan juga berhasrat dan perlu tahu apakah komponen-komponen yang terlibat di dalam peruntukan sebanyak RM1 juta ini. Apakah ada di dalam program kerajaan di bawah khidmat sosial negara ini unsur-unsur ataupun program-program yang ada kaitan secara langsung kepada khidmat nasihat ataupun kaunseling agama, kerana kalau program-program yang berunsurkan agama atau kaunseling agama tidak dimasukkan di bawah khidmat sosial negara ini, maka kita tidak dapat melahirkan belia yang rapat dengan agama kerana agamalah merupakan benteng yang boleh menyelamatkan belia-belia daripada terjebak kepada segala anasir-anasir yang dibimbangkan oleh seluruh Ahli-ahli Dewan yang berada di sini dan rakyat Malaysia.

Jadi, saya minta pihak Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah program-program yang terlibat di dalam khidmat sosial negara yang berjumlah RM1 juta itu dan apakah ada kait program-program yang berunsurkan agama.

Butiran 050200 dan juga 050300 yang mana 050200 peruntukan berjumlah RM2.129 juta, manakala 050300 berjumlah RM2.6 juta mengenai Penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara. Kalaulah tidak silap saya penyelenggaraan dan publisiti ini telah pun diserahkan kepada syarikat yang tertentu, syarikat pengurusan yang berjaya mendapat kontrak pengurusan mempublisiti dan menyelenggarakan kompleks ini. Jadi, kalau sudah ada syarikat yang dilantik, syarikat yang dipilih melalui proses tender, apakah perlu peruntukan ini diberikan lagi, diperuntukkan lagi untuk publisiti dan juga penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara.

Begitu juga dengan Butiran 050500 yakni Sukan Olimpik Sydney 2000. Jadi, kita perlu tahu apakah program-program dan juga aktiviti-aktiviti sehingga kosnya mencapai RM300,000 sedangkan kita tahu Sukan Olimpik tersebut akan diadakan di Sydney.

Di bawah Maksud Pembangunan 17 Butiran 00200 - Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Sepang. Saya ingin tahu apakah kejayaan yang telah dicapai oleh institut ini setakat ini. Apakah sudah ramai belia-belie yang keluar daripada institut ini yang telah membuka syarikat perniagaan mereka sendiri kerana antara matlamat dan motif penubuhan institut ini ialah untuk melahirkan belia-belie yang mahir dalam bidang-bidang teknologi tinggi, di samping itu ialah untuk melahirkan mereka ini dapat membuka perniagaan mereka sendiri. Jadi, kita ingin tahu berapa ramaikah belia-belie yang keluar daripada IKTBN Sepang ini yang telah berjaya membuka perniagaan mereka sendiri dan yang telah keluar daripada Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara ini sendiri.

Butiran 00614 - Pusat Latihan Dataran Tinggi Lojing, Kelantan, peruntukan RM3 juta. Jadi, apakah antara perancangan-perancangan dan program-program yang bakal dijalankan di sini dan apakah statusnya setakat ini? Dengan peruntukan

ini dianggarkan berapa ramaiakah peserta dapat memanfaatkan tempat latihan ini setiap tahun?

Dan seterusnya Butiran 00906, 00908 yakni Program Pembangunan Ahli Sukan di bawah Skim Kumpulan Ahli Sukan, peruntukan RM1 juta, Kemudahan dan Peralatan - RM4 juta. Jadi, kita melihat akhir-akhir ini prestasi ahli-ahli sukan kita merosot kecuali dua sukan yang seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong.

Jadi, di bawah peruntukan ini, Dewan perlu tahu apakah program-program yang terlibat di bawah Skim Kumpulan Ahli Sukan berjumlah RM1 juta dan apakah kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam skim di bawah Kemudahan dan Peralatan sejumlah RM4 juta, kerana setelah kita tahu bahawa sukan kita menghadapi zaman yang gelap hari ini. Umpamanya, sepak takraw – pada empat, lima tahun sebelumnya negara kita sentiasa menjadi juara, sama ada Sukan SEA dan juga Sukan Asia, sama ada regu ataupun berpasukan tetapi sekarang ini Thailand sudah jauh mendahului kita di mana dengan teknik-teknik, dengan kreativiti-kreativiti mereka sendiri menyebabkan tekong sudah boleh lipat, bukan lagi apitnya lipat, dia tiga-tiga dah lipat, servis dah lipat. Malaysia dok main sistem lama lagi, seorang timbang seorang pukul, seorang timbang seorang pukul. Jadi, orang dah jauh dah tiga-tiga boleh lipat kita seorang baru boleh lipat.

Jadi kita sudah jauh ketinggalan berbanding dengan Thailand dan Thailand sudah tidak menganggap Malaysia sebagai saingannya. Saya baca dalam banyak akhbar Thailand, dia sudah tidak menggambarkan Malaysia sebagai saingan kerana dia sudah jauh mendahului Malaysia dalam segi sepak takraw, walhal lima tahun dulu negara kita juara Sukan SEA dan juga Sukan Asia dalam bidang sepak takraw. Jangan sebut pasal bola sepak. FIFA *ranking* kita jauh lebih rendah daripada Myanmar. Jauh lebih rendah daripada Singapura. Jauh lebih rendah daripada Laos.

Kalah 1-0, kalah dengan Filipina. Filipina yang tak pernah kenal bola pun kita kalah. Ini minta Yang Berhormat bagi Larut terangkan, tolong-tolong Yang Berhormat Menteri Sukan. Cambodia, Vietnam dah pukul kita, sekarang ini sudah malu hendak letak muka kita kat bola sedangkan bola sepak merupakan sukan yang

paling berprestij di seluruh dunia. Kalau dulu kita boleh berbangga dengan Mokhtar Dahari, kalau dulu kita boleh berbangga dengan Soh Chin Aun, Arumugam, Santokh Singh dan Shukor Salleh.

Di mana sekarang tokoh-tokoh sukan? Di mana pemain-pemain yang berkaliber? Selepas Azizul Abu Hanifah dah tak ada dah. Main dengan Filipina pun kalah, macam mana ini? Tak usah dok main bolalah. Main kat lainlah.  
*[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat. Masa dah habis. Jadilah tu.

**Tuan Mohd Apandi bin Mohamad:** Seterusnya yang terakhir Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 02003 Pusat Pertandingan Rakan Muda sebanyak lebih kurang RM9 juta, jadi apakah pusat-pusat pertandingan yang difikirkan oleh kerajaan dengan sejumlah ini? Butiran 02004, Pembangunan Kemudahan Program Rakan Muda berjumlah RM5 juta, jadi Dewan perlu tahu apakah kemudahan-kemudahan yang difikirkan oleh kementerian di bawah ini. Cuma saya hendak menekankan bahawa di bawah Program Rakan Muda ini, saya hendak mencadangkan supaya kita memberi tumpuan kepada nilai-nilai spiritual, nilai-nilai kerohanian.

Di antara beberapa benda yang kita perlu fikir ialah kita menyediakan pusat-pusat riadah, pusat-pusat seni mempertahankan diri, pusat-pusat diskusi belia dan juga perpustakaan di masjid-masjid yang mana ini boleh merapatkan belia-belia dengan masjid dan di samping itu juga pada yang masa belia dengan orang-orang tua, dia akan mempunyai hubungan yang rapat. Bila diadakan gelanggang-gelanggang seperti ini di masjid-masjid, maka sudah tentu bila sampai waktu solat dan sebagainya, mereka tidak akan melakukan perkara-perkara yang sepatutnya mereka tidak lakukan dan ini merupakan satu idea yang telah dijalankan di banyak negara-negara luar seperti yang kita tahu, negara-negara yang minoritinya Islam.

Saya rasa ini cukup penting di mana belia-belia dirapatkan dengan masjid. Sebab itu di antara pembangunan yang perlu kita dedahkan ialah umpamanya, pembangunan belia jelajah masjid – antara program-program yang kita perlu beri

perhatian. Belia khidmat masyarakat. Jadi, dengan itu akan menyebabkan belia lebih cenderung dan berminat untuk mendekatkan diri mereka dengan nilai-nilai yang baik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat dah cukup.

**Tuan Mohd Apandi bin Mohamad:** Jadi, sebelum itu saya tahu bahawa akhirnya Tuan Pengerusi akan kata ramai yang bersetuju daripada yang tidak bersetuju tetapi sebagai kata orang [*Membaca sepotong Hadis*] yang bermaksud: “*Bila kamu tidak mampu dengan kuasa, maka kamu tegur dengan lisan kamu*”. Jadi, dalam menjalankan tugas saya menegur dengan lisan walaupun kami tahu kami kalah tetapi tidak apa. Itu untuk kebenaran dan kebaikan semua pihak. Wallahualam.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hadis ya?

**Tuan Mohd Apandi bin Mohamad:** Hadis, hadis. Itu hadis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, Sipitang.

**5.04 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di bawah Butiran B.17, 020100 Pembangunan Belia, 020300 Penyelarasan Rakan Muda dan 030300 Pembangunan Ekonomi Belia.

Tuan Pengerusi, belia dan beliawanis adalah golongan muda yang bakal mewarisi negara kita. Mungkin ramai yang tidak melihat bahawa betapa pentingnya golongan belia ini sebagai pewaris negara kita di masa akan datang ini. Menjurus ke arah itu, apabila saya melihat peruntukan sebanyak RM300 juta ini ia adalah begitu kecil, sepatutnya, peruntukan ini dua kali ganda untuk membangunkan belia-belia kita. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian di bawah Pembangunan Belia 020100 ini, apakah program-program yang meliputi perbelanjaan RM11 juta untuk pembangunan belia.

Masalah kita pada hari ini, belia ini ada dua kumpulan. Yang pertama, kumpulan belia yang telah bekerja. Yang kedua, dari tahun ke tahun ramai pula

bilangan belia yang muncul yang tidak bekerja. Apakah kementerian ada senarai ataupun daftar belia-belia dari seluruh negara yang sudah bekerja dan masih belum bekerja, maknanya belia-belia yang menganggur. Di bawah Program Pembangunan Belia ini, bagi belia-belia yang sudah bekerja ini sebenarnya tidak ada banyak masalah. Selalunya masa mereka sudah terisi dengan kerja-kerja yang mereka lakukan sama ada makan gaji ataupun sudah berniaga sendiri.

Tetapi sebahagian besar masalah yang timbul adalah belia-belia yang tidak ada pekerjaan, sebab itu maksud saya di sini supaya belia yang tidak bekerja ini didaftar dan diatur program-program mereka supaya masa mereka itu diisi. Misalnya, apakah belia-belia ini dijemput untuk aktiviti-aktiviti sukarela ataupun aktiviti-aktiviti anjuran belia misalnya acara-acara perbarisan. Selalunya acara-acara perbarisan ataupun acara yang melibatkan ramai belia, jarang sekali dijemput belia-belia yang menganggur ini.

Selalunya belia-belia yang terlibat adalah dalam acara-acara yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan ataupun organisasi di mana mereka bertugas dan ini melibatkan mereka ini terpaksa meminta cuti ataupun minta cuti tanpa rekod, tetapi jikalau aktiviti-aktiviti untuk acara-acara besar diambil belia-belia menganggur maka dapatlah juga mereka ini mengisi masa lapang di samping dapat juga sedikit duit saku untuk perbelanjaan mereka.

Tuan Pengerusi, untuk belia-belia menganggur ini, kita perlu membuatkan aktiviti-aktiviti sepanjang masa sehingga mereka dapat kerja tetap. Apa salahnya kerajaan membayar elaun ataupun bantuan, misalnya RM100 sebulan, untuk mereka membuat kerja-kerja ataupun membantu kerajaan dalam tugas-tugas tertentu. Kalau kita mengambil RM100 sebulan misalnya, setahun kita belanja RM1200; kalau kita ada 1,000 orang, kita ada RM1.2 juta; dan kalau 10,000 orang RM12 juta; dan jikalau 100,000 orang kita akan berbelanja RM120 juta.

Bila mereka kita ambil, tentu sekali kita akan bentuk mereka ini melalui program-program tertentu khususnya program-program untuk cintakan negara dan juga untuk membina semangat patriotik. Masalah belia kita sekarang ini kalau kita lihat, kurangnya semangat cintakan negara dan semangat patriotik. Ini

menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan anasir-anasir jahat yang mempengaruhi mereka supaya belot kepada negara dan juga menyokong orang-orang yang tidak bertanggungjawab terhadap negara. Tuan Pengerusi, dalam program ini harusnya dirancang dimasukkan berbagai-bagai acara yang saya katakan tadi supaya dapat diselaraskan.

Mengenai dengan penyelarasan Program Rakan Muda - sembilan gaya hidup. Saya minta penjelasan daripada kementerian, gaya hidup yang manakah yang paling berjaya dalam sembilan gaya hidup ini? Yang manakah gaya hidup yang mendapat sambutan? Kalau kita lihat pada masa yang lalu, berbagai-bagai gaya hidup tetapi gaya hidup ini nampaknya tidak begitu menyerlah.

Salah satu perkara yang saya lihat menjadi trend masa kini ialah gaya hidup untuk mengisi masa lapang dengan kerja-kerja yang berfaedah. Salah satu di sini ialah gaya hidup sukan memancing. Tuan Pengerusi, saya ini minat memancing. Saya lihat sekarang banyak belia-belia begitu minat untuk memancing tetapi apakah program yang dianjurkan oleh kerajaan supaya hobi ini atau cara mengisi masa lapang ini diaturkan supaya program memancing ini dapat kita kembangkan di seluruh negara. Kalau kita lihat anak-anak kecil pun ikut ibu bapa mereka memancing tetapi kemudahan tempat untuk mengisi hobi ini begitu terhad dan pada masa ini mahal pula. Kalau di Kuala Lumpur ini untuk memancing di kolam-kolam swasta kita terpaksa membayar RM20 hingga RM50 satu jam. Ini di luar daripada kemampuan belia-belia khususnya belia-belia menganggur ini untuk mengisi masa lapang. Jadi acara ini cuma tertumpu kepada mereka yang bekerja atau mereka yang daripada golongan atasan tetapi tidak daripada golongan bawahan.

Saya ingin mencadangkan dan menyarankan kepada kerajaan supaya membina lebih banyak tempat-tempat rekreasi ataupun pusat-pusat memancing ini supaya belia-belia kita boleh pergi memancing ataupun melaksanakan hobi mereka ini dengan bayaran yang seminimum mungkin. Kementerian sendiri pula mengatur program-program pertandingan memancing ini supaya diadakan secara bulanan ataupun secara tiga bulanan agar belia-belia ini dapat dikumpulkan dan memenuhi

masa lapang mereka. Setakat ini upacara pertandingan memancing ini cuma dianjurkan oleh badan-badan tertentu dan juga badan-badan swasta yang mana lebih kepada bentuk komersial ataupun mencari keuntungan. Jikalau kementerian boleh menganjurkan supaya ia merupakan sebagai satu cara rekreasi dan untuk mendidik ataupun acara untuk memenuhi masa lapang belia ini dengan cara yang sihat adalah amat baik sekali.

Tuan Pengerusi, di bawah program 030300 Pembangunan Ekonomi Belia. Peruntukan RM1.9 juta ini adalah begitu rendah. Jikalau boleh peruntukan ini ditambah sepuluh kali ganda supaya pembangunan ekonomi belia ini diberi penekanan yang mendalam agar belia ini dapat dilatih untuk membangun ekonomi mereka sebelum mereka berkahwin ataupun mendirikan rumah tangga atau ada kerja tetap, kerana untuk meneruskan hidup mereka perlu dilatih. Misalnya belia-belia lulusan SPM yang berada di kampung kebanyakannya terbiar. Mereka ini selalunya malu untuk tampil ke hadapan. Mereka ini tidak ada pendedahan dan mereka ini tentunya tidak ada langsung pengalaman. Jadi untuk itu kita mesti membongkar mereka ini, mengambil mereka ini mendaftar mereka ini supaya dilatih untuk membangunkan ekonomi mereka.

Tentu sekali apabila mereka ini dibawa ke luar, mereka ini akan terdedah, mereka ini akan ada pergaulan, mereka ini akan ada perhubungan, sama ada perhubungan dengan rakan-rakan atau orang-orang korporat ataupun badan kerajaan tentu sekali selepas itu mereka boleh berusaha sendiri untuk membina ekonomi mereka. Yang penting sekali ialah peringkat awal, dengan izin, to break the ice, Tuan Pengerusi.

Oleh itu program-program untuk permohonan belia ini harus dirancang, harus diteliti dan peruntukan ditambah dan jurulatih-jurulatih ataupun pemangkin-pemangkin terhadap ekonomi belia ini hendaklah ditambah dan peruntukan keseluruhannya juga ditambah.

Tuan Pengerusi, kita berharap program-program belia ini diatur semula, pendekatan yang lebih praktikal supaya belia yang bakal mewarisi negara kita ini

adalah belia yang bertanggungjawab, belia yang terlatih, belia yang cintakan negara dan belia yang ingin melihat perpaduan, keamanan untuk negara kita.

Tuan pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pokok Sena.

**5.15 ptg.**

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.17, Butiran 020000, Program 020100, 020200, 020300.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan rakan saya daripada Bagan Datoh tadi mengatakan bahawa isu belia ini merupakan isu yang sangat penting yang perlu ditangani secara yang bijak kerana mereka merupakan aset yang sangat berharga kepada masa depan negara kita dan saya juga bersetuju bahawa isu belia masih lagi belum terlepas daripada gejala-gejala sosial, isu lepak dan sebagainya dan saya melihat bahawa program pembangunan belia ini perlu dirancang semula supaya proses pelaksanaan program pembangunan belia untuk menyisihkan mereka daripada gejala-gejala yang buruk dan tidak diingini itu perlu dapat dilaksanakan secara sebaik-baiknya.

Saya melihat bahawa ada kemungkinan antara punca kegagalan kepada pelaksanaan program pembangunan belia dari sudut pembangunan sosial, pembangunan akhlak dan sebagainya. Dia berpunca juga dengan permasalahan persatuan-persatuan belia yang terdapat dalam negara kita. Bagi saya bahawa persatuan-persatuan belia dalam negara kita sebenarnya gagal menunjukkan satu prestasi yang baik dalam membantu melaksanakan program-program pembangunan belia khususnya di negara kita. Ini saya lihat bila berlaku ekoran daripada persatuan belia lebih dilihat sebagai persatuan untuk memperteguhkan kedudukan politik di kalangan pemimpin-pemimpin parti-parti politik yang terdapat dalam negara kita dan akhirnya dia tidak menjadi satu pertubuhan, satu persatuan yang boleh menyumbang ke arah membangun dan membina masyarakat belia dalam negara kita.

Sebab itu kita lihat bahawa banyak persatuan-persatuan dalam negara kita tidak begitu berfungsi secara yang sebaiknya. Ada seperti yang selalu orang kata bahawa 'hidup segan, mati tak mahu' dan kalau hidup pun, mereka hidup hanya pada musim-musim tertentu pemilihan. Bila berlaku pemilihan-pemilihan tertentu maka orang-orang ini akan membina kem-kem mereka umpamanya di kalangan belia MAYC dengan diketuai oleh bekas Menteri Besar Kedah, 4Bnya dan sebagainya. Ini semua kita lihat bahawa perlu dilakukan satu proses orientasi semula terhadap persatuan belia supaya kita dapat melahirkan persatuan belia yang dapat melaksanakan fungsi dan peranan bagi membantu ke arah pembinaan masyarakat belia dalam negara kita.

Maksud saya orientasi tersebut adalah orientasi dari sudut kepimpinan supaya memastikan bahawa persatuan belia ini tidak dipolitikkan oleh kepentingan golongan-golongan politik tertentu dan saya kira bahawa perlu juga persatuan-persatuan belia ini mengambil kira soal umur kepimpinan belia itu sendiri walaupun perkara ini telah pun disebut sebelum ini dalam penggal-penggal yang lalu tetapi saya kira bahawa kadang-kadang kepimpinan belia dalam satu-satu pertubuhan belia itu tersangat jauh jarak dia dengan masyarakat belia semasa, umpamanya MAYC. Presiden MAYC yang saya kira telah terlalu lanjut umur dia untuk menangani permasalahan-permasalahan belia semasa yang tidak dapat menjiwai hasrat dan permasalahan-permasalahan masyarakat belia dalam negara kita, psikologi masyarakat belia dalam negara kita. Jadi harus ada satu penyusunan semula terhadap permasalahan umur belia dalam negara kita khususnya dari sudut kepimpinan belia dalam negara kita.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tanjung Karang berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya rasa masa saya sepuluh minit, Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Sikit saja, boleh tak? Ini pasal belia ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Kalau Tuan Pengerusi bagi masa pada saya ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa saya tak bagi.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ...ada dua tiga Kepala yang saya nak bercakap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Ini sebab belia.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tak mahu. Saya boleh bagi tapi kalau masa boleh ditambah pada saya, insya-Allah...

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Pendek saja tak boleh?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya orang baik.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Pendek saja, pendek, pendek.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Ini tak pernah jadi Ketua Belia macam mana nak cakap pasal belia ni.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Pasal apa tak pernah jadi Ketua Belia pula? Saya pernah jadi ahli Persatuan Belia. Saya tahu bagaimana masalah Persatuan Belia.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Belia mana?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...panjangkah?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi Tuan Pengerusi, saya telah pun menyebut tadi bahawa perlu kepada satu orientasi semula persatuan belia dari sudut kepimpinannya supaya persatuan belia ini kepimpinannya tidak dilihat sebagai persatuan yang mempunyai kepentingan politik kepada golongan ataupun pihak-pihak yang tertentu.

Kemudian Tuan Pengerusi, berkaitan dengan soal sukan - pembangunan sukan dalam negara kita, saya bersetuju dengan rakan saya bagi Kinabatangan tadi yang menyentuh soal pembangunan sukan dalam negara kita yang kita lihat bahawa mutu sukan dalam negara kita khususnya dalam beberapa jenis sukan ini sangat merosot. Begitu juga permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh persatuan-persatuan sukan. Kemerossotan mutu sukan itu berpunca daripada isu dalaman persatuan-persatuan sukan, apabila persatuan-persatuan sukan yang juga saya cadangkan bahawa perlu diorientasi semula dari sudut kepimpinan sukannya.

Saya bersetuju tadi dengan rakan saya bagi Kinabatangan bahawa perlu ada satu orientasi semula terhadap kepimpinan persatuan-persatuan sukan supaya persatuan-persatuan sukan ini tidak dilihat sebagai persatuan untuk memperkukuhkan kedudukan politik golongan-golongan tertentu dalam negara kita. Yang akhirnya mereka lebih melihat kepada kepentingan politik daripada melihat kepentingan mutu sukan dalam negara kita dan juga mutu atlet-atlet sukan dalam negara kita.

Sebab itu disebut tadi, rakan-rakan saya tadi menyebut bagaimana permasalahan dalam bowling, dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia dan sebagainya dan rakan saya bagi Larut sudah lebih maklum tentang permasalahan yang dihadapi dalam persatuan bola sepak dalam negara kita. Jadi, oleh sebab itu saya kira bahawa perlu ada satu orientasi semula terhadap persatuan-persatuan sukan ini. Juga, saya kira bahawa untuk memastikan pencapaian mutu sukan negara kita dapat ditingkatkan, orientasi semula juga perlu dibuat terhadap minda ahli-ahli sukan dalam negara kita supaya mereka tidak dibentuk secara tidak langsung, mungkin secara langsung itu tidak ada, tetapi secara tidak langsungnya dibentuk dalam minda ahli-ahli sukan negara kita ini bahawa mereka sukan untuk duit. Dan akhirnya menyebabkan mereka lebih melihat kepada kepentingan wang ataupun kepentingan duit semata-mata daripada melihat tanggungjawab mereka, peranan mereka, sumbangan mereka terhadap pembinaan pembangunan sukan untuk negara kita.

Oleh sebab itu, kita lihat bahawa bila krisis dalam persatuan sukan, umpamanya pembayaran tidak dapat diberikan secara yang baik, akhirnya kita lihat maka berlakulah gejala rasuah, politik wang dalam persatuan sukan yang membabitkan sama ada kepimpinan sukan ataupun ahli-ahli sukan di dalam persatuan-persatuan sukan itu sendiri. Maka akhirnya, timbullah di kalangan ahli-ahli sukan yang sanggup menjual permainan, menjual gawang gol, pintu gol hanya semata-mata kerana mereka boleh dibayar dengan harga-harga yang lebih lumayan daripada harga-harga yang diberikan oleh persatuan sukan. Jadi oleh sebab itu, saya rasa bahawa perlu ada satu orientasi dalam pemikiran, dalam minda ahli-ahli sukan ini supaya mereka lebih melihat kepada kepentingan sukan untuk negara.

Kemudian juga, saya kira bahawa bila kita bercakap soal politik wang dalam sukan, rasuah yang berlaku dalam sukan, dalam hendak mengorientasi semula minda ahli-ahli sukan dalam negara kita ini, ahli-ahli politik juga, pemimpin-pemimpin dalam negara kita, pemimpin kerajaan juga harus memperlihatkan dan dilihat oleh ahli-ahli sukan ini dengan satu ketelusan dan kebersihan daripada amalan-amalan yang buruk, rasuah, penyalahgunaan kuasa untuk mengumpul kekayaan dalam negara kita. Kadang-kadang saya rasa bahawa kita tersangat double standard dalam membersihkan rasuah, membanteras rasuah, membanteras amalan politik wang ini. Umpamanya, dulu bila kita kalah teruk dalam sukan bola sepak dengan Laos, 8-0, akhirnya bila balik sini akhbar-akhbar dalam negara kita menyebut kenyataan-kenyataan,...ambil tindakan kepada kepimpinan sukan, ambil tindakan kepada pemain-pemain dan sebagainya kerana mereka ini terlibat dengan rasuah, mereka menjual permainan dan sebagainya. Ya, saya bersetuju bahawa tindakan harus diambil tetapi kita ada double standard. Kita hanya hendak marah kepada orang yang menjual permainan, orang yang menjual padang bola, orang yang menjual gawang gol dan sebagainya, tetapi kita tidak begitu sensitif, marah dengan pemimpin politik yang terlibat dengan rasuah, penyalahgunaan kuasa yang boleh membawa kepada menjual agama, menjual bangsa, menjual rakyat, menjual negara kita. Ini yang berlaku dalam negara kita.

Jadi, oleh sebab itu kita harus melihat bahawa - umpamanya saya melihat di sini  
..... [Disampuk]

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal]:**

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Hendak minta penjelasan ni?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ....dia sedar atau tidak sedar ini adalah di peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, betul. Saya sedar.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Beliau telah menyebut perkara-perkara yang bersabit dengan dasar yang seharusnya tidak sentuh dan saya rasa kita tumpukan .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya menyebut bahawa .....

**Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal:** Kita tumpukan perhatian ke peringkat untuk Jawatankuasa sahaja bukan dasar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, saya memang merujuk kepada peringkat Jawatankuasa, butiran yang saya sebutkan tadi. Jadi, oleh sebab itu saya lihat bahawa ini untuk memastikan mutu sukan negara kita dapat dipertingkatkan supaya saya katakan tadi bahawa kepimpinan dalam negara kita harus membersihkan diri mereka dan dilihat oleh ahli-ahli sukan ini supaya ahli sukan tidak menjadikan pemimpin-pemimpin yang corrupt ini sebagai role model untuk mereka yang mereka rasa "kalau pemimpin pun boleh ambil duit, kalau pemimpin boleh ambil wang, takkan aku tidak boleh jual tiang gol, tak akan aku boleh jual padang bola dan umpamanya".

Jadi, oleh sebab itu kita lihat bahawa kita harus ada penyelarasan, tindakan yang tegas dalam pembanterasannya rasuah dan gejala politik wang. Saya bersetuju

tindakan perlu diambil ke atas mereka yang jual tiang gol, yang jual permainan tetapi kita harus juga mengambil tindakan kepada orang-orang politik, tetapi sayang, bila ada orang politik yang dicadangkan oleh BPR dan sebagainya tetapi akhirnya, datang menteri di sini bersihkan nama tersebut seperti mana Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, jadi Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Oleh sebab itu, saya mengharapkan supaya proses orientasi semula ini terhadap persatuan sukan, terhadap ahli-ahli sukan harus dilakukan secara sebaik-baiknya.

Kemudian, satu perkara lagi saya hendak sebut ialah berkaitan dengan soal membudayakan sukan dalam kehidupan masyarakat inikalau kita ingin melihat kepada pencapaian mutu sukan untuk negara secara yang lebih baik. Apabila saya melihat bahawa kadang-kadang seperti mana yang saya sebut dalam perbahasan peringkat dasar baru-baru ini bahawa peruntukan-peruntukan dalam rakan sukan umpamanya lebih banyak berlegar kepada golongan-golongan tertentu tetapi tidak sampai kepada akar umbi dan ini harus dilakukan. Umpamanya, untuk memperbanyakkan gelanggang-gelanggang sukan, padang permainan di peringkat kampung, di peringkat daerah, di peringkat akar umbi ini perlu dibuat dan perlu ada suatu rancangan pembangunan sukan sampai kepada peringkat akar umbi ini yang saya kira bahawa....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, satu sahaja saya hendak habis ini. Saya kira bahawa ..... *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Lima minit.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Kementerian boleh bersama dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menyelaraskan supaya

diwujudkan rancangan pembangunan sukan khususnya untuk mewujudkan gelanggang dan padang-padang sukan di dalam negara kita khususnya di kampung-kampung, Insya-Allah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Tambun ya, sila.

**5.28 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Saya ada dua minit nampaknya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Esok kita beri peluang lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Esok saya sambung 10 minit, ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** 8 minit lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya hendak *reconcile* Tuan Pengerusi ya, program Rakan Muda dengan buku ini, Prestasi 2000 ini sebab saya lihat program Rakan Muda bermula dengan jumlah belanjawan yang besar, lebih ratusan juta ringgit dan sekarang sudah sedikit. Bermakna bahawa program ini sudah sampai kepada peringkat penghujung iaitu dari segi kefahaman saya.

Di dalam buku Prestasi Aktiviti ini menyatakan bahawa di bawah program Rakan Muda bilangan peserta program Rakan Muda 1998 sebenar seramai 650,000 orang; tahun 1999 - 800,000 orang. Jadi, saya cuba hendak *reconcile* satu program yang sampai ke penghujung dan penyertaan yang ramai. Kalau saya cuba buat analisa 800,000 peserta dibahagikan dengan 193 kawasan Parlimen bermakna setiap kawasan Parlimen kurang-kurangnya ada 4,000 peserta. Tetapi daripada pengamatan di kawasan saya dan perbincangan dengan Ahli-ahli Parlimen di seluruh negeri saya, tidak seorang pun nampak program ini berjalan.

Jadi, bagaimana ada 800,000 peserta - peruntukan tahun lalu lebih kecil daripada tahun ini, macam mana hendak di *reconcile* perkara ini? Jadi, saya mohon penjelasan daripada Timbalan Menteri. Begitu juga dengan bilangan peserta

program Rakan Muda Sektor Industri ada seramai 150,000 tahun 1998 sebenar dan tahun 1999 - 170,000 anggaran.

Saya juga berharap bahawa Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri serta Setiausaha Parlimen dapat pergi ke Pejabat Belia dan Sukan di peringkat negeri dan juga daerah untuk mendapat maklumat secara yang first hand, yang....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus-menerus.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terus. Tuan Pengerusi ini bagus dari segi bahasa, dapat maklumat yang terus. Kerana saya bimbang begini Tuan Pengerusi ya, saya juga banyak terlibat dalam agensi-agensi kerajaan, kadangkala laporan yang diberi oleh pegawai sampai ke atas - laporan yang cantik dan elok dan sekiranya kita ambil at face value laporan-laporan tersebut, bermakna kita akan memberi jawapan yang tidak menggambarkan perkara sebenar di peringkat grass root, kerana untuk makluman Timbalan Menteri, baik di peringkat Pejabat Belia dan Sukan di peringkat negeri mahupun peringkat daerah sebenarnya gambaran tentang program Rakan Muda ini tidak begitu memuaskan. Itu yang .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat boleh sambung besok lapan minit lagi.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya terima kasih, saya boleh.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***

Februari  
2000

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N.,  
S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei),  
D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,  
D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah  
bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N.,  
A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P.  
D.P.M.S. (Labis)

- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P.,  
D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim  
Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie  
anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz,  
S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak,  
S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar,  
S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri  
Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M.,  
S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S  
(Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti  
Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M.,  
S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin  
Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Ong Ka Ting, D.P.M.P.  
(Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz,  
D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid,  
D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P.,  
D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok  
(Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S.  
(Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)

- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamisyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)

- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)

- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Mokhtar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)

- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Senator)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

*Setiausaha Dewan Rakyat*

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

*Ketua Penolong Setiausaha*

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

*Penolong Setiausaha*

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Khairul Azila binti Haji Khairuddin  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Mashitah binti Kamaruddin  
Abu Bakar bin Hasan  
Alias bin Md. Nor

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA**

**K A N D U N G A N****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG**

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

**Jawatankuasa:****Jadual –**

Maksud B.1 hingga B.13

(Halaman 24)

Maksud B.14 hingga B.16

(Halaman 44)

Maksud B.17

(Halaman 111)

**USUL**

Anggaran Pembangunan 2000

**Jawatankuasa:**

Maksud P.7 dan P.8

(Halaman 24)

Maksud P.14 dan P.16

(Halaman 44)

Maksud P.17

(Halaman 111)